Di dalam dokumen “Keluarga: Suatu Perisytiharan Kepada Dunia,” sebuah dokumen yang diilhami dan diterbitkan oleh Presidensi Utama dan Kourum Dua Belas Rasul, kita mempelajari bahawa dalam alam prafana “semua insan”---lelaki dan perempuan---[dicipta] untuk menyerupai Tuhan. Setiap insan adalah anak rohani lelaki atau anak rohani perempuan terkasih kepada ibu bapa syurgawi, dan, oleh demikian, masing-masing mempunyai sifat dan takdir ilahi. Jantina merupakan sifat yang asas untuk identiti [dan tujuan prafana]. . .

“. . . Seterusnya kami mengisytiharkan bahawa Tuhan telah memerintahkan bahawa kuasa memperanakan yang kudus harus digunakan hanya di antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang telah dikahwinkan menurut undang-undang negara sebagai suami dan isteri.”

Hukuman besar yang Lusifer dan para pengikutnya mengenakan ke atas diri mereka adalah bahawa mereka tidak dapat mempunyai tubuh jasmani.

Banyak dari godaan yang kamu menghadapi, sudah tentu godaan yang paling serius, yang berhubungan dengan tubuh kamu. Kamu tidak hanya mempunyai kuasa untuk menciptakan tubuh-tubuh bagi satu generasi baru, tetapi kamu juga mempunyai hak pilihan.

Nabi Joseph Smith mengajarkan, “Semua makhluk yang mempunyai tubuh mempunyai kuasa atas mereka yang tidak mempunyai tubuh.” Maka setiap jiwa yang hidup yang mempunyai satu tubuh jasmani akhirnya mempunyai kuasa atas musuh. Kamu menderita godaan-godaan disebabkan oleh tubuh jasmani alamiah kamu, tetapi kamu juga

Setelah kami lulus dari sekolah tinggi, kebanyakan teman-teman sekelas kami telah pergi berperang, beberapa dari mereka tidak pernah kembali. Selebihnya dari kami segera memasuki ketenteraan. Kami tidak mengetahui tentang masa depan kami. Akankah kami terselamat dari perang itu? Akankah cukup tertinggal dunia kami yang ditinggalkan apabila kami kembali?

Sebab Saya pasti akan dikerahkan untuk memasuki tentera, saya menjadi anggota tentera udara. Segera saya berada di Santa Ana, California, untuk latihan sebelum penerbangan.

Saya pada waktu itu tidak mempunyai satu kesaksian yang teguh bahawa injil itu adalah benar, tetapi saya mengetahui bahawa para guru seminari saya, Abel S. Rich dan John P. Lilywhite, mengetahui injil itu benar. Saya telah mendengar mereka bersaksi, dan saya mempercayai mereka. Saya berfikir kepada diriku sendiri, "Saya akan bergantung pada kesaksian-kesaksian mereka hingga saya memperoleh satu kesaksianku sendiri." Dan itulah yang saya lakukan.

Saya telah mendengar tentang berkat bapa bangsa tetapi belum menerimanya. Di dalam setiap pancang terdapat seseorang yang ditahbiskan sebagai bapa bangsa yang mempunyai roh nubuat dan roh wahyu. Ia diberi kuasa untuk memberikan berkat-berkat persendirian dan peribadi kepada mereka yang datang dengan rekomen dari uskup. Saya menulis kepada uskup saya bagi sebuah rekomen.

J. Roland Sandstrom adalah bapa bangsa yang ditahbiskan dan tinggal dalam Pancang Santa Ana. Ia sama sekali tidak mengetahui saya dan tidak pernah berjumpa dengan saya sebelumnya, tetapi ia memberi saya sebuah berkat. Di dalamnya saya menemukan jawapan-jawapan dan arahan.

Walaupun berkat-berkat bapa bangsa adalah peribadi, saya akan berkongsi satu kutipan pendek dari berkat itu: "Kamu akan dibimbing melalui bisikan-bisikan Roh Kudus dan kamu akan diberi amaran akan bahaya-bahaya. Jikalau kamu menghiraukan amaran-amaran itu, Bapa Syurgawi kita akan memberkati kamu supaya kamu boleh sekali lagi bersatu dengan orang-orang yang kamu kasihi."

Perkataan *jikalau* itu, walaupun ianya secara relatif kecil, kata itu nampaknya sangat penting bagi saya. Saya diberkati untuk kembali dari perang *jikalau* saya mematuhi perintah-perintah dan *jikalau* saya menghiraukan peringatan dari Roh Kudus. Walaupun kurnia itu telah dianugerahkan kepada saya pada pembaptisan, saya belum lagi mengetahui apa itu Roh Kudus ataupun bagaimana peringatan itu bekerja.

Apa yang perlu saya ketahui tentang peringatan-peringatan saya menemukannya dalam Kitab Mormon. Saya baca bahawa "para malaikat berbicara melalui kuasa Roh Kudus; Oleh kerana itu, mereka mengucapkan firman Kristus. Oleh kerana itu, . . . bergirang hatilah akan firman Kristus, kerana lihatlah, firman Kristus akan memberitahu kepadamu segala hal yang harus kamu lakukan."

Mungkin perkara yang besar yang saya pelajari dari membaca Kitab Mormon ialah bahawa suara dari Roh datang seperti suatu *perasaan* daripada suatu suara. Kamu akan

belajar, seperti yang telah saya pelajari, untuk “mendengarkan” suara itu yang *dirasai* daripada *didengari*.

Nefi memarahi saudaranya yang tertua dengan berkata, “Kamu telah melihat seorang malaikat, dan ia berbicara kepadamu: ya, kamu telah mendengar suaraNya dari waktu ke waktu, dan Dia telah berfirman kepadamu dengan suara yang halus, tetapi kamu sudah tidak dapat merasa, sehingga kamu tidak dapat merasakan firmanNya.”

Beberapa pengkritik telah berkata bahawa versa-versa ini adalah kesilapan kerana kamu mendengar kata-kata, kamu tidak dapat merasakan mereka. Tetapi jikalau kamu mengetahui apa sahaja tentang komunikasi rohani, kamu mengetahui bahawa kata yang terbaik untuk menjelaskan apa yang terjadi adalah dengan kata *perasaan*.

Kurnia Roh Kudus, jikalau kamu mengizinkannya, akan membimbing dan melindungi, dan bahkan membetulkan tindakan-tindakan kamu. Ialah sebuah suara rohani yang datang ke dalam fikiran seperti suatu pemikiran ataupun suatu perasaan yang dimasukkan ke dalam hatimu. Nabi Enos berkata, “Suara Tuhan datang kembali di dalam hatiku.” Dan Tuhan mengatakan kepada Oliver Cowdery, “Ya, lihatlah Aku dengan perantaraan Roh Kudus akan memberitahukan kepadamu dalam akalmu dan dalam hatimu, hal yang akan datang ke atasmu.”

Adalah tidak diharapkan bahawa kamu melalui kehidupan ini tanpa membuat kesalahan-kesalahan, tetapi kamu tidak akan membuat kesalahan besar tanpa pertama-tama diberikan amaran oleh peringatan-peringatan dari Roh Kudus. Janji ini berlaku kepada semua ahli-ahli Gereja.

Beberapa orang akan membuat kesalahan-kesalahan yang sangat serius, melanggar hukum-hukum injil. Inilah waktunya untuk mengingatkan kamu akan Korban Tebusan, pertaubatan, dan pengampunan yang penuh sehingga kamu dapat menjadi murni kembali. Tuhan berkata, “Lihatlah, dia yang bertaubat atas dosa-dosanya, orang itu menerima pengampunan, dan Aku, Tuhan tidak akan mengingatnya lagi.”

Jikalau musuh mengambil kamu sebagai tahanan kerana dosamu, saya mengingatkan kamu bahawa kamu memegang kunci yang akan membuka pintu penjara dari dalam. Kamu dapat dibersihkan melalui pengorbanan tebusan Yesus Kristus.

Kamu mungkin di dalam masa kesukaran berfikir bahawa kamu tidak layak diselamatkan kerana kamu telah membuat kesalahan, besar ataupun kecil, dan kamu berfikir bahawa sekarang kamu tersesat. Itu tidak *pernah* benar! Hanya pertaubatan yang dapat menyembuhkan apa yang tercedera. Tetapi, pertaubatan yang dapat menyembuhkan apa yang tercedera, tidak masalah apapun ianya.

Jikalau kamu menjadi terbabit dalam perangai-perangai yang seharusnya tidak kamu lakukan, atau jikalau kamu bergaul dengan orang-orang yang menarik kamu ke arah yang salah, itulah waktunya kamu mempergunakan kebebasanmu, iatu hak pilihan kamu. Dengarlah kepada suara dari Roh, dan kamu tidak akan dipandu ke jalan yang tersesat.

Saya berkata sekali lagi bahawa remaja hari ini dibesarkan di dalam kawasan musuh dengan penurunan prinsip moral. Tetapi sebagai seorang hamba Tuhan, saya berjanji bahawa kamu akan dilindungi dan dinaungi dari serangan-serangan dari musuh *jikalau*

Berpakaian dengan sopan; bertutur secara terhormat; mendengar muzik yang bermoral tinggi. Mengelakkan semua perkara yang tidak bermoral dan amalan peribadi yang menurunkan akhlak. Awasi kehidupanmu dan memerintahkan dirimu untuk setia. Sebab kami sangat bergantung kepadamu, dan kamu akan diberkati dengan luar biasa. Bapa Syurgawi sentiasa mengawasi kamu.

Kekuatan dari kesaksian saya telah berubah sejak masa itu yang saya berasa perlu untuk bergantung pada kesaksian-kesaksian dari para guru seminari saya. Sekarang saya bergantung pada yang lain ketika saya berjalan disebabkan berumur dan polio yang saya mempunyai pada masa kanak-kanak tetapi bukan dari keraguan tentang masalah-masalah rohani. Saya sedar untuk mempercayai, memahami, dan mengetahui kebenaran-kebenaran injil yang sangat berharga dan akan Juruselamat Yesus Kristus.

Sebagai salah satu dari para saksi khusus, saya bersaksi bahawa hasil dari pertempuran ini yang bermula di dalam kehidupan prafana adalah pasti. Lucifer akan kalah.

Di awal kita bercakap tentang gagal. Kamu para gagal yang muda tidak perlu terbang tanpa tujuan di segala haluan, tidak tentu akan jalan dihadapan. Terdapat orang-orang yang mengetahui jalan. “Sungguh Tuhan tidak berbuat sesuatu, tanpa menyatakan rahsia-Nya kepada hamba-hambanya para nabi.” Tuhan mengatur GerejaNya berdasarkan kunci-kunci dan dewan-dewan.

Kepala Gereja terdiri dari orang lelaki yang disokong sebagai para nabi, para pelihat, dan para pewahyu. Setiap anggota dari Presidensi Utama dan Kuorum Dua belas Rasul memegang semua kunci-kunci imamat bagi pengarahannya Gereja. Rasul senior ialah Nabi--Presiden Thomas S. Monson, yang satu-satunya berwenang untuk mempergunakan semua kunci-kunci tersebut.

Ayat-ayat suci menghendaki bahawa Presidensi Utama dan Kuorum Dua belas bekerja dalam dewan-dewan dan bahawa keputusan-keputusan dari dewan-dewan tersebut ialah sebulat suara. Dan begitulah adanya. Kita mempercayai Tuhan untuk membimbing jalan kita dan kita hanya menjalankan kehendakNya. Para anggota Presidensi Utama dan Kuorum Dua belas mengetahui bahawa Dia sangat mempercayai kami, secara individu dan secara kumpulan.

Kamu mesti belajar “mempercayai Tuhan dengan segenap hatimu, dan janganlah bergantung pada pengertianmu sendiri.” Kamu mesti dapat dipercayai dan kelilingilah dirimu dengan kawan-kawan yang berkeinginan sama.

Kadang-kadang kamu mungkin digoda untuk berfikir seperti saya dari waktu ke waktu di masa remaja-ku: “sebab bagaimana situasi berlangsung, dunia ini akan berakhir. Masa akhir dunia akan datang sebelum saya berjaya mencapai apa yang saya perlu. Itu tidak benar! Kamu boleh berharap untuk melakukan perkara yang benar ---berkahwin, mempunyai satu keluarga, melihat anak-anakmu dan para cucumu, bahkan mungkin melihat cicitmu.

Jikalau kamu akan mengikuti asas-asas ini, kamu akan diawasi dan dilindungi dan kamu dirimu sendiri akan mengetahui melalui peringatan-peringatan Roh Kudus akan jalan

mana yang harus diikuti, “dan oleh kuasa Roh Kudus kamu dapat mengetahui kebenaran akan semua hal.” Saya berjanji bahawa itu akan dipenuhi.

Dia Mengambil Berat untuk Anda

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama

Musa, salah satu nabi terhebat yang pernah diketahui manusia, dibesarkan oleh anak perempuan Firaun dan menghabiskan empat puluh tahun pertama hidupnya di rumah diraja Mesir. Dia ketahu sendiri kemuliaan dan kehebatan kerajaan purba itu.

Bertahun-tahun kemudian, di atas gunung yang jauh dari keindahan dan keagungan Mesir yang perkasa, Nabi Musa berdiri di hadapan Tuhan dan bercakap kepada-Nya-muka ke muka seperti seorang yang bercakap dengan kawannya. Sepanjang lawatan itu, Tuhan telah menunjukkan Musa mutu kerja tangan-Nya, membenarkan dia melihat kerja dan kemuliaan-Nya. Apabila penglihatan itu berakhir, Musa jatuh ke bumi selama berjam-jam. Pada masa kekuatannya kembali, dia menyedari sesuatu yang, dalam semua tahun di rumah Firaun, tidak dia sedari sebelumnya.

"Tahulah aku," katanya, "bahawa manusia bukanlah apa-apa."

Kita adalah Kurang Daripada Apa yang Kita Mengandaikan

Lebih banyak yang kita pelajari tentang alam semesta ini, lebih banyak kita memahami -- - sekurang-kurangnya sebahagian kecil --- apa yang Musa ketahu. Alam semesta ini begitu besar, misteri, dan gemilang hingga ia tak dapat difahami minda manusia. "Dunia tak terhitung telah aku ciptakan," kata Tuhan kepada Musa. Keajaiban langit malam merupakan bukti yang indah tentang kebenaran itu.

Hanya beberapa perkara yang telah mengisi hati saya dengan perasaan kagum seperti terbang pada masa malam merentasi lautan dan benua dan melihat ke luar tingkap bilik juruterbang saya kemuliaan berjuta-juta bintang yang tidak terhingga.

Ahli astronomi telah cuba untuk menghitung bilangan bintang dalam alam semesta. Satu kumpulan saintis menganggarkan bahawa bilangan bintang dalam jarak teleskop kita adalah sama dengan bilangan segala biji-biji pasir di pantai dan padang pasir dunia didarab dengan sepuluh.

Kesimpulan ini mempunyai persamaan yang menarik dengan pernyataan nabi purba Henokh: "Dan seandainya mungkin bagi manusia untuk menghitung unsur-unsur bumi,

ya, berjuta-juta bumi-bumi semacam ini, hal itu tidak akan menjadi permulaan untuk menghitung ciptaan-Mu."

Memandangkan ciptaan luas Tuhan, senang faham kenapa Raja Benjamin menasihati kaumnya untuk "selalu memegang teguh di dalam ingatan, akan keagungan Tuhan serta betapa tiada berartinya dirimu sendiri."

Kita adalah Lebih Daripada Apa yang Kita Mengandaikan

Walaupun manusia bukanlah apa-apa, ia memenuhi saya dengan hairan dan kagum memikirkan bahawa "nilai jiwa adalah sangat berharga pada pandangan Tuhan."

Dan sedangkan kita boleh melihat keluasan alam semesta dan berkata, "Apakah manusia dibandingkan dengan kemuliaan penciptaan?" Tuhan sendiri berkata bahawa kita adalah sebab Dia menjadikan alam semesta! Kerja-Nya dan kemuliaan --- tujuan untuk alam semesta yang megah ini --- ialah untuk menyelamatkan dan mendatangkan kebakaan kepada manusia. Dalam kata lain, keluasan kekekalan, kegemilangan dan misteri ruang dan masa tak terhingga dibina bagi manfaat manusia biasa seperti anda dan saya. Bapa Syurgawi kita menciptakan alam semesta supaya kita boleh mencapai potensi kita sebagai anak-anak-Nya.

Ini adalah lawan asas manusia: berbanding dengan Tuhan, manusia bukanlah apa-apa; namun kita adalah segala-galanya kepada Tuhan. Walaupun dibandingkan dengan penciptaan tak terhingga kita mungkin akan kelihatan bukanlah apa-apa, kita mempunyai satu percikan api dari api kekal membara dalam diri kita. Kita mempunyai janji kemuliaan yang tidak dapat kita fahami --- dunia-dunia tak dihitung --- dalam genggamannya kita. Dan ia adalah keinginan Tuhan untuk membantu kita mencapai kemuliaan itu.

Kebodohan Kesombongan

Penipu terbesar, Setan tahu bahawa salah satu alatnya yang paling berkesan dalam menyesatkan anak-anak Tuhan ialah untuk merayu kepada kedua-dua ekstrim lawan asas manusia. Bagi sesetengah orang, dia merayu kepada kecenderungan mereka menjadi sombong, menggalakkan mereka untuk mempercayai dalam fantasi kepentingan dan kekebalan diri mereka sendiri. Dia memberitahu mereka bahawa mereka sudah melampaui biasa dan kerana keupayaan, hak kelahiran, atau status sosial, mereka lebih baik daripada apa yang biasa di sekeliling mereka. Dia membawa mereka menyimpulkan bahawa oleh kerana itu, mereka tidak tertakluk kepada peraturan orang lain dan tidak harus diganggu oleh masalah orang lain.

Abraham Lincoln menyukai puisi yang berbunyi:

Ya mengapa roh manusia harus berbangga?
Seperti meteor pantas, awan menerbang cepat,
Sedenyar kilat, pecahan gelombang,
Manusia meninggal kehidupan untul rehat dalam kuburnya.

Pengikut-pengikut Yesus Kristus memahami bahawa berbanding dengan selama-lamanya, kewujudan kita dalam hidup fana ini "sebentar sahaja" dalam ruang dan masa.

Mereka tahu bahawa nilai sebenar seseorang mempunyai sedikit kaitan dengan apa yang dunia menganggap dengan penghargaan yang tinggi. Mereka tahu anda boleh kumpulkan segala wang di dunia dan ia tidak boleh membeli sebuku roti dalam ekonomi syurga.

Orang-orang yang akan "mewarisi Kerajaan Tuhan" ialah orang yang menjadi "seperti seorang anak, penurut, lemah lembut, rendah hati, sabar, penuh kasih sayang." "Sebab barangsiapa meninggikan diri, ia akan direndahkan dan barangsiapa merendahkan diri, ia akan ditinggikan." Murid-murid Yesus memahami juga "bilamana kamu melakukan pelayanan untuk sesamamu berarti kamu hanya melayani Tuhanmu."

Kita Tidak Dilupakan

Satu lagi cara Setan menipu ialah melalui kesengsaraan. Dia cuba untuk mengubah pandangan kita tidak penting kita sendiri sehingga kita mula ragu-ragu nilai diri kita. Dia memberitahu kita bahawa kita adalah terlalu kecil untuk sesiapa mengambil perhatian, yang kita adalah terlupa --- terutamanya oleh Tuhan.

Biarkan saya berkongsi dengan anda pengalaman peribadi saya yang mungkin membantu orang yang merasa tidak penting, dilupakan, atau bersendirian.

Bertahun-tahun yang lalu, saya masuk latihan juruterbang di Angkatan Udara Amerika Syarikat. Saya jauh dari rumah saya, seorang askar Jerman Barat yang muda, yang dilahirkan di Czechoslovakia, yang telah dibesarkan di Jerman Timur dan bertutur dalam bahasa Inggeris hanya dengan kesukaran hebat. Dengan jelas saya ingat perjalanan saya ke pangkalan latihan kami di Texas. Saya berada di atas kapal terbang, duduk di sebelah penumpang yang bercakap dengan loghat Amerika Selatan berat. Saya langsung tidak memahami perkataan katanya. Saya sebenarnya tertanya-tanya jika saya telah diajar bahasa yang salah selama ini. Saya terkejut melihat oleh pemikiran bahawa saya akan bersaing untuk mendapatkan tempat teratas dalam latihan juruterbang, terhadap pelajar yang merupakan penutur asli Bahasa Inggeris.

Apabila saya tiba di pangkalan udara di bandar kecil Big Spring, Texas, saya mencari dan mendapati cabang Orang Suci Zaman Akhir, yang terdiri beberapa ahli gereja yang hebat yang mengadakan gereja di dalam bilik yang disewa di pangkalan udara itu sendiri. Ahli-ahli itu dalam proses membina sebuah gereja kecil yang akan menjadi tempat yang tetap bagi Jemaah. Pada masa itu ahli-ahli sendiri menyediakan kebanyakan kerja untuk membangun gereja baru.

Hari demi hari saya belajar sedaya-upaya saya dan menggunakan kebanyakan masa lapang saya bekerja di gereja baru. Di sana saya mendapat tahu bahawa dua oleh empat bukanlah satu tarian tetapi sekeping kayu. Saya juga belajar kemahiran penting tidak memukul ibu jari saya apabila ketukan paku.

Saya menggunakan begitu banyak masa bekerja di gereja itu bahawa presiden cabang --- yang juga merupakan salah satu tenaga pengajar penerbangan kami --- mengucapkan kebimbangan bahawa mungkin saya harus menggunakan lebih banyak masa belajar.

Kawan-kawan saya dan juruterbang pelajar lain terlibat diri mereka dalam aktiviti-aktiviti masa lapang juga, tetapi saya fikir adalah cukup untuk mengatakan bahawa beberapa aktiviti-aktiviti tersebut tidak sejajar dengan risalah *Untuk Kekuatan Remaja* yang kita punyai hari ini. Bagi saya, saya menikmati menjadi bahagian yang aktif cabang Texas barat ini yang kecil, melatih kemahiran saya tukang kayu, dan meningkatkan bahasa Inggeris saya semasa saya memenuhi panggilan-panggilan saya untuk mengajar di kuorum elder dan di Sekolah Minggu.

Pada masa itu, Big Spring, di sebalik namanya, adalah tempat yang remeh dan tidak diketahui. Dan saya sering merasai yang sama tentang diri saya sendiri --- tidak penting, tidak diketahui, dan agak sendirian. Meskipun dimikian, saya tidak pernah tertanyanya jika Tuhan telah lupa saya atau jika Dia akan dapat mencari saya di sana. Saya tahu bahawa ia tidak penting kepada Bapa Surgawi di mana saya berada, di mana saya menduduki tempat dengan orang lain dalam kelas latihan juruterbang, atau panggilan saya di Gereja. Apa yang penting kepada-Nya ialah aku telah melakukan sebaik yang saya boleh, hati saya cenderung kepada Tuhan, dan bahawa saya bersedia untuk membantu orang di sekeliling saya. Saya tahu jika saya melakukan sebaik yang saya boleh, semua akan baik.

Dan semuanya baik.

Yang Terkhir Menjadi yang Pertama

Tuhan tidak peduli sama sekali jika kita menghabiskan hari kita bekerja di dewan marmar atau gerai kandang. Dia tahu di mana kita berada, tidak kira betapa merendah

diri keadaan kita. Dia akan menggunakan --- dengan caraNya sendiri dan bagi tujuan suci-Nya --- orang yang cenderung hati mereka kepada-Nya.

Tuhan ketahui bahawa sesetengah roh-roh terhebat yang pernah hidup adalah orang-orang yang tidak pernah akan ditulis di tawarikh sejarah. Mereka ialah jiwa-jiwa yang diberkati dan rendah hati, yang mencontohi contoh Penyelamat dan menghabiskan hari-hari kehidupan mereka melakukan yang baik.

Satu pasangan begitu, ibu bapa teman saya, contohi asas ini bagi saya. Suami itu bekerja di kilang keluli di Utah. Pada makan tengah hari dia akan mengeluarkan kitab-kitab suci atau majalah Gereja dan membaca. Apabila pekerja-pekerja lain melihat ini, mereka mengejek dia dan menlawan kepercayaannya. Bila-bila mereka lakukan ini, dia bercakap kepada mereka dengan kebaikan dan keyakinan. Dia tidak membenarkan tidak beri kehormatan mereka untuk membuat dia marah atau kecewa.

Tahun kemudian salah satu daripada yang mengejek-ejek lantang menjadi sangat sakit. Sebelum dia meninggal dunia, dia meminta agar orang yang rendah hati ini berucap di upacara pengebumian itu --- dan dia lakukannya.

Ahli gereja yang penuh iman ini tidak mempunyai banyak status sosial atau kekayaan, tetapi pengaruhnya dilanjutkan mendalam kepada semua yang kenali dia. Dia meninggal dunia dalam kemalangan perindustrian apabila berhenti untuk membantu pekerja lain yang telah terkandas dalam salji.

Dalam tempoh setahun isterinya harus melalui pembedahan otak, yang biarkan dia tidak dapat berjalan. Tetapi orang suka datang untuk menghabiskan masa dengannya kerana dia suka mendengar. Dia masih ingat. Dia mengambil berat. Tidak dapat menulis, dia hafalkan nombor telefon anak-anak dan cucu-cucunya. Dengan penuh kasih sayang dia mengingati hari lahir dan ulang tahun.

Mereka yang melawat dia keluar merasa jauh lebih baik tentang kehidupan dan tentang diri mereka. Mereka merasakan kasihnya. Mereka tahu dia peduli. Dia tidak pernah mengadu tetapi menghabiskan hari memberkati kehidupan orang lain. Salah satu temannya berkata wanita ini adalah salah satu dari sedikit orang yang dia pernah kenali yang benar-benar contohi kasih sayang dan kehidupan Yesus Kristus.

Pasangan ini akan jadi orang pertama untuk mengatakan mereka tidak penting di dunia ini. Tetapi Tuhan menggunakan skala yang sangat berbeza daripada dunia untuk menimbang nilai jiwa. Dia tahu pasangan yang penuh iman ini; Dia mengasihi mereka. Tindakan mereka adalah saksi hidup iman yang kukuh mereka kepada-Nya.

Dia Mengambil Berat untuk Anda

Saudara dan saudari, mungkin benar bahawa manusia itu tidak apa-apa jika berbanding dengan kebesaran alam semesta. Kadang-kadang kita mungkin merasa tidak penting, tidak dapat dilihat, bersendirian, atau terlupa. Tetapi sentiasa ingat --- dia mengambil berat untuk anda! Jika anda ragu-ragu, pertimbangkan empat prinsip-prinsip ilahi ini:

Pertama, Tuhan mengasihi orang-orang yang rendah hati dan lemah lembut, kerana mereka adalah "terbesar dalam Kerajaan Syurga."

Kedua, Tuhan mengamanahkan "kegenapan [Nya] injil [untuk] diumumkan oleh yang lemah dan yang sederhana kepada segenap ujung bumi." Dia telah memilih "hal yang lemah [untuk] muncul dan mengalahkan yang perkasa dan kuat." dan memalukan "apa yang kuat "

Ketiga, tidak kira di mana anda hidup, tidak kira betapa merendah diri keadaan anda, betapa tidak seberapa pekerjaan anda, betapa terhad kebolehan anda, betapa biasa rupa anda, atau betapa kecil panggilan anda di dalam Gereja kelihatan, Bapa Syurgawi dapat lihat anda. Dia mengasihi anda. Dia tahu hati yang rendah anda dan perbuatan kasih sayang dan kebaikan anda. Bersama-sama, mereka membentuk kesaksian yang berpanjangan kesetiaan dan kepercayaan anda.

Keempat dan akhirnya, sila memahami bahawa apa yang anda lihat dan mengalami kini tidak akan jadi selama-lamanya. Anda tidak akan merasa kesepian, kesedihan, kesakitan, atau kesengsaraan buat selama-lamanya. Kita punyai janji setia Tuhan bahawa Dia tidak akan lupa dan tidak akan jauhkan diri dari orang yang cenderung hati mereka kepada-Nya. Punyailah harapan dan iman dalam janji itu. Belajar untuk mengasihi Bapa Syurgawi anda dan menjadi pengikut-Nya dalam perkataan dan perbuatan.

Yakinlah bahawa jika kamu teruskan, percaya kepada-Nya, dan tetap setia dalam memelihara perintah-perintah, satu hari anda akan mengalami untuk diri anda sendiri, janji-janji yang diturunkan kepada Rasul Paulus: "Tidak pernah dilihat oleh mata, dan tidak pernah didengar oleh telinga, dan yang tidak pernah timbul di dalam hati manusia: semua yang disediakan Tuhan untuk mereka yang mengasihi Dia."

Saudara dan saudari, Makhluk yang paling berkuasa dalam alam semesta ini adalah Bapa roh anda. Dia kenali anda. Dia mengasihi anda dengan kasih sayang yang sempurna.

Tuhan melihat anda bukan hanya sebagai seorang manusia yang di bumi kecil yang hidup untuk musim ringkas --- Dia melihat anda sebagai anak-Nya. Dia melihat anda sebagai

orang yang mampu dan direka untuk menjadi. Dia ingin anda tahu bahawa Dia mengambil berat untuk anda.

Semoga kita percaya, amanah, dan menyelaraskan kehidupan kita supaya kita akan memahami nilai dan potensi kekal kita yang sebenar. Semoga kita layak untuk berkat berharga yang Bapa Syurgawi telah sediakan untuk kita adalah doa saya dalam nama Anak-Nya, malah Yesus Kristus, Amin.

Hati Anak-anak akan Berbalik

Oleh Elder David A. Bednar

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Ketika kita menyelidiki, belajar, dan menjalani injil Yesus Kristus, urutannya kerap kali dapat mengajar sesuatu. Fikirkanlah, sebagai contoh, pelajaran-pelajaran yang kita belajar mengenai keutamaan-keutamaan rohani dari urutan peristiwa-peristiwa besar yang berlaku bila keseluruhan injil Juruselamat dipulihkan semasa zaman akhir ini.

Di Sacred Grove, Joseph Smith melihat dan bercakap dengan Bapa yang Abadi dan Yesus Kristus. Antara hal-hal yang lain, Joseph belajar tentang watak yang benar Kesatuan Ketuhanan dan tentang wahyu yang berterusan. Penglihatan yang menakjubkan ini memulakan “zaman kegenapan keagamaan” dan merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa yang amat penting dalam sejarah dunia.

Tiga tahun kemudian, sebagai jawaban untuk doa yang bersungguh-sungguh pada malam 21 September, 1823, bilik Joseph dipenuhi dengan cahaya hingga biliknya “lebih terang daripada waktu siang hari.” Seorang muncul di sebelah katilnya, memanggil budak itu dengan namanya dan mengisytiharkan bahawa “dia adalah utusan yang diutus dari hadirat Tuhan...dan bahawa namanya adalah Moroni.” Dia mengajar Joseph tentang kedatangan Kitab Mormon. Lalu Moroni memetik dari buku Maleakhi dalam Perjanjian Lama, dengan sedikit saja perbezaan dari bahasa yang digunakan dalam versi Raja Yohanes: “Lihatlah, Aku akan menyatakan kepadamu Imamat, oleh tangan nabi Elia, sebelum datangnya hari Tuhan yang besar dan dahsyat itu...

“Maka diapun akan menanamkan di dalam hati anak-anak janji-janji yang telah dibuat kepada para bapa, dan hati anak-anak itu akan berbalik kepada bapa mereka. Jika hal ini tidak demikian, seluruh bumi akan dimusnahkan sama sekali pada waktu kedatanganNya.”

Ajaran Moroni kepada nabi yang muda itu pada dasarnya termasuklah dua tema utama: (1) Kitab Mormon dan (2) kata-kata Maleakhi meramalkan peranan Elia dalam Pemulihan “segala sesuatu, seperti yang difirmankan Tuhan dengan perantaraan nabi-nabiNya yang kudus di zaman dahulu.” Jadi, peristiwa-peristiwa permulaan Pemulihan mengungkapkan kefahaman Kesatuan Ketuhanan yang betul, menekankan kepentingan Kitab Mormon, dan menjangkakan pekerjaan penyelamatan dan kemuliaan baik untuk orang yang hidup mahupun untuk orang yang sudah meninggal. Urusan yang mengilhami ini mengajar tentang perkara-perkara rohani yang terpenting bagi Tuhan.

Mesej saya memfokuskan pekerjaan dan Roh Elia yang diramalkan oleh Moroni dalam ajarannya pertama kepada Joseph Smith. Saya berdoa dengan sungguh untuk bantuan Roh Kudus.

Pelayanan Elia

Elia adalah nabi Perjanjian Lama yang melaluinya keajaiban-keajaiban yang berkuasa dilakukan. Dia menutupi langit dan tidak ada hujan di Israel purba selama tiga setengah tahun. Dia memperbanyakkan mil dan minyak balu. Dia membangkitkan seorang budak lelaki dari kematian, dan dia menyuruh api turun dari syurga dalam cabaran kepada para nabi Baal. Pada akhir pelayanan Elia yang fana, dia “naik ke syurga dalam angin badai” dan dia terangkat.

“Kita belajar dari wahyu-wahyu zaman akhir bahawa Elia mempunyai kuasa pemeteraian Imam Melkisedek dan merupakan nabi terakhir yang mempunyainya sebelum Yesus Kristus.” Nabi Joseph Smith menjelaskan, “Roh, kuasa, dan panggilan Elia adalah bahawa kamu mempunyai kuasa kunci kegenapan Imam Melkisedek...; dan untuk...mendapat...semua tata cara injil yang tergolong kepada kerajaan Tuhan.” Kuasa pemeteraian yang suci ini adalah amat penting untuk tata cara-tata cara injil menjadi sah dan terikat baik di bumi mahupun di syurga.

Elia muncul dengan Musa di Gunung Perubahan Rupa dan memberikan kuasanya kepada Petrus, Yakobus, dan Yohanes. Elia muncul lagi dengan Musa dan orang lain pada 3 April, 1836, di Bait Suci Kirtland dan memberikan kunci-kunci yang sama kepada Joseph Smith dan Oliver Cowdery.

Tulisan suci memberitahu bahawa nabi Elia berdiri di depan Joseph dan Oliver dan mengatakan:

“Lihatlah, waktunya telah sepenuhnya datang, seperti yang diucapkan oleh mulut Maleakhi—bersaksi bahawa dia [Elia] akan diutus sebelum hari Tuhan yang besar dan mengerikan datang—

“Untuk membalikkan hati para ayah kepada anak-anak, anak-anak kepada para ayah, jangan sampai seluruh bumi didera dengan sebuah kutukan—

“Kerana itu, kunci-kunci tentang zaman ini diserahkan ke dalam tanganmu; dan dengan ini kamu dapat mengetahui bahawa hari Tuhan yang besar dan mengerikan telah dekat, bahkan di ambang pintu.”

Pemulihan kuasa pemeteraian oleh Elia pada tahun 1836 adalah perlu untuk mempersiapkan dunia untuk Kedatangan Kedua Juruselamat dan memulakan minat yang lebih besar di seluruh dunia akan penyelidikan sejarah keluarga.

Roh dan Pekerjaan Elia

Nabi Joseph Smith mengisytiharkan: “Tanggungjawab yang terbesar di dunia ini yang telah Tuhan berikan kita adalah untuk mencari orang-orang kita yang telah mati...Kerana adalah perlu bahawa kuasa pemeteraian harus di tangan kita untuk meteraikan anak-anak kita dan orang kita yang telah mati untuk zaman kegenapan keagamaan—satu zaman untuk memenuhi janji-janji yang dibuat oleh Yesus Kristus sebelum pendirian dunia untuk penyelamatan manusia...Oleh itu, Tuhan mengatakan, ‘Aku akan mengutus Elia kepadamu.’”

Joseph melanjutkan, “Tapi apakah tujuan [kedatangan Elia]? atau bagaimana kedatangannya dipenuhi? Kunci-kunci akan diberikan, roh Elia akan datang, Injil akan ditegakkan, para Orang Suci Tuhan akan berkumpul, Sion akan didirikan, dan para Orang Suci akan datang sebagai para penyelamat di Gunung Sion.

“Tetapi bagaimana mereka akan menjadi para penyelamat di Gunung Sion? Dengan membina bait-bait suci...dan tampil dan terima semua tata cara-tata cara injil...bagi pihak semua nenak moyang mereka yang telah meninggal...; dan inilah rantai yang mengikat hati bapa-bapa kepada anak-anak, dan hati anak-anak kepada bapa-bapa.”

Elder Russell M. Nelson telah mengajar bahawa Roh Elia merupakan “manifestasi Roh Kudus memberikan kesaksian tentang watak keluarga yang ilahi.” Pengaruh Roh Kudus yang tersendiri ini menggalakkan orang untuk mengenal pasti, mendokumenkan, dan menghargai para nenak moyang dan ahli keluarga mereka—baik mereka yang telah meninggal mahupun mereka yang masih hidup.

Roh Elia mempengaruhi orang baik yang ahli gereja mahupun yang bukan ahli gereja. Tetapi, sebagai ahli-ahli Gereja Kristus yang dipulihkan, kita mempunyai tanggungjawab perjanjian untuk mencari nenak moyang kita dan memberikan mereka tata cara-tata cara injil yang menyelamatkan. “Tanpa kita mereka tidak dapat sampai kepada kesempurnaan.” Dan “begitu pula kita tanpa orang-orang kita yang telah mati tidak dapat dijanjikan sempurna.”

Untuk sebab-sebab ini kita melakukan penyelidikan sejarah keluarga, membina bait-bait suci, dan melakukan tata cara-tata cara injil untuk orang mati. Untuk sebab-sebab ini Elia diutus untuk memulihkan kuasa pemeteraian yang mengikat di bumi dan di syurga. Kita merupakan ejen-ejen Tuhan dalam pekerjaan penyelamatan dan kemuliaan yang

akan menghalang “seluruh bumi [dari] didera dengan sebuah kutukan” bila Dia balik lagi. Inilah tugas dan berkat kita yang besar.

Jemputan kepada Generasi Membangun

Sekarang saya menjemput perhatian para remaja puteri dan remaja putera dan anak-anak generasi membangun ketika saya menekankan kepentingan Roh Elia dalam kehidupan kamu kini. Mesej saya dicadangkan untuk seluruh Gereja pada amnya—tetapi terutamanya untuk kamu.

Ramai antara kamu mungkin fikir pekerjaan sejarah keluarga patut dilakukan terutamanya oleh orang tua-tua. Tapi saya tahu tidak ada had umur dalam tulisan suci atau garis-garis panduan yang diumumkan oleh para pemimpin Gereja yang menghadkan pelayanan yang penting ini kepada dewasa saja. Kamu adalah anak-anak Tuhan, anak-anak perjanjian, dan para pembina kerajaan Tuhan. Kamu tidak perlu tunggu sampai kamu sudah berumur untuk memenuhi tanggungjawab kamu untuk membantu dalam pekerjaan penyelamatan untuk keluarga manusia.

Tuhan telah sediakan pada zama kita sumber-sumber yang sungguh baik yang membolehkan kamu untuk belajar dan mengasihi pekerjaan ini yang digalakkan oleh Roh Elia. Contohnya, FamilySearch merupakan sebuah koleksi rekod-rekod, sumber-sumber, dan perkhidmatan yang boleh dimasuki dengan mudah dengan komputer peribadi dan banyak alat bimit, yang telah direka untuk membantu orang menemui dan mendokumenkan sejarah keluarga mereka. Sumber-sumber ini juga ada di pusat-pusat sejarah keluarga di banyak bangunan Gereja di seluruh dunia.

Ini bukan kebetulan bahawa FamilySearch dan alat-alat yang lain ada wujud pada masa bila orang muda adalah begitu biasa dengan banyak maklumat dan teknologi komunikasi. Kamu telah belajar untuk hantar sms dan tweet, untuk mempercepatkan dan memajukan pekerjaan Tuhan—bukan saja untuk berkomunikasi secara cepat dengan kawan-kawan kamu. Kemahiran dan kebolehan yang ada antara ramai remaja kini merupakan sebuah persiapan untuk memberikan kepada pekerjaan penyelamatan.

Saya menjemput para remaja Gereja untuk belajar dan mengalami Roh Elia. Saya menggalakkan kamu untuk mempelajari, mencari nenek moyang kamu, dan mempersiapkan diri kamu untuk melakukan pembaptisan untuk orang mati di rumah Tuhan untuk keluarga kamu dan nenek moyang kamu yang telah meninggal. Dan saya menggesa kamu supaya membantu orang lain mengel pasti sejarah keluarga mereka.

Ketika kamu membalas dengan iman kepada jemputan ini, hati kamu akan berbalik kepada bapa-bapa. Janji-janji yang dibuat dengan Abraham, Ishak, dan Yakub akan

ditanamkan dalam hati kamu. Berkat bapa bangsa kamu, dengan perisytiharan nasabnya, akan mengaitkan kamu kepada bapa-bapa ini dan menjadi lebih bermakna bagi kamu. Kasih dan kesyukuran kamu untuk nenek moyang kamu akan bertambah. Kesaksian kamu dan penukaran hati kamu kepada Juruselamat akan menjadi mendalam dan akan bertahan. Dan saya berjanji kamu akan dilindungi dari pengaruh musuh yang kuat. Ketika kamu menyertai dan mengasihi pekerjaan yang suci ini, kamu akan dilindungi dalam masa mudamu dan seumur hidupmu.

Para ibu bapa dan para pemimpin, tolong membantu anak-anak kamu dan para remaja kamu untuk belajar dan mengalami Roh Elia. Tapi janganlah terlalu tegas atau memberi terlalu banyak maklumat atau latihan. Jemputlah para remaja untuk menyelidiki, membuat uji kaji, dan belajar sendiri. Mana-mana remaja dapat melakukan apa yang saya cadangkan dengan menggunakan aktiviti-aktiviti yang ada di lds.org/familyhistoryyouth. Presidensi-presidensi Imamat Harun dan remaja puteri dapat menjadi bahagian penting dalam membantu semua remaja dibiasakan dengan sumber-sumber yang mudah ini. Para remaja perlu menjadi pelajar-pelajar yang bertindak dan bukan pelajar-pelajar yang pasif yang selalunya diperlakukan.

Para ibu bapa dan pemimpin remaja, kamu akan kagum dengan berapa cepat anak-anak kamu dan para remaja Gereja menjadi mahir dengan alat-alat ini. Sebenarnya, kamu akan belajar pelajaran-pelajaran yang berharga dari para remaja ini mengenai penggunaan sumber-sumber ini dengan efektif. Para remaja boleh memberi banyak bantuan kepada orang yang lebih tua yang tidak biasa dengan teknologi atau FamilySearch. Kamu juga akan menghitung berkat-berkat kamu ketika para remaja memberikan lebih masa untuk pekerjaan sejarah keluarga dan pelayanan bait suci, dan memberikan kurang masa untuk permainan video, melayari Internet, dan main Facebook.

Troy Jackson, Jaren Hope, dan Andrew Allan merupakan para pemegang Imamat Harun yang dipanggil oleh seorang uskup yang berinspirasi untuk mengajar bersama kelas sejarah keluarga dalam bahagian mereka. Para remaja putera ini merupai begitu banyak antara kamu dalam keterujaan mereka untuk belajar dan keinginan untuk melayani.

Troy mengatakan, “Dahulu saya datang ke gereja dan duduk saja, tapi sekarang saya menyedari bahawa saya perlu balik rumah dan melakukan sesuatu. Kita semua dapat melakukan sejarah keluarga.”

Jaren berkata bahawa ketika dia belajar lebih tentang sejarah keluarga dia menyedari “bahawa nama-nama ini bukan saja nama-nama tetapi orang-orang yang sebenar. Saya menjadi semakin teruja untuk mengambil nama-nama itu ke bait suci.”

Dan Andrew mengatakan, “Saya telah menjadi berminat dengan sejarah keluarga dengan kasih dan semangat yang sebelumnya saya tidak sedari saya dapat mempunyainya. Ketika saya bersedia mengajar setiap minggu, saya kerap kali diilhami oleh Roh Kudus untuk bertindak dan cuba beberapa kaedah yang diajar dalam pelajaran. Dahulu, sejarah keluarga menakut-nakutkan saya. Tapi dengan bantuan Roh saya dapat memenuhi panggilan saya dan membantu ramai orang dalam bahagian kami.”

Saudara-saudari saya yang muda, sejarah keluarga bukan saja program yang menarik atau aktiviti yang ditaja oleh Gereja; ia adalah bahagian yang amat penting dalam pekerjaan penyelamatan dan kemuliaan. Kamu telah dipersiapkan untuk zaman ini dan untuk membina kerajaan Tuhan. Kamu berada di sini di bumi sekarang untuk membantu dalam pekerjaan yang indah ini.

Saya bersaksi Elia telah balik ke bumi dan memulihkan kuasa pemeeteraian yang suci. Saya bersaksi bahawa apa yang diikat di bumi boleh diikat di syurga. Dan saya tahu para remaja generasi membangun merupakan bahagian yang amat penting dalam pekerjaan yang besar ini. Saya bersaksi dalam nama suci Tuhan Yesus Kristus, amin.

Kanak-kanak

Oleh Elder Neil L. Andersen

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Apabila kita merenungkan ke dalam mata seorang anak, kita melihat seorang rakan anak lelaki atau perempuan Tuhan yang berdiri bersama kita dalam kehidupan pradunia.

Ia hak istimewa yang paling besar bagi seorang suami dan isteri yang mampu until mempunyai anak dan memberi tubuh fana kepada ini yang merupakan anak-anak Tuhan. Kita percaya dalam keluarga-keluarga dan juga dalam kanak-kanak.

Apabila seseorang anak dilahirkan kepada seorang suami dan isterinya, mereka memenuhi sebahagian dari rancangan Bapa Syurgawi kita untuk membawa anak-anak ke dunia. Tuhan berfirman, “Inilah perkerjaan-Ku serta kemuliaan-Ku---untuk mendatangkan kebaqaan serta hidup yang abadi bagi manusia.” Sebelum kebaqaan, semestinya ada kefanaan.

Keluarga ditetapkan Tuhan. Keluarga-keluarga adalah utama dalam rancangan Bapa Syurgawi di sini di dunia dan selama kekekalan. Setelah mengahwinkan Adam dan Hawa, ayat suci berbunyi, “Dan Tuhan memberkati mereka, dan Tuha berkata kepada mereka, hendaklah kamu bertambah banyak dan beranak pinak, supaya keturunan [kamu] menduduki seluruh bumi.” Nabi dan rasul pada hari kini telah mengisytiharkan, “Perintah pertama yang Tuhan berikan kepada Adam dan Hawa berkaitan dengan potensi keibubapaan mereka sebagai suami dan isteri. Kami mengisytiharkan bahawa perintah Tuhan bagi anak-anak-Nya untuk bertambah banyak dan beranak-cucu masih berkuat kuasa.”

Perintah ini tidak dilupakan atau ditepikan dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Kami mengungkapkan kesyukuran yang mendalam bagi iman yang sangat banyak yang ditunjukkan oleh suami-suami dan isteri-isteri (terutamanya isteri-isteri kami) dalam kesanggupan mereka untuk mempunyai anak. Masa sesuai untuk mempunyai anak dan berapa anak ialah pilihan peribadi yang harus dibuat di antara seseorang suami, isterinya, dan Tuhan. Pilihan-pilihan ini adalah suci---pilihan yang harus dibuat dengan doa penuh iklas dan dijalankan dengan iman besar.

Bertahun-tahun lepas, Elder James O. Mason dari Tuhuh Puluh berkongsi cerita ini dengan saya: “Kelahiran anak keenam kami adalah pengalaman yang tak terlupa. Ketika saya melihat anak perempuan yang baru dan indah ini, saya dengan jelas mendengarkan

suara mengisytiharkan ‘Akan ada masih satu lagi dan ia akan lelaki.’ Dengan tidak bijak, saya bergegas ke sisi katil isteri saya yang amat penat dan memberitahunya berita itu yang baik. Masanya tidak baik dari pihak saya.” Bertahun-tahun keluarga Mason menunggu kedatangan seorang anak lagi. Tiga, empat, lima, enam, tujuh tahun berlalu. Akhirnya, lapan tahun nanti, anak ketujuh mereka dilahirkan—seorang lelaki. Ini gambar mereka 37 tahun nanti.

Bulan April lepas, Presiden Thomas S. Monson mengisytiharkan:

‘Dulu standar Gereja dan stardar masyarakat hampir selahuan, sekarang ada curang besar di antaranya, dan ia makin besar. . . .

“Juruselamat manusia menggambarkan dirinya sebagai berada di bumi tetapi bukan duniawi. Kita juga dapat berada di bumi dan bukan duniawi ketika kita menolak konsep dan ajaran palsu dan terus setia kepada apa yang telah Tuhan perintahkan.”

Banyak suara dalam dunia hari ini mengurangkan kepentingan mempunyai anak atau memberi cadangan untuk menanggungkan atau menghadkan nomor anak-anak dalam sebuah keluarga. Anak-anak perempuan saya baru merujukkan saya ke suatu blog ditulis oleh sorang ibu yang beragama Kristian (bukan dari gereja kita) yang mempunyai lima orang anak. Dia mengulas: “Membesar dalam budaya ini, maka susahlah untuk mendapat sudut pandangan kitab suci berkenaan hal keibuan. . . anak-anak berpangkat jauh lebih rendah daripada kolej. Tentunya di bawah perjalanan ke tempat lain. Di bawah kebolehan untuk keluar pada waktu malam sesuka hati anda. Di bawah bersenam di gim. Di bawah kerja apa pun yang anda berhasrat mendapat.” Lalu dia menambah: “Keibuan bukan suatu hobi, ianya panggilan. Anda tidak mengumpul anak-anak kerana fikirnya lebih comel daripada setem. Ianya bukan sesuatu untuk melakukan jika ada waktu. Inilah sebabnya Tuhan berikan anda waktu.”

Mempunyai anak tidaklah senang. Ada banyak hari yang sangat susah. Seorang ibu yang muda naik bas dengan tujuh orang anak. Pemandu bas itu lalu bertanya: “Adakah semua ini kamu punya? Atau adakah ini perkelahan?” Ketika dunia lebih kerap bertanya, “Adakah semua ini kamu punya?” terima kasih kerana telah mencipta di dalam Gereja suatu kawasan perlindungan bagi keluarga-keluarga, suatu tempat di mana kita menghormati dan membantu para ibu dengan anak-anak mereka.

Kepada seorang ayah yang soleh, tidak ada kata-kata yang mencukupi untuk menyatakan kesyukuran dan kasih yang dia merasai bagi pemberian isterinya yang tak terharga dalam mengandung dan menjaga anak-anak.

Elder Mason ada pengalaman yang lain hanya beberapa minggu setelah perkahwinan dia yang membantu dia mengutamakan tanggungjawabnya dalam keluarganya. Dia berkata, “Maria dan saya telah memberi alasan untuk membantu saya terus di sekolah ilmu perubatan—bahawa dia perlu tetap bekerja. Walaupun ini tidak yang kami impikan, anak-akan seharusnya datang nanti. [Ketika membaca majalah Gereja di rumah ibu bapa saya] saya melihat artikel oleh Elder Spencer W. Kimball, yang pada waktu itu ahli Kuorum Dua belas, [yang mengutamakan] tanggungjawab-tanggungjawab berkaitan dengan perkahwinan. Menurut Elder Kimball, salah satu kepertanggungjawaban yang suci adalah untuk bertambah banyak dan mengisi dunia. Rumah ibu bapa saya [berdekatan dengan] Bangunan Pentadbiran Gereja. Saya dengan segera berjalan ke pejabat bangunan itu dan tiga puluh minit setelah saya habis membaca artikel ini, saya duduk disebatang sebuah meja dari Elder Spencer W. Kimball.” (Ini tidak begitu senang hari ini.) “Saya menjelaskan bahawa saya ingin menjadi doctor. Tidak ada jalan lain selain menanggung keluarga kami. Elder Kimball mendengar dengan sabar dan membalas dalam suara yang lembut, “Brother Mason, adakah Tuhan mahu anda melanggar salah satu dari perintahnya yang paling penting untuk menjadi doktor? Dengan bantuan Tuhan, anda dapat mempunyai keluarga dan masih menjadi doctor. Di manakah imanmu?”

Elder Mason berterus: “Anak pertama kami dilahirkan dalam masa yang kurang daripada satu tahun nanti. Marie dan saya bekerja keras dan Tuhan membuka tingkap-tingkap syurga.” Keluarga Mason diberkati dengan dua anak lagi sebelum dia lulus dari sekolah ilmu perubatan empat tahun kemudian.

Di serata dunia, masa kini adalah masa ketidakstabilan ekonomi dan ketidakpastian kewangan. Dalam persidangan umum April, Presiden Thomas S. Monson berkata: “Jika anda bimbang tentang menafkahi seorang isteri dan sebuah keluarga, biar saya menjamin bahawa tidak ada rasa malu dalam pasangan suami isteri yang kena berjimat dan menabung. Umumnya, pada masa yang mencabar seperti ini, anda menjadi lebih dekat ketika anda belajar untuk berkorban dan mengambil keputusan yang baik, walaupun susah.

Soalan Elder Kimball yang meresapkan “Di manakah imanmu?” merujuk kita ke kitab-kitab suci.

Adam dan Hawa tidak melahirkan anak mereka yang pertama dalam Taman Eden. Ketika berangkat dari Taman Eden, “Adam [dan Hawa] mulai mengerjakan tanah. . . .Adam menghampiri isterinya dan dia melahirkan . . . anak laki-laki dan perempuan dan [dengan bertindak dengan iman] mereka mulai menjadi banyak dan mengisi bumi.”

Bukan di rumah mereka di Jerusalem dengan emas, perak, dan barang-barang berharga bahawa Lehi dan Saria, yang bertindak dengan iman, melahirkan anak-anak lelaki mereka Yakub dan Yusuf. Lehi berbicara kepada anaknya Yakub sebagai “anakku yang sulung pada masa pencubaanku di padang belantara.” Lehi berkata mengenai Yusuf, “Engkau dilahirkan sewaktu kesengsaraanku di padang belantara; ya, pada waktu kedukaanku yang terbesar, ibumu melahirkan engkau.”

Dalam Kitab Keluaran seorang lelaki dan seorang wanita berkahwin, dan dengan bertindak dengan iman, melahirkan bayi lelaki. Tidak ada tanda ‘selamat datang’ di pintu depan untuk mengumumkan kelahirannya. Mereka menyembunyikan dia kerana Firaun telah menyuruh bahawa setiap lelaki yang baru lahir harus “dibuang ke dalam sungai.” Anda tahu sisa ceritanya: bayi diletakkan dengan sayings ke dalam bahtera kecil yang terdiri daripada belukar, diletakkan di dalam sungai, dijaga oleh kakaknya, ditemukan oleh anak perempuan Firaun, dan dibesar oleh ibunya sendiri sebagai jururawatnya. Si lelaki dikembalikan ke anak perempuan Firaun, yang mengambilnya sebagai anak lelakinya dan memanggilnya Musa.

Dalam cerita kelahiran bayi yang paling dikasihi, tidak ada bilik tidur kanak-kanak yang dihiasi, atau palung pereka bentuk, hanya palung biasa untuk Juruselamat Dunia.

Pada masa yang “paling baik [dan] . . . paling buruk,” Orang Suci Zaman Akhir yang sejati, yang bertindak dengan iman, tidak pernah lupa, mengetepikan, atau mengabaikan “Perintah Tuhan bagi anak-anak-Nya untuk bertambah banyak dan mengisi bumi.” Kita maju dengan iman, sekali lagi merealisasikan pilihan tentang berapa banyak anak-anak untuk beroleh dan bila waktu sesuai dibuat di antara suami, isteri, dan Tuhan. Kita tidak harus membuat anggapan terhadap satu sama lain dalam perkara ini.

Melahirkan anak-anak adalah subjek yang sensitif yang dapat menjadi sangat menyakitkan bagi wanita yang solehah yang tidak ada kesempatan untuk berkawin dan mempunyai keluarga. Kepada anda yang merupakan wanita-wanita yang berhati mulia, Bapa Syurgawi kita mengenali doa-doamu dan keinginanmu. Betapa syukur kita atas pengaruhmu yang hebat, termasuk menjangkau dengan lengan yang mengasihi kepada anak-anak yang memerlukan iman serta kekuatanmu.

Melahirkan anak-anak juga dapat merupakan subjek yang patahkan hati bagi pasangan suami isteri yang berkahwin dan mencari bahawa mereka tidak berupaya mempunyai anak-anak yang telah mereka telah menunggu dengan sungguh-sungguh, atau bagi para suami dan isteri yang merancang bagi keluarga besar tetapi diberkati dengan keluarga kecil.

Kita tidak selalu dapat menjelaskan semua kesusahan-kesusahan kita dalam kefanaan. Kadang-kadang hidup kelihatan sangat tidak adil—terutamanya apabila keinginan kita yang terbesar adalah melakukan dengan tepat apa yang Tuhan telah perintahkan. Sebagai utusan Tuhan, saya menjaminkan anda bahawa janji ini adalah tentu: “Ahli-ahli yang beriman yang keadaannya tidak membiarkan mereka untuk menerima berkat-berkat perkahwinan kekal atau keibubapaan akan menerima semua berkat-berkat yang dijanjikan dalam kekekalan, [ketika] menepati perjanjian-perjanjian yang telah mereka buat dengan Tuhan.”

Presiden J. Scott Dorius dari Misi Peru, Lima Barat memberitahukan saya cerita mereka. Dia berkata, “Becky dan saya berkawin 25 tahun tanpa kemampuan mempunyai [atau mengangkat] anak. Kami berpindah-randah. Memperkenalkan diri dalam setiap tempat baru sukar dan kadang-kadang menyakitkan. Ahli-ahli bahagian bertanya-tanya kenapa kami tidak [mempunyai] anak-anak. Bukan mereka saja yang bertanya-tanya.

“Apabila saya dipanggil sebagai uskup, ahli-ahli bahagian menyatakan perisauan bahawa ada saya tidak berpengalaman dengan anak-anak atau muda-mudi belasan tahun. Saya menyatakan syukur kepada ahli-ahli bahagian atas undi sokongan mereka dan meminta mereka untuk membiarkan saya untuk melatih kemahiran saya untuk membesar anak-anak dengan anak-anak mereka. Mereka dengan kasih memenuhi permintaan saya.

“Kami menunggu, mendapat sudut pandangan baru, dan belajar kesabaran. Setelah 25 tahun berkawin, seorang bayi yang merupakan mukjizat masuk ke dalam kehidupan kami. Kami mengangkat Nicole yang berumur dua tahun dan Nikolai yang baru lahir. Orang yang kami belum kenal selalu memuji cucu-cucu kami yang cantik. Kami ketawa dan sebut, “Mereka anak-anak kami. Kamu telah hidup kehidupan kami terbalik.”

Saudara dan saudari, kami tidak patut menghakimkan satu sama lain dengan perkara yang suci dan peribadi ini.

“Yesus memeluk seorang anak. . .dalam lengannya dan berkata . . .

“Sesiapa yang menyambut kanak-kanak seperti ini kerana Aku, menyambut Aku. Sesiapa yang menyambut Aku, menyambut. . . Dia yang mengutus Aku.” Betapa besar berkat yang kita ada untuk menerima anak-anak Tuhan yang lelaki dan perempuan ke dalam rumah-rumah kami.

Mari kita dengan rendah dan secara penuh doa mencari untuk mematuhi dan menerima perintah-perintah Tuhan, dan dengar dengan rasa hormat untuk suara Roh-Nya yang Kudus.

Keluarga-keluarge adalah utama dalam rancangan kekal Tuhan. Saya bersaksi akan berkat yang hebat yang datang akibat anak-anak dan kegembiraan yang mereka membawa kepada kita dalam hidup ini dan kekekalan, dalam nama Yesus Kristus, amin.

Suatu Masa untuk Bersedia

Oleh Penatua Ian S. Ardern

Dari Tujuh Puluh

Bab kelapan dalam *Mengkhutbahkan Injil-Ku* menumpukan perhatian kita ke atas penggunaan masa yang bijak. Di dalam perenggan pembuka, Penatua M. Russell Ballard mengingatkan bahawa kita mesti menetapkan matlamat dan belajar untuk menguasai teknik-teknik untuk mencapainya (lihat *Mengkhutbahkan Injil-Ku: Sebuah Panduan Pelayanan Mubaligh* [2004]. 146). Menguasai teknik-teknik itu adalah perlu untuk mencapai matlamat kita termasuklah menjadi tuan pengurus terhadap masa kita.

Saya bersyukur dengan teladan Presiden Monson. Dengan semua tugasnya sebagai nabi Tuhan, dia memastikan, seperti yang dilakukan oleh Juruselamat, agar masih ada masa untuk melawat mereka yang sakit (lihat Lukas 17:12), untuk mengangkat semangat mereka yang lemah, dan menjadi pembantu kepada semua orang. Saya bersaksi bahawa memberikan masa kita dalam melayani orang lain adalah menyenangkan Tuhan dan mereka inilah yang akan mendekatkan kita kepada-Nya. Juruselamat kita akan mengotakan firman-Nya bahawa “dia yang setia dan bijak pada waktu ini dianggap layak untuk mewarisi tempat tinggal yang dipersiapkan baginya oleh Bapa-Ku” (A&P 72:4)

Masa tidak dapat dijualbeli; tidak kira sekuat mana kamu mencuba, masa adalah suatu komoditi yang tidak dapat dibeli di mana-mana kedai pada apa-apa harga sekalipun, tetapi jika digunakan dengan bijak, nilainya adalah sangat besar. Dalam apa jua hari pun kita telah diperuntukkan, tanpa sebarang kos, jumlah minit dan jam yang sama untuk digunakan, dan kita akhirnya belajar, seperti yang diajarkan dengan cermat oleh sebuah lagu rohani, “masa terbang bersayapkan kilat; kita tidak dapat memanggilnya kembali” (“Improve the Shining Moments,” Hymns, no. 226). Masa yang kita ada haruslah kita gunakan dengan bijak. Presiden Brigham Young mengatakan, “kita semua berhutang kepada Tuhan kerana kemampuan kita untuk menggunakan masa sebagai peluang kita, dan Dia akan meminta kita dengan tegas untuk bertanggungjawab terhadap penggunaannya.” (*Ajaran Presiden-presiden Gereja: Brigham Young* [1997], 286).

Dengan begitu banyak permintaan yang diharapkan daripada kita, kita mesti belajar untuk mengutamakan pilihan-pilihan kita supaya sepadan dengan matlamat-matlamat kita atau berisiko untuk menanggung-nanggungkan pekerjaan kita dan melakukan satu aktiviti ke satu aktiviti lain yang membuang masa. Kita telah diajar dengan baik tentang memberi keutamaan oleh Tuan Pengajar apabila Dia mengatakan di dalam Khutbah-Nya di atas Bukit, “Sebaliknya utamakanlah pemerintahan Tuhan, dan lakukanlah kehendak-Nya” (Matius 6:33) (Lihat Dallin H. Oaks, “Fokus dan Keutamaan,” *Liahona*, Julai 2001, 99—102; *Ensign*, Mei 2001, 82—84.)

Alma berkata tentang keutamaan semasa dia mengajarkan bahawa, “kehidupan ini menjadi suatu keadaan percobaan; masa untuk bersiap menemui Allah (Alma 12:24). Cara untuk menggunakan masa yang berharga ini dengan baik untuk bersedia bertemu dengan Tuhan memerlukan sedikit bimbingan, tetapi sudah pastinya kita akan meletakkan Tuhan dan keluarga kita di dalam senarai yang teratas. Presiden Uchtdorf mengingatkan kita bahawa “di dalam hubungan kekeluargaan, kasih sayang itu

Penggunaan masa yang lemah berkait rapat dengan kemalasan. Semasa kita menuruti perintah untuk tidak menjadi malas (lihat A&P 88:124), kita harus memastikan bahawa apabila kita sibuk kita juga adalah produktif. Sebagai contoh, ianya menakjubkan untuk mempunyai sebuah cara berkomunikasi yang pantas pada hujung jari-jemari kita, tetapi marilah kita memastikan agar kita tidak taksud dengan cara komunikasi di hujung jari ini. Saya dapat merasakan bahawa terdapat sesetengah orang yang terperangkap di dalam satu tabiat baru yang membuang masa---tabiat yang menghambakan kita untuk sentiasa memeriksa dan menghantar mesej-mesej sosial dan ini memberikan tanggapan yang salah terhadap erti kesibukan dan produktif.

Terdapat banyak kebaikan di dalam sumber komunikasi dan maklumat yang sangat mudah kita perolehi. Saya mendapati ianya sangat membantu dalam mendapatkan artikel-artikel untuk kajian, ceramah-ceramah persidangan umum, rekod tentang nenek moyang, dan untuk menerima mel elektronik, peringatan di “Facebook”, “Twitter”, dan khidmat pesanan ringkas. Walaupun semua perkara ini adalah baik, kita tidak boleh membenarkan semua itu menyetepikan hal-hal lain yang lebih penting. Amatlah menyedihkan jika telefon dan komputer dengan segala kecanggihannya menggantikan kesederhanaan sebuah doa yang tulus kepada Bapa Di Syurga yang mengasihi kita.

Permainan elektronik dan hubungan siber bukanlah pengganti yang kekal bagi kawan-kawan yang sebenar yang dapat memberikan pelukkan yang menggalakkan, yang boleh berdoa untuk kita dan menginginkan yang terbaik untuk kita. Saya sangat bersyukur dapat melihat ahli-ahli kuorum, kelas, dan Lembaga Pertolongan bersatu untuk menyokong antara satu sama lain. Dalam keadaan seperti inilah saya dapat lebih memahami apa yang dimaksudkan oleh Rasul Paulus semasa dia mengatakan, “Kamu bukan lagi orang asing ataupun pendatang, tetapi kamu warga umat Tuhan dan anggota keluarga Tuhan” (Efesus 2:19)

Saya tahu kegembiraan kita yang paling besar datang apabila kita berpaling kepada Tuhan (lihat Alma 37:37) dan kepada perkara-perkara yang mendatangkan ganjaran yang berkekalan daripada berpaling kepada status pengemaskinian, pertanian alam maya Internet, dan bermain permainan elektronik yang dipanggil “Angry Birds”. Saya menggesa anda untuk mengambil perkara-perkara yang merompak masa kita yang berharga dan berusaha untuk menguasainya, daripada membenarkan mereka dengan sifat mereka yang menagihkan itu untuk menguasai kita.

Untuk memiliki kedamaian yang dikatakan oleh Juruselamat (lihat Yohanes 14:27), kita mesti mengabdikan masa kita kepada perkara-perkara yang lebih utama, dan hal-hal Tuhan adalah paling utama. Semasa kita berkomunikasi dengan Tuhan di dalam doa yang tulus, membaca dan mempelajari dari tulisan suci setiap hari, merenungkan apa yang kita telah baca dan rasakan, dan kemudian mengaplikasikan dan mengikut pengajaran-pengajaran yang telah dipelajari, kita akan mendekati Dia. Janji Tuhan adalah apabila kita mempelajari dengan tekun dari buku-buku yang terbaik “ [Dia] akan memberi [kita] pengetahuan melalui Roh Kudus-Nya” (A&P 121:26)

Setan akan menggoda kita untuk menyalahgunakan masa kita melalui pelbagai gangguan. Walaupun godaan akan datang, Penatua Quentin L. Cook mengajarkan bahawa “orang-

orang suci yang mengikuti ajaran Juruselamat tidak akan disesatkan oleh pengejaran hal-hal yang mengganggu dan memusnahkan” (“Adakah Anda Seorang Orang Suci?” *Liahona* dan *Ensign*, Nov. 2003, 96). Hiram Page, salah seorang daripada lapan orang saksi Kitab Mormon mengajarkan kepada kita sebuah pengajaran yang berharga mengenai gangguan. Dia mempunyai seketul batu dan dengan melihatnya tertulis apa yang dia sangkakan merupakan wahyu-wahyu untuk Gereja (lihat A&P 28). Selepas diperbetulkan, sebuah catatan mencatatkan bahawa batu tersebut telah diambil dan dihancurkan menjadi debu supaya ia tidak akan menjadi suatu gangguan lagi. Saya mengundang kita semua untuk mengenalpasti gangguan-gangguan yang membazirkan masa di dalam kehidupan kita yang perlu dihancurkan juga. Kita perlu bijak di dalam pertimbangan kita untuk memastikan penggunaan masa kita adalah seimbang untuk melibatkan Tuhan, keluarga, pekerjaan, dan aktiviti-aktiviti rekreasi yang berfaedah. Seperti yang telah diketahui ramai, terdapat peningkatan kegembiraan di dalam kehidupan apabila kita menggunakan masa kita untuk mencari perkara-perkara yang “bajik, indah, atau dikatakan baik atau layak dipuji” (Pasal-pasal Kepercayaan 1:13)

Masa berlalu ke hadapan dengan pantas. Hari ini boleh menjadi hari yang tepat, selagi kehidupan fana kita masih berjalan, untuk melihat kembali apa yang kita sedang lakukan untuk bersedia bertemu dengan Tuhan. Saya bersaksi bahawa terdapat ganjaran-ganjaran yang besar bagi mereka yang mengambil masa di dalam kehidupan fana mereka untuk bersedia bagi kebakaan dan kehidupan kekal. Di dalam nama Yesus Kristus, Amin.

Oleh Elder Carl B. Cook

Dari Tujuh Puluh

Pada akhir hari yang sungguh memenatkan pada hujung minggu pertama saya sebagai Penguasa Umum, beg bimbit saya menyarat dan minda saya terleka dengan soalan, “Bagaimana mungkin saya dapat melakukan ini?” Saya tinggalkan pejabat Tujuh Puluh dan masuk lif Bangunan Pentadbiran Gereja. Ketika lif menurun, saya bertunduk and memandang lantai tanpa air muka.

Pintu lif buka dan seseorang masuk, tapi saya tidak tengok. Ketika pintu menutup, saya mendengar seseorang itu bertanya, “Apa yang kamu tengok di bawah sana?” Saya mengenali suara itu --- iaitu Presiden Monson. Saya cepat memandangnya dan menjawab, “Oh, tiada apa-apa.” (Pastinya jawaban bijak itu menginspirasikan keyakinan dalam kebolehan saya!) Tapi dia telah melihat wajah saya yang sugul dan beg bimbit saya yang berat. Dia bersenyum dan mengatakan dengan kasih, “Adalah lebih baik memandang ke atas!” Ketika kami turun satu tingkat lagi, dia berkata dengan ceria bahawa dia dalam perjalanan ke bait suci. Apabila dia berkata selamat tinggal, wajahnya mengatakan kepada hati saya lagi, “Ingatlah, adalah lebih baik memandang ke atas.”

Ketika kami berpisah, saya diingatkan kata-kata satu ayat suci: “Percayalah kepada Tuhan; percayalah bahawa Dia ada...; percayalah bahawa Dia mempunyai segala kebijaksanaan, dan segala kekuatan, baik di syurga mahupun di bumi”. Semasa saya memikirkan kuasa Bapa di Syurga dan Yesus Kristus, hati saya mendapat ketenangan yang telah saya cari dengan sia-sia dari lantai lif yang menurun itu.

Sejak masa itu saya telah merenungkan pengalaman ini dan peranan para nabi. Saya dibebani dan saya bertunduk. Bila nabi bercakap dan saya memandangnya, dia mengarahkan fokus saya untuk memandang Tuhan, di mana saya dapat disembuhkan dan dikukuhkan melalui Korban Tebusan Kristus. Itulah yang para nabi lakukan untuk kita. Mereka memimpin kita ke Tuhan.

Saya bersaksi bahawa Presiden Monson adalah bukan saja seorang nabi, pelihat, dan pewahyu; dia juga merupakan teladan yang sungguh baik menjalani prinsip memandang ke atas. Dia dapat rasa dibebani oleh tanggungjawabnya. Tapi, dia menjalani iman yang berkuasa dan dipenuhi dengan sikap optimistik, kebijaksanaan, dan kasih untuk orang lain. Sikapnya merupakan sikap “dapat melakukan” dan sikap “akan melakukan.” Dia percayai Tuhan dan berharap padaNya untuk kekuatan, dan Tuhan memberkatinya.

Pengalaman telah mengajar saya bahawa jika kita beriman memandang ke Tuhan untuk pertolongan, seperti Presiden Monson kita tidak akan tenggelam dalam beban-beban kehidupan. Kita tidak akan berasa tidak berkebolehan melakukan apa yang kita dipanggil melakukan atau perlu melakukan. Kita akan diperkukuh, dan kehidupan kita akan dipenuhi dengan ketenangan dan kebahagiaan. Kita akan menyedari bahawa kebanyakan kerisauan kita tidak ada kepentingan abadi --- dan kalau ada kepentingan abadi, Tuhan akan menolong kita. Tapi kita harus beriman memandang ke atas dan mempunyai keberanian mengikuti arahanNya.

Mengapa memandang ke atas merupakan cabaran dalam kehidupan kita? Mungkin kita tidak mempunyai iman bahawa tindakan yang begitu mudah dapat menyelesaikan masalah-masalah kita. Contohnya, bila orang Israel dipatuk ular yang berbisa, Musa disuruh supaya mengangkat ular loyang ke atas tongkat. Ular loyang itu melambangkan Kristus. Orang yang melihat ke ular, seperti yang digesa oleh nabi, telah disembuhkan. Tapi banyak orang yang lain tidak melihat ke atas, dan mereka meninggal.

Alma menyetujui bahawa sebab orang Israel tidak melihat ke ular adalah kerana mereka tidak percaya tindakan itu dapat menyembuhkan mereka. Kata-kata Alma berkaitan dengan kita kini:

“Hai saudara-saudaraku, jika kamu dapat disembuhkan hanya dengan mengarahkan pandangan matamu ke sekeliling supaya dapat disembuhkan, tidak mahukah kamu melihat dengan cepat atukah kamu lebih suka mengeraskan hatimu dalam ketidakpercayaan dan menjadi malas...?”

“Jika demikian, celaka akan menimpamu; tetapi, jika tidak demikian, maka arahkan pandangan matamu ke sekeliling dan mulailah percaya kepada Putera Tuhan, bahawa Dia akan datang untuk menebus umatNya dan bahawa Dia akan menderita dan mati untuk menebus dosa-dosa [kita]; dan bahawa Dia akan bangkit lagi dari antara orang mati.”

Penggalakan Presiden Monson untuk memandang ke atas merupakan metafora untuk mengingati Kristus. Bila kita mengingatiNya dan percayai kuasaNya, kita mendapat kekuatan melalui Korban TebusanNya. Ini adalah cara dengan mana kita dapat dilegakan dari kebimbangan kita, beban kita, dan penderitaan kita. Ini adalah cara dengan mana kita dapat diampuni dan disembuhkan dari kepedihan dosa-dosa kita. Ini adalah cara dengan mana kita boleh mendapat iman dan kekuatan untuk menanggung segala hal.

Kebelakangan ini Sister Cook dan saya menghadiri persidangan perempuan di Afrika Selatan. Selepas kami mendengar beberapa pesanan yang menginspirasi tentang menggunakan Korban Tebusan dalam kehidupan kita, presiden Lembaga Pertolongan pancang menjemput semua orang pergi keluar. Setiap kami diberi satu belon. Dia

menjelaskan bahawa belon kami melambangkan apa-apa beban, cabaran, atau kesusahan yang menghalang kami dalam kehidupan kami. Pada pengiraan tiga, kami melepaskan belon-belon kami, atau “beban-beban” kami. Ketika kami melihat ke atas dan tengok beban-beban kami mengapung ke udara, “Ahhh” dapat didengar. Tindakan mudah itu melepaskan belon-belon kami memberi peringatan yang mengagumkan akan kebahagiaan besar yang datang dari memandang ke atas dan memikirkan Kristus.

Bukan seperti melepaskan belon, memandang ke atas secara rohani adalah pengalaman yang bukan sekali saja. Kita belajar dari doa sakramen bahawa kita patut sentiasa mengingat Dia dan mematuhi perintah-perintahNya, supaya RohNya dapat bersama kita setiap hari untuk membimbing kita.

Bila orang Israel marayau-rayau di belantara, Tuhan memimpin perjalanan mereka setiap hari ketika mereka memandang pada Dia untuk arahan. Dalam buku Keluaran kita membaca, “Tuhan berjalan di depan mereka, pada siang hari dalam tiang awan untuk menuntun mereka di jalan, dan pada waktu malam dalam tiang api untuk menerangi mereka.” BimbinganNya tetap, dan saya memberikan kamu kesaksian saya yang rendah hati bahawa Tuhan dapat melakukan yang sama untuk kita.

Jadi bagaimana Dia akan memimpin kita kini? Melalui para nabi, rasul, dan pemimpin imamat dan melalui perasaan yang datang kepada kita selepas kita menyatakan keinginan kita yang terdalam kepada Bapa Syurgawi dalam doa. Dia membimbing kita bila kita mengikuti perintah-perintahNya dan berusaha menjadi seperti Dia. Dan Dia membimbing kita melalui Roh Kudus.

Untuk dibimbing di perjalanan kehidupan dan mempunyai penemanan Roh Kudus yang tetap, kita mesti mempunyai “telinga yang mendengar” dan “mata yang melihat,” keduanya diarah ke atas. Kita mesti bertindak pada arahan yang kita terima. Kita mesti memandang ke atas dan bertindak. Dan ketika kita berbuat demikian, saya tahu kita akan berbahagia, kerana Tuhan ingin agar kita bahagia.

Kita adalah anak-anak Bapa di Syurga. Dia ingin menjadi sebahagian kehidupan kita, memberkati kita, dan menolong kita. Dia akan menyembuhkan luka kita, mengeringkan air mata kita, dan membantu kita dalam perjalanan kita untuk kembali ke hadiratNya. Ketika kita memandangNya, Dia akan memimpin kita.

Tuhan adalah terangku; mengapa takut?

Siang dan malam, Dia selalu dekat

Dialah kebahagiaanku dan laguku

Siang dan malam, Dia pimpinku selalu

Saya bersaksi bahawa dosa-dosa kita diampuni dan beban-beban kita diringankan ketika kita memandang Kristus. “Mari kita ingat Dia, ...dan jangan kita menundukkan kepala,” kerana, seperti yang Presiden Monson katakan, “adalah lebih baik memandang ke atas.”

Saya bersaksi bahawa Yesus adalah Penyelamat dan Penebus kita dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder L. Tom Perry

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Gereja melakukan sesuatu di seluruh dunia apabila sebuah bait suci baru dibina yang merupakan tradisi yang biasa di Amerika Syarikat dan Kanada---mengadakan rumah terbuka. Selama minggu-minggu sebelum kebaktian bait suci baru, kami membuka pintu-pintu dan menjemput para pemimpin kerajaan dan keagamaan tempatan, para ahli Gereja tempatan, dan orang yang beragama lain untuk melawat bait suci yang baru dibina itu.

Ini merupakan peristiwa-peristiwa yang sungguh baik yang membantu orang yang tidak biasa dengan Gereja kita untuk belajar sedikit lebih mengenainya. Hampir semua orang yang melawat bait suci baru berasa kagum dengan keindahannya, baik di luar mahupun di dalam. Mereka dikagumi oleh ketukangan dan perhatian perincian setiap butir bait suci. Juga, ramai pelawat kita merasai sesuatu yang unik dan istimewa ketika mereka dibawa melalui bait suci yang belum dibaktikan. Ini adalah respons-respons biasa para pelawat di rumah terbuka kita, tapi respons-respons ini bukan respons yang paling biasa. Apa yang mengagumi para pelawat lebih daripada apapun adalah ahli-ahli Gereja yang mereka jumpa di rumah-rumah terbuka kita. Bila para pelawat keluar, mereka sangat dikagumi oleh hos-hos mereka, iaitu para Orang Suci Zaman Akhir.

Gereja sekarang menerima lebih banyak perhatian di seluruh dunia daripada yang pernah diterima. Para anggota pihak media menulis atau bercakap tentang Gereja setiap hari, melaporkan aktiviti-aktivitinya yang banyak. Banyak agensi berita yang terkenal di Amerika Syarikat selalu membincangkan Gereja atau ahli-ahlinya. Perbincangan ini sedang berlaku di seluruh dunia juga.

Gereja juga menarik perhatian di Internet, yang, seperti kamu tahu, telah mengubah dengan dramatik cara orang mengongsi maklumat. Pada setiap masa setiap hari di seluruh dunia, Gereja serta ajarannya dibincangkan di Internet, di blog-blog dan di rangkaian sosial oleh orang yang belum pernah menulis untuk surat khabar atau majalah. Mereka membuat video dan mengongsikannya online. Ini merupakan orang biasa---baik ahli kepercayaan kita mahupun ahli kepercayaan lain---yang membincangkan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Perubahan dalam cara kita berkomunikasi tolong menjelaskan kenapa kita “Mormons” adalah lebih ketara daripada sebelumnya. Tapi Gereja juga berkembang dan maju. Semakin banyak orang mempunyai ahli Gereja sebagai jiran-jiran dan kawan-kawan, dan

ada ahli-ahli Gereja yang terkenal dalam kerajaan, dalam perniagaan, dalam penghiburan, dalam pendidikan, dan di mana-mana saja---nampaknya. Bahkan mereka yang bukan ahli Gereja telah melihat ini, dan mereka ingin tahu apa yang sedang berlaku. Ini sungguh hebat bahawa begitu banyak orang sekarang sedar akan Gereja dan para Orang Suci Zaman Akhir.

Semasa Gereja menjadi semakin ketara, masih ada ramai orang yang tidak memahaminya. Ada orang yang telah diajar supaya mencurigakan Gereja dan percaya stereotaip negatif mengenai Gereja tanpa menyoalkan sumbernya dan kesahihannya. Ada juga banyak maklumat palsu dan kekeliruan tentang Gereja dan posisinya. Ini telah berlaku sejak masa Joseph Smith.

Joseph Smith menulis sejarahnya “untuk mengembalikan pendapat umum serta mengemukakan segala kebenaran yang menyangkut kenyataan.” Adalah benar bahawa selalu akan ada orang yang mengubah kebenaran dan sengaja menyalahgambarkan ajaran-ajaran Gereja. Tapi kebanyakan orang dengan soalan mengenai Gereja hanya ingin faham. Orang yang berfikiran terbuka ini ingin tahu dengan ikhlas mengenai kita.

Keketaraan dan reputasi Gereja yang semakin besar memberikan peluang yang menakjubkan kepada kita sebagai ahli-ahlinya. Kita boleh membantu “mengembalikan pendapat umum,” dan membetulkan maklumat palsu apabila kita digambarkan sebagai sesuatu yang bukan-bukan. Tapi yang lebih penting, kita boleh mengongsikan siapa kita.

Ada banyak hal yang dapat kita lakukan---yang kamu dapat lakukan---untuk mempertingkatkan kefahaman tentang Gereja. Jika kita dapat melakukan ini dengan sikap yang sama dan berkelakuan dengan sama yang ada bila kita mengadakan rumah terbuka bait suci, kawan dan jiran kita akan memahami kita dengan lebih baik. Kecurigaan mereka akan lenyap, stereotaip negatif akan hilang, dan mereka akan mulai memahami Gereja yang sebenarnya.

Biar saya mencadangkan beberapa idea mengenai apa yang setiap kita dapat lakukan.

Yang pertama, kita mesti berani dalam perisytiharan kita mengenai Yesus Kristus. Kita ingin supaya orang lain mengetahui bahawa kita percaya bahawa Dia adalah orang yang terpenting dalam semua sejarah manusia. KehidupanNya dan ajaranNya merupakan teras Alkitab dan buku-buku yang lain yang kita anggap tulisan suci. Perjanjian Lama mempersiapkan kita untuk pelayanan Kristus yang fana. Perjanjian Baru menggambarkan pelayananNya yang fana. Kitab Mormon memberikan kita kesaksian kedua pelayananNya yang fana. Dia datang ke bumi untuk mengisytiharkan injilNya sebagai asas untuk semua manusia supaya semua anak-anak Tuhan dapat belajar dan mengikuti ajaranNya. Lalu Dia memberikan nyawaNya untuk menjadi Juruselamat dan

Penebus kita. Hanya melalui Yesus Kristus penyelamatan adalah mungkin. Ini adalah mengapa kita percaya Dia adalah orang yang terpenting dalam semua sejarah manusia. Takdir kita yang abadi ada dalam tanganNya. Adalah sungguh cemerlang mempercayaiNya dan menerimaNya sebagai Juruselamat kita, Tuhan kita, dan Tuan kita.

Kita juga percaya bahawa hanya melalui Kristus terdapatlah kepuasan, harapan, dan kebahagiaan yang paling hebat---baik dalam kehidupan ini mahupun dalam keabadian. Ajaran kita, sebagaimana diajar dalam Kitab Mormon, menyatakan dengan tegas: “Oleh kerana itu, kamu harus maju terus dengan suatu ketabahan dalam Kristus, dengan harapan yang gilang gemilang dan kasih kepada Tuhan dan segenap manusia. Oleh kerana itu, jika kamu maju terus, mengenyangkan diri dengan firman Kristus dan bertahan sampai akhir, lihatlah, demikian firman Bapa: Kamu akan memperoleh hidup yang abadi.”

Kita mengisytiharkan kepercayaan kita dalam Yesus Kristus dan menerimaNya sebagai Juruselamat kita. Dia akan memberkati kita dan membimbing kita dalam semua usaha kita. Semasa kita hidup di sini dalam kefanaan, Dia akan memperkukuh kita dan membawakan kita ketenangan dalam masa cabaran. Para ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir menjalani kehidupan mereka dengan beriman dalam Dia yang mempunyai Gereja.

Yang kedua, jadilah teladan yang soleh bagi orang lain. Selepas perisytiharan kepercayaan kita, kita mesti mengikuti arahan yang diberikan kepada kita dalam 1 Timotius 4:12: “Jadilah teladan bagi orang-orang percaya, dalam perkataanmu, dalam perbualanmu, dalam kasihmu, dalam kesetiaanmu dan dalam kesucianmu.”

Juruselamat mengajar tentang kepentingan menjadi teladan kepercayaan kita dengan mengatakan, “Hendaknya terangmu bercahaya di depan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di syurga.”

Kehidupan kita patut menjadi teladan kebaikan dan hemah, ketika kita cuba mengikuti teladanNya kepada dunia. Perbuatan baik oleh setiap kita dapat mempertingkatkan reputasi Juruselamat dan GerejaNya. Ketika kamu terlibat dalam perbuatan baik, menjadi lelaki dan perempuan yang terhormat dan soleh, Terang Kristus akan terbayang dalam kehidupan kamu.

Yang seterusnya, memperkatakan Gereja. Semasa kehidupan harian kita, kita diberkati dengan begitu banyak peluang untuk mengongsikan apa yang kita percaya dengan orang lain. Apabila rakan kita yang peribadi dan profesional bertanya tentang kepercayaan keagamaan kita, mereka menjemput kita untuk mengongsikan siapa kita dan apa yang

kita percaya. Mereka mungkin atau mungkin tidak berminat dalam Gereja, tapi mereka berminat mengenal kita lebih mendalam.

Syor saya kepada kamu adalah untuk menerima jemputan mereka. Rakan-rakan kamu tidak menjemput kamu untuk mengajar, menguraikan, dan menasihati. Mengadakan perbualan berhala dua dengan mereka---kongsikan sesuatu tentang kepercayaan keagamaan kamu tapi juga bertanya mereka tentang kepercayaan mereka. Mengukur berapa minat mereka dari soalan-soalan yang mereka tanya. Kalau mereka tanya banyak soalan, memfokuskan perbualan pada menjawab soalan-soalan mereka. Selalu ingat bahawa adalah lebih baik untuk mereka bertanya daripada kamu beritahu.

Beberapa ahli nampaknya ingin merahsiakan keahlian mereka dalam Gereja. Mereka mempunyai sebab-sebab sendiri. Contohnya, mungkin mereka percaya bahawa mengongsikan kepercayaan mereka bukanlah tanggungjawab mereka. Mungkin mereka takut bahawa mereka akan membuat kesilapan atau ditanya soalan yang mereka tidak dapat jawab. Kalau fikiran yang demikian datang kepada kamu, saya ada nasihat untuk kamu. Ingatlah kata-kata Yohanes: “Di dalam kasih tidak ada ketakutan; kasih yang sempurna melenyapkan ketakutan.” Kalau kita mengasihi Tuhan dan orang lain, kita dijanji yang kita akan mengatasi ketakutan kita.

Jika kamu telah melawat www.mormon.org kebelakangan ini, yang merupakan laman web Gereja untuk orang yang berminat belajar lebih tentang Gereja, kamu telah melihat para ahli yang telah kongsikan maklumat tentang diri mereka. Mereka telah membuat profil Internet yang menjelaskan siapa mereka dan kenapa kepercayaan keagamaan mereka penting bagi mereka. Mereka sedang memperkatakan iman mereka.

Bagaimana kita bercakap tentang Gereja adalah sepenting apa yang kita cakap. Kita patut memperlakukan perbualan yang demikian dengan kasih seperti Kristus. Nada kita, sama ada dengan bercakap atau menulis, patut penuh hormat dan kesopanan, tidak kira apa balasan orang lain. Kita patut jujur dan berfikiran terbuka dan cuba bercakap dengan jelas. Kita tidak mahu bersikap mempertahankan diri atau bertengkar.

Rasul Petrus mengatakan, “Tetapi hendaklah kamu menjadi kudus di dalam seluruh hidupmu sama seperti Dia yang kudus, yang telah memanggil kamu.”

“Cara berbual” kini nampaknya melibatkan Internet semakin lebih. Kami menggalakkan orang, baik muda mahupun tua, untuk menggunakan Internet dan media sosial untuk mengongsikan kepercayaan keagamaan mereka.

Ketika kamu menggunakan Internet kamu mungkin akan melihat perbualan-perbualan mengenai Gereja. Apabila diarahkan oleh Roh, janganlah teragak-agak menambahkan suara kamu kepada perbualan-perbualan ini.

Mesej injil Yesus Kristus berbeza daripada apapun yang pernah kamu kongsi dengan orang lain. Dalam zaman maklumat, injil adalah maklumat yang paling berharga di dunia. Nilainya memang pasti. Ia merupakan mutiara yang sangat berharga.

Apabila bercakap tentang Gereja, kita tidak cuba mencantikkannya. Kita tidak perlu memutar mesej kita. Kita perlu menyampaikan mesej ini dengan jujur dan terus terang. Jika kita membuka saluran-saluran komunikasi, mesej injil Yesus Kristus yang dipulihkan akan membuktikan dirinya kepada mereka yang sedia menerimanya.

Kadang-kadang ada perbezaan besar---sebuah jurang dalam kefahaman---di antara cara kita alami Gereja sebagai para ahli dan cara orang yang bukan ahli melihatnya. Inilah sebab utama kita mengadakan rumah terbuka di bait suci sebelum setiap bait suci dibaktikan. Para sukarelawan ahli Gereja di rumah terbuka bait suci cuba membantu orang lain melihat Gereja seperti sebagaimana mereka melihatnya sebagai ahli. Mereka mengenali bahawa Gereja adalah suatu pekerjaan yang menakjubkan, bahkan suatu kehairanan, dan mereka ingin supaya orang lain mengetahuinya juga. Saya meminta setiap kamu untuk melakukan yang sama.

Saya berjanji bahawa jika kamu akan membalas jemputan-jemputan mengongsikan kepercayaan dan perasaan kamu mengenai injil Yesus Kristus yang dipulihkan, roh kasih dan roh keberanian akan menjadi teman kamu yang tetap, kerana “kasih yang sempurna melenyapkan ketakutan.”

Ini adalah masa pertambahan peluang untuk mengongsikan injil Yesus Kristus dengan orang lain. Semoga kita mempersiapkan diri untuk mengambil kesempatan peluang-peluang yang diberi kepada setiap kita untuk mengongsikan kepercayaan kita, saya berdoa dengan rendah hati dalam nama Yesus Kristus, amin.

Kita Terpadu

Oleh Elder Jeffrey R. Holland

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Saudara-saudara, dalam perasaan kesaudaraan, saya mahu bercakap secara terus-terang malam ini. Dalam ketulusan hati itu, orang-orang remaja dalam Imamat Harun termasuk.

Ketika kita membaca kehebatan Penglihatan Pertama Joseph Smith, kadang-kadang kita mengabaikan perlawanan-nya yang menakutkan dan berbahaya yang terjadi baru sebelumnya, satu perlawanan yang bertujuan untuk menghancurkan lelaki itu, kalau dapat, tetapi sekurang-kurangnya merintanginya wahyu yang akan datang. Kita tidak bercakap tentang si musuh itu lebih daripada yang diperlukan, dan saya tidak suka bercakap tentang dia, tidak sikitpun; namun, pengalaman dari remaja Joseph itu mengingatkan kita tentang apa yang perlu diingat setiap orang, termasuk setiap orang remaja dalam jemaah ini.

Nomor satu, Setan atau Lusifer atau Bapa Tipuan—panggilah dia apa yang kamu mahu—betul-betul wujud, pengejawantahan kejahatan sebenar. Niat-niat dia, dalam setiap keadaan, adalah jahat dan kejam, dan dia mundur pada kemunculan cahaya penebusan dan cuma pemikiran kebenaran. Nomor dua, dia menentang selamanya kasih-sayang Tuhan, Korban Tebusan Yesus Kristus, dan pekerjaan pendamaian dan keselamatan. Dia akan memerangi hal-hal ini bila-bila dan di mana-mana dia boleh. Dia tahu bahawa pada tamat segala hal dia akan dikalahkan dan dibuang, tetapi dia bertekad untuk menghancurkan dan menarik ke bawah bersama-nya sebanyak jiwa lain yang mungkin.

Jadi, apakah beberapa muslihat iblis dalam pertandingan ini bila kehidupan kekal taruhannya? Sekali lagi, pengalaman di Sacred Grove memberikan pelajaran. Joseph mencatat bahawa, dalam satu usaha untuk melawan segala yang akan datang, Lusifer mengelilingi dia dengan “suatu...pengaruh yang begitu menakjubkan atas diriku, seolah-olah mengikat lidahku sehingga aku tidak dapat berbicara.”

Setan tidak dapat mengambil nyawa secara langsung. Itulah salah satu antara banyak hal yang tidak dapat dia buat. Tetapi, nampaknya usaha-nya untuk menghalang pekerjaan ini akan dilayani agak baik kalau dia cuma dapat mengikat lidah-lidah dari yang setia. Saudara-saudara, jika inilah keadaannya, malam ini saya mahu mencari orang, baik muda maupun tua, yang mempedulikan cukup tentang pertempuran ini anantara kesolehan dan kejahatan sehingga mendaftarkan dan berdiri tegak. Kita berada dalam perang, dan

selama beberapa minit hadapan ini, saya mahu mendaftarkan orang untuk memasuki perang ini.

Perlukah saya menyanyikan beberapa barisan dari “Kita Terpadu”? Kamu tahu barisan itu tentang “Siapa ‘kan turut dengan suka rela?” Memang, hal yang hebat berkaitan dengan panggilan ke perang ini ialah bahawa kami meminta *bukan* untuk sukarelawan yang akan menembak senapang atau melemparkan sebuah bom tangan. Tidak, kami mahu batalion-batalion yang akan mengambil sebagai senjata mereka “setiap kata yang dikeluarkan mulut [Tuhan].” Jadi, malam ini saya mencari mubaligh bakal yang tidak akan, dengan rela, mengikat lidah mereka, melainkan akan, dengan Roh Tuhan dan kuasa imamat mereka, membuka mulut mereka dan mengerjakan mukjizat. Perkataan begitu, para pemimpin Gereja kata dulu, akan menjadi jalan itu, yang melalaunya, “perbuatan [iman] yang paling berkuasa telah dan akan dilaksanakan.”

Khususnya, saya meminta orang remaja dalam Imamat Harun untuk duduk erat dan memberi perhatian. Bagi kamu, biar saya campur ini dengan perumpamaan sukan. Kita berada dalam suatu pertandingan yang serius menentang seorang musuh yang membenci kamu dan membenci pekerjaan ini, jadi saya akan berdiri dekat kamu, muka ke muka, hidung ke hidung, dengan cukup api untuk mungkin membakar kening kamu sikit—cara itu yang seorang jurulatih pakai apabila suatu pertandingan sangat dekat dan kemenangan ialah apa yang paling penting. Dan dengan pertandingan taruhannya, apa yang jurulatih ini memberitahu kamu ialah bahawa, untuk main dalam pertandingan ini, beberapa daripada kamu mesti menjadi lebih bersih secara moral daripada sekarang. Dalam pertempuran hidup-atau-mati yang sebenar antara kesolehan dan kejahatan, kamu tidak boleh berpihak dengan si musuh setiap kali dihadapi godaan, jadi pilihlah untuk berpihak dengan Juruselamat seolah-olah itu tiada terjadi. Itulah, kawan-kawan muda saya, kamu tidak dapat lakukan. Tuhan tidak akan diejek.

Jadi, kita ada suatu keadaan susah, kamu dan saya. Itulah bahawa ada beribu-ribu orang remaja dalam Imamat Harun yang sudah berada dalam catatan Gereja ini yang mempunyai potensi untuk menjadi mubaligh. Tetapi cabaran-nya ialah untuk memastikan bahawa para deakon, pengajar, dan imam terus cukup aktif dan layak untuk ditahbiskan sebagai elder-elder dan melayani sebagai mubaligh. Jadi kami perlu orang remaja yang sudah berada dalam pasukan untuk tinggal tetap dalamnya dan berhenti meninggalkan gelanggang pertandingan pada saat bila kami perlu kamu untuk masuk pertandingan itu dan bertanding dengan sepenuh tenaga kamu! Dalam hampir semua pertandingan sukan, ada barisan yang dikecat yang di dalamnya semua peserta mesti tinggal untuk bertanding, dan Tuhan telah mengecat barisan kelayakan bagi mereka yang dipanggil untuk bekerja bersama-Nya dalam pekerjaan ini. Tidak ada seorang mubaligh siapapun yang belum bertaubat akan pelanggaran-pelanggaran seksual atau bahasa cemar atau penontonan pornografi dan kemudian berharap untuk memberi suatu cabaran kepada

orang lain untuk bertaubat akan hal yang sama itu! Kamu tidak dapat lakukan-nya. Roh tidak akan menyertai kamu dan perkataan tidak mungkin keluar dari mulut kamu bila kamu mencoba bercakap. Orang-orang remaja yang saya sayangi, kamu tidak boleh berdosa dan melayani.

Tetapi, bagi kamu, ada suatu jawaban pada cabaran ini yang sekuat jawaban bagi para penyelidik itu yang kepada-nya akan kamu pergi. Tak kira keadaan dan sejarah kamu, kamu dapat diampuni. Setiap satu di antara kamu boleh meninggalkan pelanggaran mana-mana yang susah bagi kamu. Kamu boleh berbuat demikian. Itulah “mukjizat pengampunan,” mukjizat Korban Tebusan. Tetapi kamu tidak dapat membuat itu tanpa suatu tekad yang kuat dan hidup pada injil, dan kamu tidak dapat membuat itu tanpa pertaubatan di mana diperlukan. Saya memohon kamu untuk hidup aktif dan bersih. Kalau diperlukan, saya sedang berkata untuk *menjadi* aktif dan *menjadi* bersih.

Saudara-saudara, kami bercakap secara terus terang kepada kamu kerana apa-apa yang lebih lembut jarang kali berjaya. Kami bercakap secara terus-terang kerana Setan adalah seorang makhluk yang sebenar yang berniat menghancurkan kamu, dan dia berusaha menyerang hati mana-mana pada usia yang makin muda. Jadi kami merebut kamu dan berseru seberkuasa yang dapat kami seru:

*Dengar genderang perang nyaring berbunyi;
Ikut kami! Ikut kami!*

Kawan-kawan muda saya, kita mempunyai suatu pekerjaan di hadapan kita. Kita perlu berpuluh-ribuan lebih orang mubaligh dalam bulan-bulan dan tahun-tahun hadapan. Mereka mestilah datang dari peratusan yang makin besar dari Imamat Harun yang akan ditahbiskan, dan hidup aktif, bersih, dan layak untuk melayani.

Kepada kamu semua yang sudah melayani atau sedang layani, kami mengucapkan terima kasih bagi kesetiaan kamu, bagi kebaikan yang telah kamu buat, dan untuk kehidupan yang telah kamu sentuh. Kami juga menyadari bahawa ada beberapa yang sangat mahu melayani misi dan yang telah berharap sepanjang kehidupan mereka untuk membuat demikian namun, oleh kerana alasan kesihatan atau halangan lain yang berada di luar kuasa mereka, tidak dapat memenuhi panggilan begitu. Kami secara terbuka dan dengan rasa kebanggaan menabik kamu. Kami tahu tentang keinginan kamu, dan kami memuji kesetiaan kamu. Kamu mempunyai rasa sayang dan hormat kami. Kamu sebahagian dalam pasukan ini selamanya, bahkan pada masa kamu secara hormat dikecualikan dari pelayanan penuh-waktu. Tetapi kami perlu yang sisa dari kamu!

Nah, sekarang kepada kamu, saudara-saudara dalam Imamat Melkisedek. Jangan bersenyum dan berehat dalam keselesaan kerusi kamu. Saya belum habis bercakap.

Kami perlu beribu-ribuan pasangan lagi untuk melayani dalam misi-misi Gereja. Setiap presiden misi memohon untuk menerima mereka. Di mana-mana mereka layani, pasangan kami membawa kematangan ke dalam pekerjaan ini yang tidak dapat orang-orang berumur 19 tahun bawa tak kira berapa banyak atau betapa berbakat.

Untuk menggalakkan lebih pasangan untuk melayani, Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas telah melaksanakan sesuatu yang mungkin merupakan hal yang paling berani dan murah hati dalam pekerjaan ini dalam lima puluh tahun yang lalu. Pada bulan Mei tahun ini, para pemimpin imamat dalam ladang misi menerima arahan bahawa harga perumahan bagi pasangan (dan *hanya* harga perumahan) akan diringkankan dengan dana mubaligh Gereja kalau harga-nya melampaui satu jumlah sebulan yang ditetapkan sebelumnya. Apa berkatnya! Inilah pembantuan syurgawi terhadap perbelanjaan yang paling besar yang pasangan-pasangan kita hadapi dalam misi mereka. Para Pemimpin Gereja juga memutuskan bahawa pasangan boleh melayani misi selama 6 atau 12 bulan, serta masa yang biasa yaitu 18 atau 24 bulan. Dalam satu tindakan lagi yang hebat, keizinan diberikan agar pasangan-pasangan, dengan duit sendiri, boleh pulang sekejap untuk peristilah kekeluargaan yang kritikal. Dan jangan risau bahawa kamu mesti ketuk pintu atau mengikuti jadual yang sama dengan yang berumur 19 tahun! Kami tidak meminta kamu membuat begitu melainkan ada banyak hal lagi yang dapat kamu lakukan, dengan banyak kelonggaran dalam pelaksanaan-nya.

Saudara-saudara, kerana alasan-alasan yang cukup baik berkaitan pada kesihatan, kekeluargaan, dan ekonomik, kami menyadari beberapa antara *kamu* tidak dapat pergi pada saat ini atau barangkali tidak pernah. Tetapi dengan sikit perancangan, banyak di antara kamu dapat.

Para uskup dan presiden pancang, bincanglah keperluan ini dalam majlis dan persidangan kamu. Duduk di mimbar di depan dalam perjumpaan kamu dan, dengan berdoa, lihat ke dalam jemaah bagi keilhaman mengenai mereka yang seharusnya menerima sebuah panggilan. Lalu, berundinglah dengan mereka dan tolonglah mereka menetapkan tarikh untuk pelayanan mereka. Saudara-saudara, bila itu terjadi, beritahu istri kamu bahawa kalau kamu boleh meninggalkan kerusi berehat dan televisyen kamu selama beberapa bulan, dia boleh meninggalkan cucu-cucu. Orang-orang comel itu akan dijaga, dan saya berjanji bahawa kamu akan membuat perkara dalam pelayanan Tuhan bagi mereka yang tidak dapat kamu buat jika kamu cuma tinggal di rumah dan menjaga mereka untuk selama-lamanya. Adakah hadiah yang lebih hebat yang dapat nenek-datuk berikan kepada keturunan mereka daripada menyatakan dalam baik tindakan maupun perkataan, “Dalam keluarga ini, kita melayani misi!”

Pekerjaan mubaligh bukanlah hal satu-satunya yang perlu kita lakukan dalam Gereja ini yang besar, luas, dan hebat. Tetapi hampir segala yang lain yang perlu kita buat

bergantung pertama-tama pada orang-orang mendengar Injil Yesus Kristus dan memasuki Gereja-Nya. Pastinya itulah kenapa suruhan terakhir Yesus kepada yang Dua Belas ialah begitu sederhana—untuk “pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku, dan baptiskanlah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.” Pada masa itu, dan pada masa itu saja, bolehlah semua berkat yang lain dalam injil datang—kesatuan dalam keluarga, aktiviti-aktiviti untuk remaja, perjanjian keimamatan, dan tata-cara-tata-cara yang mengalir ke bait suci. Namun, seperti disaksikan Nefi, tiada sesiapa yang dapat datang sebelum dia telah “masuk ke dalam gerbang.” Dengan semua yang mesti dibuat dalam jalan ke kehidupan kekal, kita perlu banyak lagi orang mubaligh untuk membukakan pintu gerbang itu dan membantu orang-orang lain masuk melalui-nya.

Daripada setiap orang pemegang imamat, saya mohon untuk suatu suara yang lebih kuat dan setia dalam menyaksikan tentang injil, semangat mubaligh yang lebih kuat dan setia melawan kejahatan dan iblis itu yang adalah pengejawantahan kejahatan. Saudara-saudara dari semua usia, lepaskanlah lidah kamu dan lihat perkataan kamu mengerjakan keajaiban dalam kehidupan mereka yang “hanya dijauhkan dari kebenaran kerana mereka tidak tahu di mana menemukannya.”

*Mari maju ke medan laga,
Kebenaran perisai kita
Kibarkan panji dengan megah!
Gembiralah gembira, berbaris pulang.⁹*

Dalam nama Yesus Kristus, Panglima kita, amin.

Oleh Uskup Keith B. McMullin

Penasihat Kedua dalam Keuskupan Utama

Nabi Thomas S. Monson kini menekankan tugas-tugas dan peluang-peluang pemegang kuasa imamat harun kepada para rasul, jadi Saya teringin berkongsi arahannya dengan kamu semua.

Tugas Imamat Harun begitu asas, “Karenanya, sekarang biarlah setiap pria mempelajari kewajibannya, dan bertindak pada jabatan yang di dalamnya dia ditetapkan, dengan segenap ketekunan.”

Nabi Thomas S. Monson berkata, “Tugas pertama kita sebagai pemegang kuasa imamat ialah untuk belajar kehendak Tuhan, baru melaksanakan tugas kita dengan cara yang membuat orang lain senang untuk mengikuti kita”

Tuhan, mengenai tugasNya berkata, “Aku tidak dapat berbuat apa-apa dari diri-Ku sendiri; Aku menghakimi sesuai dengan apa yang Aku dengar, dan penghakiman-Ku adil, sebab Aku tidak menuruti kehendak-Ku sendiri, melainkan kehendak Dia yang mengutus Aku.” Oleh kerana Yesus Kristus melaksanakan tugasNya, “Sebab Aku telah turun dari sorga bukan untuk melakukan kehendak-Ku, tetapi untuk melakukan kehendak Dia yang telah mengutus Aku.” Saudara-saudara, begitu lah juga harus kita bertindak.

“Kami percaya bahwa melalui “Pendamaian Kristus, seluruh umat manusia boleh diselamatkan, melalui kepatuhan pada hukum dan tata cara Injil”

Bagi Saya, kamu semua yang adalah deakon, pengajar, dan imam sudi dan mampu melaksanakan tugas kamu masing-masing sentiasa. Kami mengagumi kamu semua. Kamu semua hebat sekali. Kamu dan kuasa imamat harun sungguh penting dalam kerja Bapa di syurga, dan untuk kedatangan kedua anakNya yang kudus, yaitu Yesus Kristus. “Jangan seorangpun menganggap engkau rendah karena engkau muda. Jadilah teladan bagi orang-orang percaya, dalam perkataanmu, dalam tingkah lakumu, dalam kasihmu, dalam kesetiaanmu dan dalam kesucianmu”

Di zaman dahulu

Ada lah Imamat Harun

Melalui para imam dan Nabi

Anak-anak Tuhan langsung diberkati

Kemudian datang lah juruselamat dunia

*Beliau mencari si Yohanes
Agar dibaptiskan dengan kuasa itu
Begitu lah juga dunia diselamatkan*

*Di zaman sekarang ini
Sekali lagi kebenaran dipulihkan
Segenap injil disebarikan di seluruh dunia
Agar jiwa orang dapat dilahirkan kembali*

*Imamat Harun serta kebenaran
Memungkinkan penebusan manusia
Melalui anak tunggal Bapa
Yaitu Yesus Kristus*

*Dia yang memegang kuasa ini
Mempunyai tugas suci
Mari lah kita berkerja sama
Supaya kerajaan Tuhan berkembang*

“Kuasa dan wewenang dari yang lebih rendah, atau Imamat Harun, adalah untuk memegang kunci-kunci pelayanan para malaikat, dan untuk melaksanakan tata cara-tata cara lahiriah, sisi lahiriah Injil, baptisan untuk pertobatan untuk pengampunan akan dosa-dosa, sejalan dengan perjanjian dan perintah.” Rasul Packer berkata, “Wewenang dan kuasa tiadak sama, kita sebagai pemegang imamat harus berlayak sentiasa agar kita mempunyai kuasa imamat bukan wewenang sahaja.”

Nabi kita telah bagitahu kita bagaimana ini boleh dijadikan. Nabi Monson berkata, “Saya mahu kuasa imamat diperkuatkan, Saya mahu melihat kekuatan ini disebarikan kepada setiap orang yang memegang imamat ini. Setiap pemegang imamat harus mencari arahan daripada Tuhan mengenai bahagian apa yang sepatutnya dia laksanakan.”

Bagaimana seorang pemegang imamat boleh menerima arahan untuk pemanggilannya?
Dia harus jadi layak untuk ditemani Roh Kudus.

Nabi Alma telah bercakap tentang hal-hal ini, “Dan sekarang, aku berkata kepadamu bahwa ini adalah tata tertib yang menurutnya aku dipanggil, ya, untuk berkhotbah kepada saudara-saudara terkasihku, ya, dan setiap orang yang berdiam di negeri ini; ya, untuk berkhotbah kepada semua orang, baik tua maupun muda, baik terikat maupun bebas; ya, aku berkata kepadamu yang lanjut usia, dan juga yang paruh baya, dan angkatan muda; ya, untuk berseru kepada mereka bahwa mereka mesti bertobat dan dilahirkan kembali.” Apabila seorang dilahirkan kembali, hatinya diubah. Dia tidak ingin akan benda yang

tidak baik. Dia mempunyai rasa kasih-sayang abadi kepada Tuhan. Dia ingin jadi seorang yang baik, melayani orang lain, dan patuhi perintah-perintah.

Nabi Joseph F. Smith menjelaskan tentang pengalaman ini yang mengubahNya: “Perubahan ini mendatangkan perasaan kedamaian, dan kasih-sayang. Saya rasa dengan sepenuh jiwa saya bahawa Saya berdosa, kemudian diampuni, bahawa saya diperbersihkan daripada dosa itu, saya amat terharu. Saya ingin membuat sahaja masa, maka rasa jahat dilepaskan dari saya, Tuhan memang sumber perasaan ini.”

Berupaya lah agar kamu dilahirkan kembali. Berdoa agar perubahan ini akan menjadikan hati kamu baik sekali. Baca lah tulisan suci. Berupaya lah agar kamu menjadi lebih seperti Yesus Kristus.

Jangan lah bercakap kasar.

Melepaskan kejahatan.

Mengelakkan pertengkaran.

Bertaubat lah akan dosa-dosamu.

Dengan perkara-perkara ini kamu akan menjadi seorang lelaki yang benar. Kamu akan menjadi lebih beriman, dan rendah hati, ramai akan mengharapkan kamu. Tuhan akan memberi kamu kuasa dari syurga.

Sebagai saudara-saudara kamu, kami akan menjadi teladan yang baik kepada kamu. Kami akan menokong para pemimpin korum-korum. Kami akan mempermampukan kamu untuk melaksanakan tugas imamat kamu.

Melalui pelayanan kamu, gereja ini akan diberkati. “Para malaikat berbicara melalui kuasa Roh Kudus” Kamu boleh juga, semasa kamu memberkati dan membagi sakramen kudus, semua orang akan berusaha untuk bertaubat, menguatkan iman dalam Kristus dan ditemani Roh Kudus sentiasa.

Tuhan Yesus menjaga orang susah masa Beliau di bumi ini, “ke mari dan ikutlah Aku” Pelayanan untuk orang susah adalah kerja amal, dan sekiranya kita buat demikian kita akan selalu diampuni dari dosa-dosa kita masing-masing.

Melawati lah ahli-ahli gereja, jangan malu sebab Roh Kudus akan membantu kamu untuk membuat perkara yang sesuai untuk mereka menurut keperluannya.

Mengajak lah ahli-ahli kembali gereja yang kurang aktif supaya mereka boleh mengambil sakramen bersama kamu, maka kamu membantu mereka kembali ke dalam gereja Tuhan.

Saudara-saudara terkasih, “Jangan lalai dalam mempergunakan karunia yang ada padamu” yang diterima kamu masa kamu ditetapkan sebagai pemegang imamat.

“Tuhan memberikan kepada kita bukan roh ketakutan, melainkan roh yang membangkitkan kekuatan, kasih dan ketertiban...

Jadi janganlah malu bersaksi tentang Tuhan kita dan janganlah malu karena aku...melainkan ikutlah menderita bagi Injil-Nya oleh kekuatan Tuhan...

Dialah yang menyelamatkan kita dan memanggil kita dengan panggilan kudus...yang telah dikaruniakan kepada kita dalam Kristus Yesus sebelum permulaan zaman.”

Kami sebagai saudara-saudara kamu doakan kamu, kami berbahagia dapat berlayan bersama kamu, dan kami berterima kasih kepada Tuhan kerana kuasaNya yang diberiNya kepada kita untuk melaksanakan kerjaNya di dunia ini.

Oleh Elder W. Christopher Waddell

Dari Kuorum Tujuh Puluh

Peristiwa yang besar dalam kehidupan seorang mubaligh adalah temu duga-nya yang terakhir dengan presiden misi. Pada pusat temu duga itu adalah suatu bincangan yang di dalam-nya diingat kembali banyak pengalaman dan pelajaran yang didapati dalam 18 atau 24 bulan.

Walaupun banyak daripada pengalaman dan pelajaran ini mungkin biasa dalam pelayanan mubaligh, setiap misi adalah unik, dengan cabaran dan kesempatan yang akan mencuba dan menguji kita menurut keperluan dan personaliti kita sendiri.

Lama sebelum meninggalkan rumah duniawi kita untuk melayani sebuah misi penuh-waktu, kita sudah meninggalkan Ibu Bapa Syurgawi untuk menggenapi misi fana kita. Kita mempunyai seorang Bapa di Syurga, yang kenal kita—kekuatan dan kelemahan kita, kemampuan dan potensi kita. Dia tahu siapa presiden misi dan rakan-rakan serta para ahli Gereja dan penyelidik yang kita perlu untuk menjadi seorang mubaligh, suami, dan ayah, dan pemegang imamat yang dapat kita jadi.

Para nabi, pelihat, dan pewahyu menugaskan para mubaligh di bawah petunjuk dan pengaruh Roh Kudus. Presiden-presiden misi yang diilhami mengarahkan pemindahan setiap enam minggu dan belajar dengan cepat bahawa Tuhan mengetahui di mana Dia mahu setiap mubaligh melayani.

Beberapa tahun yang lalu, Elder Javier Misiego, dari Madrid, Spanyol, sedang melayani misi-nya di Arizona. Pada waktu itu, panggilan misi-nya ke Amerika Syarikat dianggap tidak biasa, kerana kebanyakan orang dari Spanyol dipanggil untuk melayani di negara mereka sendiri.

Pada tamat perjumpaan kecil dalam satu pancang, di mana dia dan rakan-nya dijemput berperan, Elder Misiego didekati oleh seorang ahli Gereja yang kurang aktif. Ini merupakan kali pertama dalam banyak tahun bahawa orang lelaki ini—yang dibawa seorang kawan—telah masuk sebuah bangunan Gereja. Elder Misiego ditanya kalau dia

kenal seorang bernama Jose Misiego di Madrid. Bila Elder Misiego membalas bahawa itulah nama ayah-nya, lelaki ini terus bertanya dengan bersemangat beberapa soalan lagi untuk memastikan bahawa ayah elder itu adalah Jose Misiego *itu*. Bila ditentukan bahawa mereka bercakap tentang orang yang sama, ahli yang kurang aktif itu bermula menangis. “Ayah kamu adalah orang satu-satunya yang saya baptis dalam misi saya,” dia berkata dan menjelaskan bagaimana dia merasa bahawa dia gagal sebagai seorang mubaligh. Dia mengaitkan tahun-tahun ketidakaktifan-nya pada perasaan kegagalan dan kemurungan, dengan memercayai bahawa dia, dalam satu cara atau yang lain, telah mengecewakan Tuhan.

Lalu, Elder Misiego menjelaskan penting-nya mubaligh yang “merasa kalah” kepada keluarga-nya. Dia memberitahu bahawa bapa-nya, yang dibaptis sebagai seorang dewasa muda, telah berkhawin di bait suci, bahawa Elder Misiego adalah anak keempat daripada enam, bahawa ketiga-tiga anak lelaki dan satu anak perempuan telah melayani misi penuh-waktu, bahawa semua aktif dalam Gereja, dan bahawa semua yang sudah berkhawin telah dimeteraikan di dalam bait suci.

Orang yang kurang aktif itu bermula menangis. Melalui usaha-nya, dia baru menyadari bahawa beratus-ratus kehidupan telah diberkati, dan Tuhan telah menghantar seorang elder dari Madrid, Spanyol ke suatu perjumpaan kecil di Arizona untuk memberitahunya bahawa dia bukan seseorang yang gagal. Tuhan mengetahui di mana Dia mahu setiap mubaligh melayani.

Dalam cara manapun yang Tuhan pilih untuk memberikati kita pada masa sebuah misi, berkat-berkat pelayanan mubaligh bukan bertujuan untuk berakhir ketika kita dilepaskan presiden pancang kita. Misi kamu adalah masa pelatihan untuk sisa kehidupan kamu. Pengalaman, pelajaran, dan kesaksian yang diperoleh melalui pelayanan setia bertujuan untuk menyediakan sebuah dasar yang berpusat pada Injil yang akan bertahan sepanjang hidup dalam kefanaan dan kekekalan. Namun, agar berkat-berkat terus selepas misi itu, ada syarat-syarat yang perlu dipenuhi. “Kerana semua orang yang menghendaki berkat dari tangan-Ku haruslah mentaati hukum yang telah ditetapkan untuk berkat itu serta persyaratannya” (A&P 132:5). Asas ini diajarkan dalam cerita Keluaran.

Selepas menerima suruhan-nya dari Tuhan, Musa kembali ke Mesir untuk memimpin bangsa Israel keluar dari perhambaan. Tulah demi tulah gagal untuk memastikan kemerdekaan mereka, yang mengakibatkan tulah kesepuluh dan terakhir: “Sebab pada

malam ini Aku akan menjalani tanah Mesir dan semua anak sulung [di tanah Mesir] akan Kubunuh” (Keluaran 12:12).

Bagi perlindungan terhadap “si Pemusnah” (ayat 23), Tuhan mengarahkan umat-Nya untuk menawarkan sebuah pengorbanan, seekor domba “tidak bercela” (ayat 5), dan untuk mengumpulkan darah dari pengorbanan itu. Lalu mereka disuruh bahawa “darahnya haruslah diambil” dan diletakkan di tempat masuk dari setiap rumah—“pada kedua tiang pintu dan pada ambang atas” (ayat 7)—dengan janji ini: “Apabila Aku melihat darah itu, maka Aku akan lewat daripada kamu. Jadi tidak akan ada tulaah kemusnahan di tengah-tengah kamu” (ayat 13).

“Pergilah orang Israel, lalu berbuat demikian; seperti yang diperintahkan TUHAN” (ayat 28). Mereka menawarkan pengorbanan itu, mengumpulkan darah dari-nya, dan meletakkannya pada rumah mereka. “Maka pada tengah malam TUHAN membunuh tiap-tiap anak sulung di tanah Mesir” (ayat 29). Musa dan bangsa-nya, menurut perjanjian Tuhan, dilindungi.

Darah itu yang digunakan bangsa Israel, yang melambangkan Korban Tebusan Juruselamat, ialah suatu akibat dari pengorbanan yang mereka tawarkan. Namun, pengorbanan dan darah sahaja tidak cukup untuk mendapat berkat terjanji. *Tanpa pemakaian darah pada tiang pintu pengorbanan itu ialah sia-sia.*

Presiden Monson telah mengajar: “Pekerjaan mubaligh susah. Itu menghabiskan tenaga; itu membebani kemampuan; itu mewajibkan usaha yang terbaik....Tiada pekerjaan lain yang mewajibkan lebih masa atau kesetiaan yang lebih besar atau pengorbanan begitu dan doa yang begitu kuat” (“That All May Hear,” *Ensign*, Mei 1995, 49).

Sebagai akibat dari “korban” itu, kita kembali dari misi kita dengan kurnia-kurnia sendiri. Kurnia iman. Kurnia kesaksian. Kurnia pemahaman peranan Roh. Kurnia pengkajian Injil secara harian. Kurnia dari melayani Juruselamat kita. Kurnia dalam bentuk kitab-kitab suci yang dipakai habis, salinan *Mengkhobahkan Injil-Ku* yang sobek, catatan-catatan harian dari misi, dan hati-hati yang bersyukur. Namun, sama seperti anak-anak Israel, berkat-berkat yang berterusan yang berkaitan dengan pelayanan mubaligh mewajibkan pemakaian selepas korban itu.

Beberapa tahun yang lalu, semasa Sister Waddell dan saya memimpin Misi Spanyol Barcelona, saya biasanya memberikan satu tugas lagi kepada setiap orang mubaligh dalam temu duga terakhir mereka. Bila mereka pulang rumah mereka diminta untuk, dengan segera, mengambil masa untuk menimbangankan semua pelajaran dan kurnia yang disediakan bagi mereka oleh seorang Bapa di Syurga yang murah hati. Mereka diminta untuk, secara berdoa, menaraikan dan menimbangankan macamana mereka boleh memakai pelajaran itu dalam kehidupan selepas misi: pelajaran yang akan menyentuh setiap segi kehidupan mereka—pendidikan dan pilihan kerjaya, pernikahan dan anak-anak, pelayanan Gereja yang akan datang, serta, yang paling penting, siapa yang akan mereka jadi dan perkembangan mereka berterusan sebagai murid Yesus Kristus.

|v17

Tidak terlalu lambat bagi seorang mubaligh yang sudah pulang untuk menimbangankan pelajaran yang didapati melalui pelayanan-nya yang setia dan memakai itu dalam kehidupan-nya dengan lebih rajin. Semasa kita buat begitu, kita akan merasa pengaruh Roh lebih kuat dalam kehidupan kita, keluarga kita akan diperkuatkan, dan kita akan menjadi lebih rapat dengan Juruselamat kita dan Bapa di Syurga. Dalam suatu persidangan umum dulu, Elder L. Tom Perry memberi jempukan ini: “Saya menyuruh kamu sekalian mubaligh yang sudah kembali untuk memperbarui tekad kamu, untuk mendapat lagi keinginan dan perasaan pelayanan mubaligh. Saya menyuruh kamu untuk memiliki kelihatan, untuk menjadi, dan untuk berperanan seperti seorang hamba Bapa kita di Syurga...Saya mahu berjanji kamu bahawa ada berkat-berkat hebat tersedia bagi kamu jika kamu terus maju dan bertahan dengan semangat itu yang pernah kamu miliki sebagai seorang mubaligh penuh-waktu” (“The Returned Missionary,” *Liahona*. Jan. 2002, 88,89; *Ensign*, Nov. 2001, 77).

Sekarang, kepada orang remaja yang belum melayani suatu misi penuh-waktu, saya berkongsi nasihat Presiden Monson yang diberi pada Oktober yang lalu: “Saya mengulangi apa yang para nabi dahulu ajarkan—bahwa setiap remaja putra yang layak dan mampu hendaknya mempersiapkan diri untuk melayani misi. Pelayanan misionaris adalah tugas keimamatan—tanggung jawab yang Tuhan harapkan dari kita yang telah diberi sedemikian banyak” (“Saat Kita Bertemu Bersama Lagi,” *Liahona* dan *Ensign*, Nov. 2010, 5-6).

Sama seperti dengan para mubaligh dahulu dan sekarang, Tuhan kenal kamu dan mempunyai pengalaman misi yang tersedia bagi kamu. Dia kenal presiden misi kamu

serta istri-nya yang indah, yang akan menyayangi kamu sebagai anak mereka sendiri dan yang akan mencari ilham dan arahan demi kamu. Dia kenal setiap rakan kamu dan apa yang akan kamu belajar dari mereka. Dia kenal setiap kawasan di mana akan kamu layani, ahli-ahli Gereja yang akan kamu jumpa, orang-orang yang akan kamu ajar, serta kehidupan-kehidupan yang akan kamu sentuh selama kekekalan.

Melalui pelayanan setia dan pengorbanan rela kamu, misi kamu akan menjadi suatu pengalaman suci bagi-mu. Kamu akan bersaksi mukjizat penukaran hati semasa Roh bekerja melalui kamu untuk menyentuh hati mereka yang kamu ajar.

Semasa kamu bersedia untuk melayani, ada banyak untuk dibuat. Untuk menjadi seorang hamba Tuhan akan mewajibkan lebih daripada ditetapkan, memakai tanda nama, atau masuk pusat pelatihan mubaligh. Itulah sebuah proses yang bermula lama sebelum kamu dipanggil “Elder.”

Tibalah di misi kamu dengan kesaksian sendiri tentang Kitab Mormon, diperoleh melalui pengkajian dan doa. Kitab Mormon merupakan bukti yang kuat terhadap ketuhanan Kristus. Kitab Mormon juga merupakan bukti bagi Pemulihan melalui Nabi Joseph Smith. Sebagai seorang mubaligh, kamu pertama-tama mesti mempunyai satu kesaksian pribadi bahawa Kitab Mormon adalah benar. Kesaksian Roh Kudus akan menjadi fokus utama dalam pengajaran kamu. (Lihat *Mengkhobahkan Injil-Ku: Buku Panduan Untuk Pelayanan Misionaris* [2004], 103, 108.)

Tibalah di misi kamu layak bagi penemanan Roh Kudus. Dalam perkataan Presiden Ezra Taft Benson: “Roh adalah bahagian yang paling penting dalam pekerjaan ini. Ketika Roh meningkatkan panggilan kamu, kamu dapat melaksanakan mukjizat-mukjizat demi Tuhan di ladang misi. Tanpa Roh, kamu tidak akan pernah berjaya *tak kira* bakat dan kemampuan kamu.” (Dalam *Mengkhobahkan Injil-Ku*. 176.)

Tibalah di misi kamu bersedia untuk bekerja. Keberjayaan sebagai seorang mubaligh akan diukur terutama dari tekad kamu untuk mencari, mengajar, membaptiskan, dan menetapkan. Kamu akan diharapkan untuk bekerja secara efektif setiap hari, memberikan usaha kamu yang terbaik untuk membawa jiwa kepada Kristus. (Lihat *Mengkhobahkan Injil-Ku*, 10-11.)

Saya mengulangi jemputan Elder M. Russell Ballard, yang diberikan dulu kepada sekumpulan orang remaja yang sedang bersedia untuk melayani: “Kami menengok kepada kamu, saudara-saudara saya dari Imamat Harun. Kami perlu kamu. Seperti 2,000 serdadu teruna Helaman, kamulah juga anak-anak Tuhan secara rohani, dan kamu juga dapat diperkuatkan dengan kuasa untuk membina dan membela kerajaan-Nya. Kami perlu agar kamu untuk mengikat perjanjian-perjanjian kudus, sama seperti mereka. Kami perlu agar kamu taat tangan tepat dan setia, sama seperti mereka” (“The Greatest Generation of Missionaries,” *Liahona* dan *Ensign*, Nov. 2002, 47).

Ketika kamu menerima jemputan ini, kamu akan belajar satu pelajaran yang hebat, seperti Elder Misiego dan semua yang sudah dengan setia melayani, pulang, dan memakaikan. Kamu akan belajar bahawa perkataan nabi kita, Presiden Thomas S. Monson, adalah benar: “Peluang misi yang istimewa adalah milik kamu. Berkat-berkat kekekalan menunggu kamu. Kamu mempunyai keistimewaan untuk menjadi peserta, bukan penonton, dalam pelayanan keimamatan” (*Ensign*, Mei 1995, 49). Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua Dalam Presidensi Pertama

Enam puluh lima tahun yang lalu, tidak lama selepas Perang Dunia yang Kedua, saya mengalami sendiri berkat-berkat program kebajikan Gereja. Walaupun saya anak yang kecil, saya masih mengingati rasa manis pic dalam tin dengan gandum dimasak dan rasa istimewa pakaian didermakan yang dihantar kepada orang suci Jerman daripada ahli Gereja berkasih sayang dari Amerika Syarikat. Saya akan menyimpan dalam hati saya untuk selama-lamanya kisah kasih sayang kepada yang memerlukannya.

Pengalaman ini dan ulangtahun ke-tujuh-puluh-lima rancangan kebajikan ilhami memberi saya alasan untuk bertafakur pada asas-asas menjaga yang miskin dan yang memerlukan, menjadi berdikari, dan berkhidmat untuk sesama kita.

Di Dasar Iman Kita

Kadangkala kita menganggap kebajikan sebagai satu lagi tajuk injil sahaja. Kita menganggapnya sebagai salah satu cabang pada pokok injil. Akan tetapi, saya percaya bahawa dalam rancangan Tuhan, tekad kita pada asas kebajikan seharusnya menjadi dasar iman dan kesetiaan kita padaNya.

Semenjak permulaan masa, Bapa kita di Syurga pernah bersabda dengan terang tentang tajuk ini: dari permintaan yang lembut, seperti: “jikalau anda menyayangiku...engkau hendaknya mengingati yang miskin, dan mempersucikan harta milikmu untuk tunjangan mereka” sampai arahan terus: “Ingatlah dalam segala hal yang miskin dan yang memerlukan, yang sakit dan yang sengsara, kerana dia yang tidak melakukan hal-hal ini, orang yang sama bukanlah murid-Ku,” sampai nasihat yang bertenaga dan menekankan: “Oleh sebab itu, jika siapa pun akan mengambil dari kelimpahan yang telah Aku jadikan, dan tidak memberikan bahagiannya, menurut hukum Injil-Ku, kepada yang miskin dan yang memerlukan, dia akan, bersama yang jahat, mengangkat matanya di dalam neraka, dalam siksaan.”

Yang keduniaan dan yang rohani adalah terikat bersama

Dua perintah yang terbesar-- iaitu untuk menyayangi Tuhan dan sesama kita--adalah pergabungan yang keduniaan dan yang rohani. Adalah mustahak untuk mengingati bahawa perintah ini dipanggil “terbesar” kerana semua perintah yang lain tergantung padanya. Dalam kata yang lain, keutamaan peribadi, keluarga, dan Gereja harus bermula

dengan ini. Segala tujuan dan perbuatan yang lain harus terlahir dari punca perintah yang terbesar ini-- dari kasih sayang kita untuk Tuhan dan untuk sesama.

Seperti dua sisi duit syiling, yang keduniaan dan yang rohani adalah tak terpisahkan.

Pemberi Hidup pernah bersabda, “Segala sesuatu bagi-Ku adalah rohani, dan tidak pada waktu bila pun telah Aku berikan kepadamu suatu hukum yang keduniaan.” Bagi saya, ini maksudnya bahawa “hidup rohani terutamanya merupakan hidup. Ialah bukan sahaja sesuatu untuk diketahui dan dipelajari, melainkan ia harus dijalani.”

Sayangnya, ada juga yang mengabaikan yang “keduniaan” kerana menganggapnya tidak berharga. Mereka menghargai yang rohani semasa memperkecil yang keduniaan. Sedangkan ialah penting untuk mencenderungkan fikiran kita terhadap syurga, kita tidak kena inti sari agama jikalau tidak berpaling kepada sesama kita.

Misalnya, Henokh membina rakyat Sion melalui cara rohani menciptakan insan yang bersatu hatinya serta mindanya, dan melalui karya keduniaan memastikan bahawa tidak ada yang miskin di antara mereka.

Seperti selalu, kita dapat berpaling kepada guru dan teladan yang sempurna kita, iaitu Yesus Kristus, untuk caranya. Seperti yang diajarkan oleh Presiden J. Reuben Clark, “Bila Juruselamat datang ke dunia, dia mempunyai dua misi yang besar; salah satu daripadanya adalah untuk menjalankan kemasihian, korban tebusan untuk Kejatuhan, dan kepenuhan Undang. Yang lain adalah karya yang dilakukannya di antara saudara-saudaranya yang bertubuh-badan dengan meringankan penderitaannya.”

Dengan cara yang tidak jauh berbeza, kemajuan rohani kita adalah terikat bersama dengan perkhidmatan yang diberikan kita kepada orang lain.

Yang satu melengkapi yang lain. Satu, tanpa yang lain, merupakan tiruan sahaja rancangan kebahagiaan Tuhan.

Perjalanan Tuhan

Ada ramai orang dan banyak pertubuhan di dunia ini yang cuba memenuhi keperluan yang mendesak orang miskin di serata dunia. Kami mensyukuri ini, tetapi perjalanan Tuhan untuk menjaga yang memerlukan adalah berbeza daripada perjalanan dunia. Tuhan pernah bersabda, “Ia harus kiranya dibuat dalam caraku sendiri.” Dia bukan sahaja mempertimbangkan keperluan sesaat ini kita; dia mempertimbangkan kemajuan yang kekal kita. Oleh sebab ini, cara Tuhan selalu merangkumi sifat berdikari dan perkhidmatan untuk sesama kita tambah lagi menjaga yang miskin.

Tahun sembilan belas empat puluh satu, Sungai Gila melimpah dan membanjiri Lembah Duncan di Arizona. Seorang Presiden Pasak yang mudah, iaitu Spencer W. Kimball, bertemu dengan penasihatnya, menilai kerusakannya, dan mengirim suatu telegram ke Salt Lake City yang meminta sejumlah wang yang besar.

Bukannya wang, Presiden Heber J. Grant menghantar tiga orang: Henry D. Moyle, Marion G. Romney, dan Harold B. Lee. Mereka berkunjung dengan Presiden Kimball dan mengajarkan ajaran yang penting kepadanya: “Ini bukan program ‘bagi saya,’” kata mereka. “Inilah program ‘tolong diri’”.

Bertahun-tahun kemudian, Presiden Kimball berkata: “Ialah perkara yang senang sahaja, saya ingat, untuk mengirim wang kepada kami dan ialah tidak begitu susah untuk duduk dalam pejabatku dan mengedarkannya; tetapi betapa banyak kebaikan yang mendatangi kami semasa kami menyuruh beratus-ratus orang di pasak kami untuk pergi ke Duncan dan memagar dan membawa jerami, memaras bumi dan membuat semua barang yang perlu dibuat. Itulah “tolongan diri.”

Dengan mengikuti perjalanan Tuhan, para ahli pasak Presiden Kimball bukan sahaja ditolong dalam keperluan sesaat itu, melainkan mereka memajukan sifat kemampuan berdikari, meringankan penderitaan, dan berkembang dalam kasih sayang dan persatuan semasa berkhidmat satu kepada yang lain.

Kita semua diseneraikan

Pada saat ini juga ada ramai ahli Gereja yang sedang menderita. Mereka kelaparan, tercabar secara kewangan, dan berjuang dengan segala jenis dugaan fizikal, keibaaan, dan rohani. Mereka berdoa dengan sekuat tenaga jiwa untuk pertolongan.

Saudara-saudara, harap jangan anggap bahawa ini merupakan tanggungjawab orang lain. Ialah kepunyaan saya, dan ialah kepunyaan anda. Kita semua diseneraikan. “Semua” maksudnya semua - setiap pemegang Imamat Harun dan Melkisedek, yang kaya dan yang miskin juga, di dalam setiap bangsa.

Pelajaran yang kita pelajari dalam setiap generasi adalah bahawa yang kaya dan yang miskin semua di bawah kewajiban kudus yang sama untuk menolong sesamanya. Ia akan memerlukan kita semua bergotong-royong untuk menerapkan asas-asas kebajikan dan keberdikarian.

Terlalu seringlah kita memperhatikan keperluan di sekeliling kita dan berharap agar orang dari jauh akan tiba-tiba untuk memenuhi keperluan kita. Mungkin kita menunggu pakar yang mempunyai pengetahuan yang terkhusus untuk menyelesaikan masalah yang khusus. Jikalau berbuat begitu, kita melucutkan sesama kita dengan tidak memberi perkhidmatan yang kita sempat lakukan, dan kita melucutkan diri dengan tidak memberi diri kesempatan berkhidmat. Sedangkan para pakar tidak ada salahnya, mari kita mengakuinya: tidak akan ada yang cukup untuk menyelesaikan segala masalah sampai bila-bilapun. Melainkan itu, dia menaruh imamatNya dan organisasinya dekat pintu gerbang di serata dunia. Juga, di sisinya sendiri, dia sudah menaruh Lembaga Pertolongan. Sepertimana yang diketahui oleh setiap pemegang Imamat, tidak ada usaha kebajikan yang berjaya jikalau ia gagal untuk menggunakan kurnia yang luar biasa dan kemahiran para saudari kita.

Perjalanan Tuhan bukanlah untuk duduk di tebing sungai dan menunggu air lalu sebelum melintas. Perjalanan Tuhan adalah untuk bergabung bersama-sama, menyingsing sarong kita, mulai bekerja, dan membina jambatan ataupun kapal untuk menyeberahi perairan cabaran kita. Ya lelaki Sion, ya pemegang imamat, andalah yang dapat memimpin dan memberi pertolongan dengan menerapkan asas diilhami program kebajikan! Ialah misi anda untuk membuka mata anda, menggunakan imamat anda, dan bekerja dalam perjalanan Tuhan.

Pertubuhan terbaik di dunia

Semasa Pengecutan Besar, Harold B. Lee berjuang supaya mendapat jawapan untuk kemiskinan, penderitaan, dan kelaparan yang begitu luas pada masa itu. Dia membawa halnya kepada Tuhan dengan bertanya “Apa jenis pertubuhan yang perlu dipunyai kita, untuk melakukan ini?”

Ialah seperti Tuhan berkata kepadanya, “Tengoklah, anak. Kamu tidak perlu pertubuhan apa-apa yang lain daripada ini. Saya sudah memberikan kepada kamu pertubuhan yang terbaik yang terdapat di mukah bumi. Tidak ada yang lebih baik daripada pertubuhan imamat ini. Kamu hanya perlu mengerjakan imamat ini. Itulah sahaja.”

Itulah tempat bermula pada masa kita juga. Kita sudah mempunyai pertubuhan Tuhan ditaruh di sini. Cabaran kita adalah menentukan bagaimana menggunakannya.

Tempat bermula adalah mengenalkan diri kita dengan apa yang Tuhan sudah mewahyukan. Kita perlu mendekati tajuk ini dengan ke..an seorang anak. Setiap generasi harus belajar baru ajaran yang merupakan dasar perjalanan Tuhan untuk menjaga yang

memerlukan. Seperti banyak nabi sudah mengajarkan kita sepanjang sejarah, asas-asas kebajikan Gereja bukan sahaja gagasan yang baik; ialah kebenaran yang diwahyukan dari Tuhan. Ialah caranya menolong yang memerlukan.

Saudara-saudara, pelajarilah, asas yang didedahkan dan ajaran pertama. Bacakanlah buku panduan tentang kebajikan Gereja; untungkanlah halaman jejaring “providentliving.org”; bacakanlah semula rencana Jun 2011 di Liahona tentang rancangan kebajikan Gereja. Dapatkanlah pengetahuan tentang cara Tuhan untuk menyara orang sucinya. Pelajarilah bagaimana asas-asas penylenggaraan untuk yang memerlukan, perkhidmatan kepada sesama, dan sifat berdikari saling menyokong. Cara Tuhan untuk berdikari melibatkan secara seimbang banyak segi hidup, termasuk pendidikan, kesihatan, pekerjaan, hal kewangan keluarga, dan kekuatan rohani. Perkenalkanlah diri dengan program kebajikan moden dan pelajarilah bagaimana orang berjalan sebelum kamu, berbuat apa yang kamu mahu berbuat.

Sesudah kamu mempelajari ajaran dan asas kebajikan Gereja, cubalah menerapkan apa yang anda sudah pelajari kepada keperluan orang dalam bidang kuasa anda. Maksudnyalah, kebanyakannya, anda akan perlu mencari tahu sendiri. Setiap keluarga, setiap jemaah, setiap daerah dunia adalah berbeza. Tidak ada satu jawapan cocok untuk semua dalam kebajikan Gereja.

Walaupun ada banyak yang dapat dipelajari daripada mereka yang sudah wafat, anda akan perlu memeta sebuah jalan yang sesuai dengan ajaran Tuhan dan cocok dengan keadaan daerah anda. Untuk menerapkan asas kebajikan Gereja yang ilahi, anda tidak perlu sentiasa berpaling kepada Salt Lake City. Selain itu, kamu perlu merujuk kepada buku panduan, hati kamu, dan syurga. Percayalah pengilhaman dari Tuhan dan ikutlah perjalanannya.

Akhirnya, kamu perlu berbuat di daerah anda apa yang umat Tuhan sudah berbuat dalam setiap pendedahan. Bernasihat bersama-sama, gunakanlah segala yang tersedia, carilah pengilhaman dari Roh Kudus, mintalah penetapanNya, dan kemudian menyingsing sarong anda dan bekerja.

Saya memberikan suatu janji: jikalau mengikuti corak ini, anda akan menerima panduan terkhusus tentang siapa, apa, bila, dan di mana menyediakan dalam cara Tuhan.

Berkat untuk Menyediakan dalam Cara Tuhan

Janji dan berkat dari nabi tentang kebajikan Gereja, ataupun menyediakan dalam cara Tuhan, adalah dari yang paling megah dan agung yang pernah Tuhan bersabda kepada anakNya: “apabila engkau menyerahkan kepada orang lapar apa yang kauinginkan

sendiri dan memuaskan hati orang yang tertindas, maka terangmu akan terbit dalam gelap dan kegelapanmu akan seperti rembang tengah hari. Tuhan sentiasa akan memandu engkau.”

Sama ada kita kaya ataupun miskin, terlepas daripada tempat hidup kita, kita semua saling memerlukan. Inilah sebab dalam mengorbankan masa, kemahiran, dan harta benda kita roh kita mematang dan menjadi beradab.

Karya ini, menyediakan dalam cara Tuhan, bukan sahaja satu butir lagi dalam senarai program Gereja. Ia sepatutnya tidak diabaikan ataupun diketepikan. Ia merupakan pusat ajaran kita dan inti sari agama kita. Saudara-saudara, ialah hormat kita yang besar dan istimewa sebagai pemegang imamat untuk menyebabkan imamat ini bekerja. Kita harus tidak menghindarkan hati ataupun kepala kita daripada menjadi lebih berdikari, menjaga yang memerlukan dengan lebih baik, dan berkhidmat dengan berbelas kasihan.

Yang keduniaan adalah terikat dengan yang rohani. Tuhan sudah memberi kita pengalaman fana ini serta cabaran keduniaannya. Ia merupakan makmal di mana kita sempat bertumbuh menjadi makhluk yang Bapa di Syurga ingin kita menjadi. Marilah kita memahami tugas dan berkat yang besar yang didatangkan jikalau mengikuti dalam cara Tuhan adalah doa saya, dalam nama Yesus Kristus, amin.

Persediaan Keimamatan: “Saya Perlu Bantuan Kamu”

Oleh Presiden Henry B. Eyring

Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama

Saudara-saudara yang saya sayangi, inilah suatu keistimewaan bagi saya untuk berada bersama kamu dalam perjumpaan seluruh dunia imam Tuhan. Malam ini saya akan bercakap tentang persediaan keimamatan, baik persediaan sendiri maupun itu yang kita sediakan untuk orang lain.

Kebanyakan dari kita kadang-kadang tertanya-tanya, “Adakah saya bersedia untuk tugas ini dalam imamat” Jawaban saya adalah, “Ya, kamu telah bersedia.” Tujuan saya hari ini ialah membantu kamu mengenali persediaan itu dan mendapat keberanian dari-nya.

Seperti kamu tahu, Imamat Harun juga dinamai imamat persediaan. Kebanyakan besar dalam ini adalah deakon, pengajar, dan imam yang muda berumur 12 dan 19 tahun.

Kita boleh berfikir bahawa persediaan keimamatan terjadi semasa tahun-tahun dalam Imamat Harun. Tetapi Bapa kita di Syurga telah mempersiapkan kita sejak waktu kita diajar dalam hadirat-Nya di kerajaan-Nya sebelum kita dilahirkan. Dia sedang menyediakan kita malam ini. Dan Dia akan terus menyediakan kita selama kita biar Dia.

Tujuan semua persediaan keimamatan, pada masa pradunia serta dalam kehidupan ini, ialah untuk mempersiapkan kita dan mereka yang kita layani demi pihak-Nya untuk kehidupan kekal. Beberapa antara pelajaran pertama pada masa pradunia pastinya merangkumi rancangan keselamatan, dengan Yesus Kristus dan Korban Tebusan-Nya pada pusat-nya. Kita bukan diajarkan rancangan saja, tetapi kita juga berperan dalam majlis di mana kita memilih-nya.

Kerana tirai kelupaan ditempatkan atas minda kita pada kelahiran, kita diwajibkan untuk mendapat suatu cara untuk belajar kembali dalam kehidupan ini apa yang, pada masa dulu, kita tahu dan pertahankan. Sebahagian persediaan kita dalam kehidupan ini ialah mencari dan mendapat kebenaran yang berharga itu agar kita boleh memperbarui tekad kita pada-nya dengan mengikat perjanjian. Itu telah mewajibkan kita untuk mempunyai iman, kerendahan hati, dan keberanian serta bantuan dari orang-orang yang telah mendapat kebenaran dan kemudian mengongsikan-nya dengan kita.

Mereka mungkin ibu bapa, para mubaligh, atau kawan. Tetapi bantuan itu adalah sebahagian dalam persediaan kita. Persediaan keimamatan kita sentiasa merangkumi orang lain yang sudah

disediakan untuk menawarkan kepada kita peluang untuk menerima injil dan kemudian memilih untuk bertindak dengan mentaati perjanjian-perjanjian agar boleh masuk hati kita. Untuk memenuhi syarat-syarat kehidupan kekal, pelayanan kita dalam kehidupan ini mesti merangkumi bekerja dengan sepenuh hati, akal budi, dan daya kita serta berusaha menyediakan orang lain untuk kembali ke Tuhan Bapa bersama dengan kita.

Jadi, sebahagian daripada persediaan keimamatan yang akan kita alami dalam kehidupan ini ialah peluang-peluang untuk melayani dan mengajar orang lain. Termasuk dalam ini mungkin menjadi seorang pengajar dalam Gereja, bapa yang bijaksana dan menyayangi, ahli dalam sekuorum, dan mubaligh bagi Tuhan. Tuhan akan memberikan kesempatan, namun keadaan persediaan kita akan bergantung pada kita sendiri. Niat saya malam ini ialah menunjukkan beberapa pilihan penting yang diperlukan agar persediaan keimamatan berjaya.

Memilih yang baik, baik oleh dia yang melatihkan maupun oleh dia yang dilatihkan, bergantung pada suatu pemahaman tentang macaman Tuhan mempersiapkan hamba-hamba-Nya dalam Imamat.

Pertama, Dia memanggil orang, baik muda maupun tua, yang mungkin nampak lemah dan sederhana kepada orang-orang di dunia dan bahkan kepada diri sendiri. Tuhan boleh mengubah kelemahan tersebut itu ke dalam kekuatan. Mengetahui ini akan mengubah macamana seorang pemimpin yang bijaksana memilih untuk melatihkan. Dan it boleh mengubah macamana seorang pemegang imamat membalas pada peluang-peluang perkembangan yang dia ditawarkan.

Mari kita menimbangkan beberapa contoh. Satu kali, saya seorang imam tak berpengalaman dalam cabang besar saya. Uskup saya menelofon saya pada petang satu Hari Ahad. Bila saya mengangkat telefon, dia kata, “Kamu ada masakah untuk pergi bersama saya? Saya perlu bantuan kamu.” Dia cuma menjelaskan bahawa dia mahu saya untuk pergi sebagai rakan-nya untuk melawat seorang wanita yang tidak saya kenal yang berada tanpa makanan dan yang perlu belajar macamana mengurus uang dia lebih baik.

Saya tahu uskup saya ada dua penasihat berpengalaman dalam lembaga uskup-nya. Kedua-dua matang dan mempunyai banyak pengalaman. Salah satu memiliki sebuah niaga yang besar dan nanti dipanggil sebagai seorang presiden misi dan seorang Penguasa Umum. Yang lain adalah seorang hakim yang terkenal.

Saya baru dipanggil sebagai penolong pertama bagi uskup dalam kuorum imam. Dia tahu bahawa saya belum faham banyak tentang asas-asas kebajikan. Saya tahu kurang lagi tentang

perkara keuangan pribadi. Saya belum mengisi sepucuk cek, mempunyai akaun bank, dan belum pernah melihat belanjawan pribadi. Namun, walaupun saya belum berpengalaman, saya merasa bahawa dia sungguh serius bila dia berkata, “Saya perlu bantuan kamu.”

Sikit demi sedikit saya memahami tujuan uskup yang diilhami itu. Dia melihat dalam saya satu peluang yang hebat untuk mempersiapkan seorang pemegang imamat. Saya yakin dia tidak melihat dalam remaja itu yang tak punyai perlatihan seorang ahli bakal dalam Lembaga Uskup Utama. Namun dia, pada hari itu dan selama saya mengenal dia, memperlakukan saya sebagai projek persediaan yang berpotensi.

Nampaknya bahawa dia suka itu, tetapi itu memang kerja bagi-nya. Semasa membuat perjalanan kembali ke rumah saya selepas melawat balu yang memerlukan itu, dia berhenti dan meletak kereta-nya. Dia membuka tulisan suci-nya yang terpakai dan punyai banyak tanda. Dia memberi saya pembedaan secara ramah. Dia memberitahu saya bahawa saya perlu mengkaji lebih dan belajar lebih. Tetapi mestilah dia merasa bahawa saya cukup lemah dan sederhana untuk diajar. Sampai hari ini, saya masih ingat apa yang dia ajar. Tetapi lebih daripada itu saya mengingat betapa yakin dia dan bahawa saya boleh belajar dan menjadi lebih baik—dan bahawa saya akan menjadi lebih baik.

Dia bukan melihat siapa saya pada masa itu; melainkan dia melihat kemungkinan-kemungkinan yang berada dalam seseorang yang merasa cukup lemah dan sederhana untuk menginginkan bantuan Tuhan dan untuk percaya bahawa itu akan datang.

Uskup, presiden misi, dan ayah boleh memilih untuk bertindak pada kemungkinan itu. Saya melihat itu berlaku tadi semasa seorang presiden kuorum deakon memberi kesaksiaan-nya dalam pertemuan berpuasa. Tidak lama kemudian, dia akan menjadi seorang pengajar dan meninggalkan ahli-ahli kuorum dia.

Dia bersaksi dengan perasaan lembut dalam suara-nya tentang perkembangan dalam kebaikan dan kuasa dalam ahli-ahli kuorum dia. Dia memuji pelayanan mereka. Dan kemudian dia mengatakan bahawa dia tahu dia mampu menolong deakon-deakon baru bila mereka merasa ditenggelami kerana dia merasa ditenggelami bila dia masuk ke dalam imamat.

Perasaan kelemahan dia menjadikan dia lebih sabar, dan lebih bersimpati, dan, kerana itu, lebih mampu untuk menguatkan dan melayani orang lain. Dalam dua tahun itu dia menjadi bijaksana dan berpengalaman. Dia telah belajar bahawa dia dibantu sebagai seorang presiden kuorum dengan ingatan yang jelas dan terang mengenai keperluan dia sendiri dua tahun sebelumnya.

Cabaran dia dalam masa hadapan dan cabaran kita akan datang bila ingatan begitu menjadi pudar dan lenyap melalui masa dan kejayaan kita.

Paulus mestilah melihat bahaya ini dalam nasihat kepada rakan muda dia dalam imamat, yaitu Timotius. Dia mendorong dan mengajar Timotius dalam persediaan keimamatan dia sendiri serta dalam membantu Tuhan mempersiapkan orang lain.

Paulus berkata kepada Timotius:

“Jangan sebarangpun menganggap engkau rendah karena engkau muda. Jadilah teladan bagi orang-orang percaya, dalam perkataanmu, dalam tingkah lakumu, dalam kasihmu, dalam kesetiaanmu dan dalam kesucianmu.

“Sementara itu, sampai aku datang bertekunlah dalam membaca Kitab-kitab Suci, dalam membangun dan dalam mengajar.

“Jangan lalai dalam mempergunakan karunia yang ada padamu, yang telah diberikan kepadamu oleh nubuat dan dengan penumpangan tangan

“Perhatikanlah pada dirimu sendiri dan perhatikanlah pada ajaran.¹ Bertekunlah dalam semuanya itu, karena dengan berbuat demikian engkau akan menyelamatkan dirimu dan semua orang yang mendengar engkau.”²

Paulus memberi nasihat yang baik bagi kita semua. Jangan risau betapa kurang berpengalaman kamu, melainkan berpikirlah tentang apa yang dapat kamu jadi dengan bantuan Tuhan.

Ajaran yang Paulus dorong kita untuk membatinkan dalam persediaan keimamatan ialah firman Kristus dan, dengan itu, untuk melayakkan diri untuk penerimaan Roh Kudus. Lalu kita boleh tahu apa yang Tuhan mahu agar kita buat dalam pelayanan dan terima keberanian untuk melakukannya, tak kira keadaan yang kita hadapi dalam masa yang akan datang.

Kita sedang disediakan bagi pelayanan keimamatan yang akan menjadi makin susah dengan berlalunya masa. Otot dan tubuh badan kita menjadi tua. Kemampuan kita untuk belajar dan ingat apa yang telah kita baca akan menjadi pudar. Untuk memberi pelayanan keimamatan yang Tuhan harapkan daripada kita akan mewajibkan pengendalian diri yang lebih kuat setiap hari semasa kita hidup. Kita boleh bersedia bagi ujian itu dengan menguatkan iman melalui pelayanan harian.

Tuhan telah memberi kita kesempatan untuk bersedia dengan sesuatu yang Dia panggil “sumpah serta perjanjian yang termasuk dalam imamat.”

Itulah sebuah perjanjian yang kita ikat dengan Tuhan untuk mentaati semua perintah-Nya dan memberi pelayanan sama seperti Dia akan beri kalau Dia sendiri berada di sini. Dengan hidup demikian, kita akan menerima kekuatan rohani yang kita perlu untuk bertahan sampai akhir.

Pelatih-pelatih yang efektif dalam imamat telah menunjukkan kepada saya cara-cara untuk membina kekuatan itu. Itu ialah mengembangkan suatu kebiasaan untuk mengatasi keletihan dan ketakutan yang mungkin menyebabkan kamu untuk berpikir tentang berhenti. Guru-guru Tuhan yang hebat telah menunjukkan kepada saya bahawa daya tahan rohani datang dengan bekerja melampaui saat bila orang lain akan berehat.

Kamu sekalian para pemimpin hebat dalam imamat yang sudah membina kekuatan rohani dalam masa muda kamu masih memiliki itu bila kekuatan jasmani menjadi lemah.

Adik lelaki saya berada di kota kecil di Utah untuk kerja dia. Dia menerima suatu panggilan telefon di hotel dia. Terjadi lewat pada malam selepas suatu hari penuh pekerjaan keras bagi adik saya dan pastilah juga bagi Presiden Spencer W. Kimball, yang mulai percakapan telefon itu dalam cara ini. Dia berkata, “Saya mendengar kamu ada di sini. Saya tahu sekarang lewat dan mungkin kamu mahu tidur..., tetapi boleh kamu tolong sayakah? Saya perlu kamu sebagai rakan saya semasa saya pergi dalam kota ini untuk melihat keadaan semua bangunan Gereja kita. Adik saya menyertai dia malam itu, dengan kurang pengetahuan pemeliharaan bangunan Gereja dan tanpa mengetahui kenapa Presiden Kimball mahu membuat hal begini selepas hari dia yang susah atau kenapa dia perlu bantuan.

Bertahun-tahun kemudian, saya menerima panggilan serupa itu lewat satu malam di sebuah hotel di Jepun. Pada masa itu, saya baru menjadi Pesuruhjaya Pendidikan bagi Gereja ini. Saya menyadari bahawa Presiden Gordon B. Hinckley berada di hotel yang sama itu kerana tanggung jawab dia ke Jepun. Saya mengangkat telefon yang berbunyi itu baru selepas saya berbaring untuk tidur, sangat penat selepas membuat semua yang akan kekuatan saya biar.

Presiden Hinckley bertanya dalam suara-nya yang sedap, “Kenapa kamu tidur bila saya berada di sini membaca sebuah manuskrip yang kita diminta untuk mengkaji semula?” Jadi saya bangun dan bermula bekerja walaupun saya tahu bahawa Presiden Hinckley boleh membuat kajian semula bagi manuskrip itu yang lebih baik daripada apa yang boleh saya buat. Namun, dia menyebabkan saya merasa bahawa dia perlu bantuan saya.

Presiden Thomas S. Monson pada tamat hampir setiap perjumpaan bertanya kepada setiausaha bagi Presidensi Utama, “Adakah saya mutakhir dengan kerja saya?” Dan dia selalu senyum bila jawaban ialah: “Ya, Presiden, kamu ada.” Senyum Presiden Monson yang puas menghantar pesanan kepada saya. Itu menyebabkan saya berpikir, “Adakah sesuatu lebih yang dapat saya buat dalam tugas-tugas saya?” Dan kemudian, saya kembali ke pejabat saya untuk bekerja.

Guru-guru yang hebat telah menunjukkan kepada saya apa cara untuk mentaati sumpah dan perjanjian bila masa dan ketuaan membuat itu lebih susah. Mereka telah menunjuk dan mengajar saya apa cara untuk mengendalikan diri untuk bekerja lebih rajin daripada yang saya rasa saya mampu semasa saya masih ada kesihatan dan kekuatan.

Saya tidak dapat bertahan sempurna sebagai seorang hamba setiap jam, namun saya dapat mencuba untuk memberi usaha yang lebih besar daripada apa yang saya rasa saya mampu. Dengan kebiasaan itu dibentuk pada masa awal, saya akan bersedia untuk ujian-ujian nanti. Kamu dan saya boleh bersedia dengan kekuatan untuk mentaati sumpah dan perjanjian kita melalui ujian-ujian yang memang akan datang dekat hujung kehidupan.

Saya melihat bukti bagi itu dalam suatu pertemuan Majlis Pendidikan dalam Gereja. Presiden Spencer W. Kimball pada masa itu sudah memberi tahun-tahun pelayanan sambil bertahan cabaran-cabaran kesihatan yang cuma boleh Job faham. Dia mengerusi pertemuan pagi itu.

Tiba-tiba dia berhenti bercakap. Dia merosot dalam kerusi-nya. Mata-nya tutup. Kepala dia merosot ke dada dia. Saya duduk dekat dia. Elder Holland berada sebelah kami. Kami berdua berdiri untuk membantu dia. Walaupun tak berpengalaman, kami memutuskan untuk membawa dia, masih duduk dalam kerusi dia, ke pejabat dia yang dekat.

Dia menjadi guru kami pada saat keadaan dia yang melampaui segala. Dengan kami berdua mengangkat kedua-dua belah kerusi dia, kami keluar dari bilik pertemuan ke lorong. Dia setengah membuka mata-nya, nyatanya masih mangut, dan berkata “Oh, sila berhati-hati. Jangan menyakiti punggung kamu. Bila kami mendekati pintu pejabat-nya, dia berkata, “Saya rasa teruk bahawa saya mengganggu pertemuan itu.” Beberapa minut selepas memasuki pejabat dia, dia memandang kami dan berkata, “Adakah kamu rasa kamu seharusnya balik ke pertemuan itu.”

Kami meninggalkan dia dan kembali cepat, mengetahui bahawa dalam cara apapun, kehadiran kami di sana mestilah penting bagi Tuhan. Presiden Kimball sejak masa kanak-kanak mendorong diri-nya sendiri melampaui batasan ketahanan untuk melayani dan menyayangi Tuhan. Itulah satu kebiasaan begitu kuat sehingga itu menyertai dia bila dia perlukannya. Dia

bersedia. Dan kerana itu, dia mampu mengajar dan menunjukkan kepada kami apa cara untuk bersedia untuk mentaati sumpah dan perjanjian, dengan persediaan yang mantap selama bertahun-tahun memakai sepenuh kekuatan kami dalam apa yang mungkin dinampak sebagai tugas-tugas yang tak penting dengan akibat yang kecil.

Doa saya ialah bahawa kita boleh mentaati perjanjian keimamatan untuk menggenapi syarat-syarat untuk kehidupan kekal dan mereka semua yang kita dipanggil untuk latihkan. Saya berjanji kamu jika kamu membuat segala yang mungkin, Tuhan akan membesarkan kekuatan dan kebijaksanaan kamu. Dia akan menyediakan kamu.

Saya bersaksi bahawa Tuhan Bapa hidup dan menyayangi kamu. Dia kenal kamu. Dia dan Putra-Nya yang dibangkitkan dan dimuliakan, yaitu Yesus Kristus, muncul kepada seorang remaja yang tak berpengalaman, yaitu Joseph Smith. Mereka memercayai dia dengan Pemulihan kegenapan injil dan gereja yang benar. Mereka mendorong dia bila dia perlu itu. Mereka membiar dia merasa hukuman penuh kasih sayang bila itu akan menurunkan dia agar dia boleh diangkat balik. Mereka mempersiapkan dia, dan Mereka mempersiapkan kita, untuk kekuatan untuk terus bekerja ke kemuliaan selestial yang merupakan saranan dan tujuan semua pelayanan imamat.

Saya tinggalkan berkat saya agar kamu boleh mengenali peluang-peluang mulia yang telah Tuhan berikan kepada kamu dalam memanggil dan mempersiapkan kamu ke dalam pelayanan-Nya dan pelayanan orang lain. Dalam nama pemimpin dan pengajar kita yang penuh kasih sayang, Yesus Kristus, amin.

Oleh Presiden Thomas S. Monson

Saudara-saudara yang terkasih, ialah hormat yang luar biasa untuk berada bersama anda pada malam ini. Kita yang memegang imamat Tuhan merupakan ikatan dan persaudaraan yang hebat.

Kita boleh membaca dalam Ajaran dan Perjanjian, bahagian 121, ayat 36, “bahawa hak-hak imamat secara tak terpisahkan berhubungan dengan kuasa syurga.” Hadiah yang begitu indah, yang kita diberikan, untuk memegang imamat, yang “berhubungan secara tak terpisahkan dengan kuasa syurga.” Walaubagaimanapun, hadiah yang berharga ini membawa bersamanya bukan sahaja berkat yang istimewa melainkan tanggungjawab dengan penuh. Kita harus menjalankan hidup kita supaya sentiasa layak untuk imamat yang dipegangi kita. Kita hidup pada zaman bila kita dikelilingi oleh banyak yang berniat untuk menarik kita ke dalam perjalanan yang mendatangkan kemusnahan kita. Untuk mengelakkan diri daripada perjalanan itu, kita memerlukan sifat bertekad dan berani.

Saya mengingati masa--dan ada lagi di sini yang juga mengingatnya--bila nilai kebanyakan orang hampir sama dengan nilai kita. Baru-baru ini, saya membaca rencana di New York Times yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan pada musim panas 2008. Seorang ahli sosiologi yang sangat terkenal memimpin pasukan kajian dalam menjalankan temuduga yang terperinci dengan 230 orang dewasa di merata tempat di Amerika. Saya kira kita boleh anggap hasilnya akan diketahui hampir sama dalam banyak bahagian dunia.

Saya berkongsi dengan anda hanya sebahagian daripada rencana yang begitu bermakna ini:

“Penemuduga menanyakan soalan yang tak tentu jawabannya tentang yang benar dan yang salah, tentang dilema moral dan maksud hidup. Dalam jawaban yang terbelit, kita tengok orang mudah itu berjuang supaya berkata apapun yang bermakna. Tetapi mereka tidak mempunyai golongan kata untuk melakukannya.

“Bila diminta menggambarkan dilema moral yang diahadapinya, Dua pertiga dari yang ditemudugai, sama ada tidak dapat menjawab persoalannya, ataupun menggambarkan masalah yang tidak moral, seperti sama ada mampu menyewa suatu pangsapuri ataupun sama ada mempunyai duit cukup untuk menyewa tempat meletak kereta.”

Rencana ini berterusan:

“Kedudukan biasa yang kebanyakan orang yang ditemudugai berkali-kali menyatakan, adalah bahawa pilihan moral merupakan soalan rasa peribadi. ‘Ialah peribadi,’ kata penjawab biasanya. ‘Ialah terpulang pada individu sendiri. Apa boleh cakap?’

“Menolak kerelaan buta kepada pihak berkuasa, banyak daripada orang mudah sudah pergi ke tepi yang lain, dengan berkata: ‘Saya akan buat apa yang membuat saya gembira ataupun mengikuti perasaan saya. Saya tidak ada cara lain untuk mengetahui apa saya akan berbuat melainkan menurut rasa dalam saya.’”

Mereka yang mengadakan temuduga menekankan bahawa kebanyakan orang yang ditemudugainya tidak “diberikan bahan--oleh sekolah, pembentukan, ataupun keluarga-- untuk memupuk kecerdasan moral.”

Saudara-saudara, tidak ada yang mendengarkan sauraku yang sepatutnya meragui sama sekali apa yang moral dan apa yang tidak. Sama juga, sepatutnya tidak ada yang meragui apa yang dijangka daripada kita sebagai pemegang imamat Tuhan. Kita sudah dan terus diajar undang Tuhan. Walau apa saja yang anda melihat ataupun mendengar, undang ini tidak pernah berubah.

Semasa kita menjalani kehidupan dari hari ke sehari, ialah hampir tidak dapat dielakkan bahawa iman kita akan tercabar. Kadangkala kita akan menemukan diri dikelilingi orang tetapi berdiri sendiri berkaitan dengan apa yang dapat diterima dan apa yang tidak. Adakah kita mempunyai keberanian moral untuk berdiri dengan teguh untuk kepercayaan kita, walaupun berbuat begitu akan memaksa kita berdiri bersendirian? Sebagai pemegang imamat Tuhan, ialah mustahak bahawa kita dapat menghadapi--dengan berani--cabaran apapun yang menimpa kita. Ingatlah kata-kata Tennyson: “Kekuatanku adalah seperti kekuatan sepuluh orang, kerana hatiku adalah murni.”

Semakin hari, semakin banyak bintang media dan orang yang--dengan sesuatu alasan--diketahui umum, mempunyai kecenderungan untuk mencemuh agama apapun dan khususnya Gereja kita. Jikalau kesaksian kita tidak cukup teguh, kritikan itu boleh menyebabkan kita meragui kepercayaan kita sendiri ataupun untuk bergoyang dalam tekad kita.

Dalam penglihatan pokok hidup, terdapat dalam 1 Nefi 8, Lehi melihat, di antara yang lain, mereka yang memegang pada batang besi sampai sempat mengambil buah pokok hidup, yang kita tahu melambangkan kasih sayang Tuhan. Kemudian, sayangnya, selepas mengambil buahnya, ada yang malu disebabkan mereka dalam “bangunan yang besar dan beruang,” yang melambangkan kesombongan anak-anak manusia, menuding

kepadanya dengan mencemuh mereka; dan mereka terjatuh di dalam jalan yang terlarang, dan adalah terhilang. Alangkah berkuasa alat musuh, iaitu pencemuhan! Sekali lagi, saudara-saudara, adakah kita mempunyai keberanian untuk berdiri dengan teguh dan kuat semasa dihadapi dengan begitu banyak penentangan?

Saya ingat pengalaman pertama saya dengan diuji menurut kepercayaan terjadi bila saya berkhidmat dengan Angkatan Laut Amerika Syarikat pada akhir Perang Dunia Kedua.

Kem tamtama Angkatan Laut bukanlah pengalaman yang senang bagi saya ataupun bagi siapapun yang mengalaminya. Selama tiga minggu yang pertamanya, saya sudah pasti nyawa saya dalam bahaya. Angkatan Laut bukannya melatih saya, ia cuba membunuh saya.

Saya selalu akan mengingat bila hari Ahad datang selepas minggu pertama. Kami menerima berita yang diinginkan daripada ketua pegawai tamtama. Berdiri dengan berhati pada gelenggang pelatihan di bawah bayu Kalifornia, kami mendengarkan suruhannya: "Pada hari ini semua orang akan menghadiri pertemuan gereja--semua orang, sebenarnya, kecuali aku. Aku mahu berehat!" Kemudian dia berteriak, "Semua penganut Katolik, anda akan bertemu di Kem Dekatur--dan jangan balik sampai pukul tiga! Terus, jalan!" Golongan yang tidak kecil berjalan keluar. Kemudian dia berteriak suruhan seterusnya, "Yang menganuti agama Yahudi, bertemulah di Kem Henry--dan jangan balik sampai pukul tiga. Terus, jalan!" Golongan yang lebih kecil berjalan keluar. Kemudiannya dia berkata, "Sisanya, iaitu penganut gereja Protestan, bertemulah di pawagam di Kem Farragut--dan jangan balik sampai pukul tiga. Terus, jalan!"

Dengan segera, fikiran bermuncul di mindaku: "Monson, anda bukan Katolik, bukan Yahudi, bukan Protestan. Andalah seorang Mormon, jadi berdirilah di sini sahaja!" Sudah pasti saya memang bersendirian. Berani dan bertekad, betul--tetapi bersendirian."

Kemudian, saya mendengar perkataan yang termanis yang saya pernah mendengarkan ketua pegawai tamtama mengatakan. Dia berpaling menujui saya dan bertanya "Dan apa yang kamu orang memanggil diri?" Sampai masa itu juga, saya tidak sedar bahawa ada orang lain yang berdiri bersama saya di gelanggan pelatihan. Hampir sesuara, kami semua menjawab "Orang Mormon!" Susahlah menggambarkan sukacita yang memenuhi hatiku semasa saya berpatah balik dan melihat beberapa pelayar lagi.

Ketua pegawai tamtama mendaruk kepala dengan wajah keliru, dan akhirnya berkata, "Baiklah, pergilah dan temukanlah tempat berjumpa. Jangan balik sampai pukul tiga. Terus, jalan!"

Semasa berjalan keluar, saya mengingatai kata-kata lagu yang saya mempelajari di Gereja sebagai budak kecil.

*Jadilah berani untuk menjadi Mormon,
Jadilah berani untuk berdiri sendiri.
Jadilah berani untuk mempunyai tujuan tegas;
Jadilah berani untuk menyebarkannya.*

Walaupun pengalaman itu terjadi secara lain daripada dugaanku, saya bersifat sudi untuk berdiri sendiri, jikalau ia diperlukan.

Semenjak hari itu ada masa bila tidak ada orang yang di belakang saya, jadi saya memang berdiri sendiri. Begitu bersyukur perasaan saya bahawa saya sudah memutuskan untuk terus kuat dan benar, sentiasa bersedia untuk membela agamaku, jika diperlukan.

Supaya kita tidak berasa tidak cukup untuk tugas yang menghadapi kita, saudara-saudara, biarlah saya berkongsi dengan anda suatu pernyataan yang dibuat tahun 1987 oleh Presiden Ezra Taft Benson semasa berucap kepada kelompok besar anggota Gereja di California. Katanya: “Pada setiap zaman, para nabi melihat zaman kita. Bilion-bilion orang yang wafat dan yang belum dilahirkan ke bumi mematai kita. Jangan salah fikir-- andalah generasi yang tertanda. Selama hampir enam ribu tahun Tuhan menyimpan anda untuk muncul pada hari terakhir sebelum kedatangan kedua Tuhan. Ada yang akan terjatuh, tetapi kerajaan Tuhan akan selamat untuk mengalu-alukan kepalanya, iaitu Yesus Kristus. Walaupun generasi ini akan hampir sama jahat dengan generasi Nuh, bila Tuhan mencuci bumi ini dengan banjir, ada perbezaan besar pada kali ini. Ialah bahawa Tuhan menyimpan untuk tempoh terakhir beberapa daripada anaknya yang terkuat, yang akan menguruskan kerajaan dengan megah.”

Betul, saudara-saudara, kita mewakili beberapa daripada anaknya yang terkuat. Tanggungjawab kita adalah untuk bersifat layak untuk setiap berkat yang Tuhan sudah sediakan untuk kita. Ke manapun yang kita pergi, imamat menyertai kita. Adakah kita berdiri di tempat yang suci? Hendaknya sebelum membahayakan diri serta imamat anda dengan menggembara ke tempat yang tidak layak untuk kamu, cuba mempertimbangkan akibatnya. Setiap daripada kita sudah dianugerahi dengan Imamat Harun. Dalam cara itu, kita semua menerima kuasa yang memegang kunci pelayanan malaikat. Kata Presiden Hinckley:

“Anda tidak mampu berbuat apapun yang akan menaruh langsir di antara anda dan pelayanan malaikat pada pihak kamu.

“Anda tidak boleh bertindak secara tidak moral. Anda tidak boleh bersifat tidak jujur. Anda tidak boleh menipu ataupun berbohong. Anda tidak boleh menyebut nama Tuhan dengan semberangan ataupun menggunakan perkataan yang kotor dan masih mempunyai hak untuk pelayanan malaikat.”

Jikalau ada di antara anda yang tergelincir pada perjalanannya, saya mahu anda memahami bahawa tanpa soalan apapun akan ada jalan membalik. Caranya disebut pertaubatan. Juruselamat kita memberi hidupnya untuk menyediakan kurnia yang berharga itu untuk kita. Walaupun jalan bertaubat tidaklah senang, perjanjiannya adalah benar. Kita pernah diberitahu, “Walaupun dosa anda seperti merah, ia akan menjadi seperti salji.” “Dan saya tidak akan mengingatnya lagi.”

Mungkin ada di antara anda yang berfikir dalam dirimu sendiri, “Baiklah, saya tidak mengikuti perintah, dan saya tidak berbuat semua yang sepatutnya kubuat, dan semua berjalan dengan baik-baik sahaja. Saya rasa boleh mempunyai kek dan memakannya juga. Saudara-saudara, saya berjanji bahawa ini tidak akan berhasil dalam jangka masa yang panjang.

Tidak banyak bulan dahulu, saya menerima surat daripada seorang lelaki yang kira boleh mempunyai kedua-dua kebaikan. Dia sudah bertaubat dan menyelaraskan hidupnya dengan injil. Saya ingin berkongsi satu perenggan daripada suratnya, kerana ia melambangkan kebenaran fikiran salah: “Saya terpaksa belajar sendiri (dengan cara yang lebih susah) bahawa Juruselamat memang betul bila berkata ‘Tidak seorangpun yang dapat berkhidmat kepada dua orang tuan, kerana dia akan membenci yang satu sambil menyayangi yang lain, ataupun menyayangi yang satu dan membenci yang lain. Tidaklah orang boleh berkhidmat untuk Tuhan dan harta benda juga.’ Saya cuba, sedaya upaya, untuk berbuat kedua-duanya. Akhirnya, saya mempunyai semua kekosongan, kegelapan, dan kesepian yang Syaitan menyediakan untuk yang mempercayai penipuannya, ilusinya, dan bohongnya.”

Untuk kita menjadi kuat dan menahan segala tenaga yang menarik kita ke tujuan yang salah ataupun suara yang menggalakkan kita supaya mengikuti jalan yang salah, kita harus mempunyai kesaksian sendiri. Walaupun umur anda 12 ataupun 112--ataupun di mana pun di antaranya--anda boleh tahu untuk dirimu sendiri bahawa injil Yesus Kristus adalah benar. Bacalah Kitab Mormon. Bertafakurlah tentang ajarannya. Tanyalah kepada Bapa di Syurga sama ada ia benar. Kita mempunyai janji bahawa “jikalau anda bertanya dengan hati yang tulus, dengan maksud yang sungguh-sungguh, beriman kepada Kristus, dia akan menyatakan kebenarannya kepadamu, dengan kuasa Roh Kudus.”

Apabila kita ketahui bahawa Kitab Mormon adalah benar, maka semestinya Joseph Smith adalah nabi yang benar dan dia menampak Tuhan Bapa serta PuteraNya, Yesus Kristus. Juga, kita tahu bahawa injil dipulihkan pada zaman ini melalui Joseph Smith--termasuk pemulihan Imamat Harun dan Melkisedek.

Sesudah kita mempunyai kesaksian, kita harus berkongsi kesaksian kita dengan orang lain. Banyak daripada anda yang pernah berkhidmat sebagai mubaligh di serata dunia. Ada yang masih akan berkhidmat. Siapkanlah diri untuk kesempatan itu. Pastikanlah bahawa anda layak untuk berkhidmat.

Jikalau kita bersedia untuk mengongsikan injil, kita bersedia untuk menanggapi nasihat Rasul Petrus, yang menbujukkan, “Bersedialah untuk menjawab setiap orang yang menanyakan alasan harapan di dalam anda.”

Kita akan mempunyai kesempatan sepanjang hayat untuk mengongsikan kepercayaan kita, walaupun kita tidak selalu mengetahui bila kita akan diminta berbuatya. Suatu kesempatan begitu mendatangi saya pada tahun 1957 bila bekerja dalam perniagaan mencetak buku. Saya disuruh pergi ke Dallas, Texas, Amerika Syarikat. Kota itu kadangkala disebut “kota banyak gereja.” Di situ saya berucap kepada perjumpaan perniagaan. Selepas akhir perjumpaan, saya menaiki bas untuk melihat kota di sekeliling kota besar. Semasa melimpas beraneka gereja, pemandu akan memberi komen, “Pada sebelah diri anda melihat gereja Methodist,” ataupun “Di situ, pada sebelah kanan, terdapatlah gereja Katolik.”

Semasa melimpas bangunan indah dari batu bata yang merah pada bukit, pemandu berkata “Itulah di mana umat Mormon berjumpa.” Seorang perempuan di belakang bas menjerit “Pemandu, bolehkah kamu memberitahu kita lebih banyak tentang umat Mormon?”

Pemandu meletak kereta di tepi jalan, membelok di kerusinya, dan menjawab, “Saya hanya tahu umat Mormon berjumpa di bangunan merah dari batu bata itu. Adakah orang di bas ini yang tahu lebih banyak tentang umat Mormon itu?”

Saya menunggu orang lain menjawab. Saya memandang wajah setiap orang, mencari tanda pengenalan ataupun keinginan untuk memberi komen. Saya kemudian menyedari bahawa kena saya untuk berbuat yang dicadangkan oleh Rasul Petrus, iaitu “bersedia untuk menjawab setiap orang yang menanyakan harapan di dalam anda.” Saya pun menyedari kebenaran pepatah “Bila datanglah masa keputusan, maka sudah habislah masa persiapan.”

Semasa lima belas minit seterusnya, saya sempat berkongsi dengan orang dalam bas itu kesaksian saya berkaitan dengan Gereja dan kepercayaan kita. Saya bersyukur atas kesaksian saya dan bersyukur kerana saya bersedia untuk mengongsikannya.

Dengan sepenuh hati saya berdoa setiap hari supaya setiap orang lelaki yang memegang imamat akan menghormati imamat itu dan bertekad pada keyakinan yang dinyatakan bila ia dianugerahkan. Marilah kita semua ketahui kepercayaan kita. Marilah kita sentiasa bersifat berani, dan bersedia berdiri membela kepercayaan kita, dan jikalau perlu berdiri sendiri pada perjalanannya, marilah kita berbuat begitu dengan berani, diperkuat dengan pengetahuan bahawa kita tidak pernah sendiri apabila berdiri bersama Bapa di Syurga.

Semasa kita mempertimbangkan kurnia besar yang diberikan kepada kita--"hak-hak imamat berhubung dengan secara tak terpisahkan dari kuasa syurga"--marilah tekad kita sentiasa menjadi untuk membelanya dan menjadi layak untuk janjinya. Marilah kita mengikut arahan Juruselamat kepada kita, yang terdapat dalam buku 3 Nefi: "Angkatlah cahaya anda supaya ia dapat bersinar untuk bumi. Lihatlah, akulah cahaya yang anda harus angkat--apa yang anda pernah menyaksikan aku berbuat."

Agar kita dapat sentiasa mengikut cahaya itu dan mengangkatnya untuk seluruh bumi melihatnya adalah doa saya dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder Robert D. Hales

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Pada pagi Sabat ini, kita bersyukur dan bersaksi tentang kenyataan bahawa Juruselamat kita hidup. InjilNya sudah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith. Kitab Mormon adalah benar. Kita dipimpin oleh seorang nabi yang hidup hari ini, Presiden Thosmas S. Monson. Terutamanya, kita memberi kesaksian yang khusus tentang Korban Tebusan Yesus Kristus dan berkat abadi yang datang darinya.

Sepanjang beberapa bulan lepas ini, saya berpeluang untuk mengaji dan belajar dengan lebih mendalam tentang korban tebusan Juruselamat kita dan bagaimana Dia menyediakan diri sendiri untuk membuat persembahan abadi itu untuk kita setiap orang.

PersediaanNya bermula pada hidup prafana bila Dia berharap kepada BapaNya, berkata, “KehendakMu jadilah, dan kemuliaan adalah milikMu selamanya.” Bermula pada saat itu dan sehingga hari ini, Dia menggunakan hak pilihanNya untuk menerima dan melaksanakan rancangan Bapa Syurgawi kita. Kitab-kitab suci mengajar kita bahawa sepanjang masa mudanya, Dia melakukan perkerjaan Bapanya dan Dia berharap kepada Tuhan demi kedatangan masa pelayanannya. Pada usia tiga puluh, Dia menderita godaan yang sukar tetapi Dia masih pilih untuk menentang, dan berkata, “Tinggalkan Aku, Setan.” Dalam Getsemani, Dia percaya kepada BapaNya, dan mengisytiharkan, “Tetapi janganlah turut kehendakKu, melainkan kehendakMu berlaku,” dan kemudian menggunakan hak pilihanNya untuk menderita kepada dosa kita. Melalui penghinaan satu perbicaraan awam dan kesengsaraan penyaliban, Dia harapkan BapaNya, rela untuk “terluka untuk pelanggaran kita...[dan] memar untuk kederhakaan kita.” Bila Dia berseru, “Ya TuhanKu, Ya TuhanKu, mengapa Engkau meninggalkan Aku?” Dia berharap kepada Bapa--- menggunakan hak pilihanNya untuk mengampun musuhNya, menjaga ibuNya, dan bertahan sampai akhir sehingga hidup dan misiNya sudah tamat.

Saya selalu merenung, mengapa Putera Tuhan dan para nabi kudusNya dan semua orang suci yang beriman menghadapi cubaan dan kesengsaraan, mahupun pada masa mereka cuba untuk melakukan kehendak Bapa Syurgawi? Mengapa hidup begitu susah, terutamanya kepada mereka?

Saya memikir tentang Joseph Smith, yang menderita kesakitan semasa masih seorang budak dan penganiayaan sepanjang hidupnya. Seperti Juruselamat, dia berseru, “Ya Tuhan, di manakah Engkau?” Walaupun ternampaknya dia bersendirian, dia gunakan hak pilihannya untuk berharap kepada Tuhan dan mejalankan kehendak Bapa Syurgawi.

Bila saya memikir tentang perintis nenek moyang kita, yang dipaksa untuk meninggalkan Nauvoo dan melintasi tanah datar---menggunakan hak pilihan mereka untuk mengikut seorang nabi walaupun mereka menderita kesakitan, kemiskinan, dan mahupun kematian. Mengapa mereka mengalami kesengsaraan yang begitu hebat? Sehingga bila? Demi tujuan apa?

Bila kita menanya soalan-soalan ini, kita sedar bahawa tujuan hidup kita pada bumi ini adalah untuk berkembang, memaju, dan diperkuatkan melalui pengalaman kita. Bagaimana kita boleh mencapai ini? Kitab suci memberikan kita jawapan dalam satu frasa yang ringkas: Kita “berharap kepada Tuhan.” Ujian dan cubaan diberikan kepada kita semua. Cabaran fana ini membenarkan kita dan Bapa Syurgawi kita untuk melihat adakah kita akan gunakan hak pilihan kita untuk mengikut PuteraNya. Dia sudah tahu, dan kita bersempat untuk mempelajari, bahawa walaupun betapa susah keadaan kita, “segala hal ini akan memberi [kita] pengalaman, dan...kebaikan.”

Dapatkah kita selalu memahami cabaran kita? Tidakkah kita, kadang-kala, ada alasan untuk bertanya, “Ya Tuhan, di manakah Engkau?” Memang ada! Bila seorang suami atau isteri mati, teman itu akan tertanya-tanya diri sendiri di manakah Tuhan? Bila kesukaran kewangan berlaku dalam keluarga, seorang bapa akan tanya soalan ini. Bila seorang anak sesak pada jalan yang lurus, seorang ibu dan bapa akan berseru dengan kesedihan. Ya, “air mata mungkin mengalir pada waktu malam, tetapi fajar membawa kegembiraan.” Kemudian, pada permulaan iman dan kefahaman kita yang masih berkembang, kita bangun dan memilih untuk berharap kepada Tuhan, dan berkata, “KehendakMu terjadilah.”

Jadi, apakah ertinya untuk berharap kepada Tuhan? Dalam kitab suci, perkataan berharap bererti untuk menjangka, dan untuk mempercayai. Untuk menjangka dan mempercayai Tuhan memerlukan iman, kesabaran, kerendahan hati, kelembutan hati, panjang sabar, mematuhi perintah, dan bertahan sampai akhir.

Untuk berharap kepada Tuhan bererti untuk menanam satu biji benih iman dan memupuknya “dengan ketekunan yang besar, dan...kesabaran.” Ia bererti berdoa seperti Juruselamat berdoa-pergi ke Tuhan, Bapa Syurgawi kita-dan berkata, “KerajaanMU datang, KehendakMu jadilah.”

Berharap kepada Tuhan bererti untuk merenung dalam hati anda dan “menerima Roh Kudus” supaya kita dapat mengetahui “segala sesuatu yang hendaknya [kita] lakukan.”

Bila kita mengikut peringatan Roh, kita mendapati bahawa penderitaan mengajar kita kesabaran dan kita belajar untuk “teruslah dalam kesabaran sampai [kita] disempurnakan.

Berharap kepada Tuhan bererti untuk “berdiri teguh” dan “maju terus” dengan beriman, “memiliki kecemerlangan harapan yang sempurna.”

Ia bererti untuk “bersandar hanya pada jasa Kristus” dan “dengan kasih kurnia[Nya] membantu [kita, berkata]: kehendakMu jadilah, ya Tuhan, dan bukan kehendak kami.”

Semasa kita berharap kepada Tuhan, kita “tak tergoyahkan dalam menaati perintah-perintah Tuhan,” mengetahui bahawa kita “akan suatu hari beristirahat dari segala kesengsaraan [kita].”

Dan kita “janganlah putus harapan” kerana “segala sesuatu dengan apa [kita] telah disengsarakan akan bekerja bersama demi kebaikan [kita].”

Kesengsaraan datang dalam bermacam-macam bentuk. Pengalaman Ayub mengingatkan kita bahawa kita mungkin dipanggil untuk bertahan. Ayub kehilangan segala miliknya, termasuk tanah, rumah, dan binatangnya; ahli-ahli keluarganya; reputasinya, kesihatan jasmaninya, dan juga kesihatan mentalnya. Tetapi, dia masih berharap kepada Tuhan dan memberikan satu kesaksian peribadi yang berkuasa:

“Tetapi aku tahu bahawa di syurga ada Penyelamatku; akhirnya Dia akan datang menolongku:

“Walaupun ... dimakan penyakit, tetapi aku akan melihat Tuhan selagi aku bertubuh.”
“Biarlah Tuhan membunuh aku... namun aku akan membela perkaraku di hadapanNya.”

Walaupun adanya teladan baik Ayub, para nabi, dan Juruselamat, masih adalah satu cabaran untuk berharap kepada Tuhan, terutamanya bila kita tidak dapat memahami rancanganNya dan tujuanNya untuk kita dengan sepenuhnya. Kefahaman itu biasanya datang “baris demi baris, ajaran demi ajaran.”

Sepanjang hidup saya, saya mendapati bahawa ada masanya saya tidak terima jawapan kepada doa saya kerana Tuhan tahu bahawa saya masih belum sedia. Bila Dia menjawab, biasanya “di sini sedikit, di sana sedikit” kerana itulah jumlah yang dapat saya terima atau yang rela saya lakukan.

Terlalu banyak kali kita berdoa demi kesabaran, tetapi kita hendakannya dengan serta merta! Bila dia seorang pemuda, Presiden David O. McKay berdoa demi kesaksian kebenaran injil. Banyak tahun sudah lepas, bila dia melayani misi di Scotland, kesaksian itu akhirnya datang. Dia menulis, “Ia adalah satu jaminan kepada saya bahawa doa yang ikhlas dijawab pada ‘sesuatu masa, sesuatu tempat.’ ”

Kita mungkin tidak tahu tentang masa atau cara Tuhan menjawab kita, tetapi pada masaNya dan dengan caraNya, jawapan akan datang. Untuk jawapan tertentu kita mungkin mesti tunggu sehingga kehidupan selepas kefanaan. Ini mungkin benar untuk janji dalam berkat bapa bangsa kita dan berkat untuk ahli keluarga. Janganlah kita berputus asa terhadap Tuhan. BerkatNya adalah abadi, bukan sementara sahaja.

Berharap kepada Tuhan berikan kita satu peluang yang berharga untuk mendapati bahawa ada banyak orang yang berharap kepada kita. Anak-anak kita berharap kepada kita untuk menunjukkan kesabaran, kasih sayang, dan kefahaman terhadap mereka. Ibubapa kita berharap kepada kita untuk menunjukkan kesyukuran dan belas kasihan. Adik kita berharap kepada kita untuk bertoleransi, berbelas kasihan, dan sedia mengampun. Suami isteri kita berharap kepada kita untuk menyayangi mereka seperti Juruselamat menyayangi kita setiap orang.

Bila kita bertahan dengan penderitaan jasmani, kita lebih bersedar tentang betapa banyak orang melayani kita. Kepada wanita seperti Maria dan Martha, kepada orang yang seperti orang Samaria yang melayani orang yang sakit, menyokong yang lemah, dan menjaga orang yang sakit mental atau sakit jasmani, saya menghuraikan kesyukuran dari Bapa Syurgawi dan PuteraNya. Dalam pelayanan harian anda yang seperti Kristus, anda melayan Tuhan dan melakukan kehendak Bapa Syurgawi anda. JaminanNya kepada anda adalah jelas: “Manakala kamu melakukan perkara itu untuk salah seorang daripada saudaraKu, walaupun dia dihina, kamu telah melakukannya untukKu.” Dia mengetahui pengorbanan dan kesedihan anda. Dia mendengar doa anda. Kedamaian dan rehatNya akan menjadi kedamaian dan rehat anda bila anda terus melayani Dia dengan beriman.

Kita setiap orang amat dikasihi Tuhan, lebih yang dapat kita faham atau gambarkan. Jadi, biarlah kita lebih berbekas kasih terhadap orang lain dan terhadap kita diri sendiri. Ingatilah bahawa bila kita berharap kepada Tuhan, kita menjadi “orang suci melalui pendamaian Kristus Tuhan, . . . menjadi seperti seorang anak, tunduk, lembut hati, rendah hati, sabar, penuh dengan kasih, bersedia tunduk pada segala sesuatu yang Tuhan anggap patut untuk ditimpakan ke atas diri [kita], bahkan seperti anak tunduk kepada ayahnya.”

Begitu juga penyerahan Juruselamat kita kepada BapaNya dalam Taman Getsemani. Dia merayu para pengikutnya, “Tinggallah di sini dan berjaga dengan Aku,” tetapi dia kembali kepada mereka dan mereka sudah tidur. Tanpa teman para pengikutNya dan kehadiran BapaNya, Juruselamat memilih untuk “menderita rasa sakit dan kesengsaraan dan cubaan dari setiap jenis.” Seorang Malaikat dari syurga datang untuk memperkuatNya, Dia minun dari cawan yang pahit. Dia berharap kepada BapaNya dan berkata, “KehendakMu jadilah,” dan Dia menginjak-injak alat pemeras anggur bersendirian. Sebagai salah seorang dari dua belas orang RasulNya pada zaman akhir,

saya berdoa supaya kita akan diperkuatkan untuk berjaga bersama Dia dan berharap terhadap Dia sepanjang hidup kita.

Pada pagi Sabat ini, saya mengucapkan kesyukuran saya kerana dalam Taman Getsemani saya dan juga Taman Getsemani anda, kita tidak bersendirian. Dia berjaga kita dan “tidak pernah terlelap ataupun tertidur.” Para malaikatNya yang berada di sini atau di sebelah tirai “di sekitar [kita], untuk menopang [kita].” Saya berikan kesaksian saya bahawa janjiNya adalah benar: “Orang yang berharap kepada Tuhan akan mendapat kekuatan baru. Mereka seperti burung rajawali, yang terbang tinggi dengan kekuatan sayapnya. Mereka akan berlari dan tidak lelah; mereka akan berjalan dan tidak menjadi lemah.” Semoga kita berharap kepada Dia dengan terus maju ke depan dengan beriman. Dalam nama kudus Juruselamat dan Penebus kita, Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder Tad R. Callister

Dari Presidensi Tujuh Puluh

Bertahun-tahun lalu moyang saya mengambil sebuah Kitab Mormon untuk kali pertama. Dia membukanya ke tengah-tengah dan membaca beberapa muka surat. Lalu dia mengisytiharkan, “Buku itu ditulis oleh Tuhan atau iblis, dan saya akan mendapati siapa yang menulisnya.” Dia membaca seluruh buku dua kali dalam 10 hari dan isytiharkan, “Tidak mungkin iblis yang menulis buku ini---ia mesti dari Tuhan.”

Itu adalah kebijakan Kitab Mormon---tidak ada keneutralan. Kitab Mormon adalah firman Tuhan seperti yang ia nyatakan, atau Kitab Mormon adalah fraud sama sekali. Kitab ini tidak menyatakan bahawa ia adalah perbincangan moral-moral atau ulusan teologi atau koleksi tulisan wawasan. Kitab Mormon menyatakan bahawa ia adalah firman Tuhan---setiap ayat, setiap perenggan, setiap muka surat. Joseph Smith mengisytiharkan bahawa seorang malaikat Tuhan memimpin dia ke kepingan-kepingan emas, yang mengandungi tulisan-tulisan para nabi di Amerika purba, dan bahawa dia menterjemahkan kepingan-kepingan itu oleh kuasa Tuhan. Kalau cerita itu benar, Kitab Mormon adalah tulisan suci, seperti yang ia nyatakan; kalau tidak, Kitab Mormon adalah fraud yang canggih tapi jahat.

C.S. Lewis telah bercakap tentang dilema yang sama yang dialami oleh seseorang yang mesti pilih untuk menerima atau menolak ketuhanan Juruselamat---di mana juga tidak ada keneutralan: “Saya cuba di sini untuk menghalang orang dari mengatakan hal yang sangat bodoh yang orang kerap kali katakan mengenai Juruselamat: ‘Saya sedia menerima Yesus sebagai guru moral yang besar, tapi saya tidak menerima pernyataanNya yang Dia adalah Tuhan.’ Itu adalah satu-satunya perkara yang kita harus tidak mengatakan. Seorang lelaki yang hanya manusia saja yang mengatakan hal-hal yang Yesus katakan tidak akan menjadi guru moral yang besar...Kamu mesti membuat pilihan kamu. Sama ada orang ini adalah Putera Tuhan: atau seorang gila atau sesuatu yang lebih teruk...Tapi jangan kita datang dengan perkara-perkara karut mengenai Dia menjadi guru manusia yang besar. Dia tidak kasi izin untuk kita membuat tafsiran itu. Dia tidak berniat berbuat demikian.

Begitu juga kita mesti membuat pilihan sederhana dengan Kitab Mormon---sama ada ia dari Tuhan atau iblis. Tidak ada pilihan lain. Saya menjemput kamu seketika untuk mengambil ujian yang akan membantu kamu menentukan watak sebenar buku ini. Tanyalah diri kamu sama ada ayat-ayat suci berikut dari Kitab Mormon membawa kamu lebih dekat dengan Tuhan atau iblis:

“Bergirang hatilah akan firman Kristus, kerana lihatlah, firman Kristus akan menceritakan kepadamu segala hal yang harus kamu lakukan.” (2 Nefi 32:3)

Atau kata-kata seorang ayah yang penyayang kepada anak-anaknya:

“Maka putera-puteraku, ingatlah, ingatlah bahawa kamu harus mendirikan dasarmu di atas batu karang Penebus kita, iaitu Kristus, Putera Tuhan.”

Atau kata-kata seorang nabi:

“Datanglah kepada Kristus, dan jadilah sempurna di dalam Dia.” (Moroni 10:32)

Adakah ayat-ayat ini dari Kitab Mormon mungkin ditulis oleh iblis? Selepas Juruselamat mengusir beberapa iblis, orang Farisi berkata bahawa Dia berbuat demikian “dengan Beelzebub, putera iblis.” Juruselamat menjawab bahawa kesimpulan yang demikian mengarut: Dia mengatakan, “Setiap kerajaan yang terpecah-pecah pasti binasa; dan setiap...rumah tangga yang terpecah-pecah tidak dapat bertahan.” Lalu dia mengatakan dalam klimaks: “*Dan kalau Setan mengusir Setan, diapun terbagi-bagi dan melawan dirinya sendiri; bagaimanakah kerajaannya dapat bertahan?*” (Matius 12:24—26)

Kalau ayat-ayat suci yang saya baca tadi dari Kitab Mormon mengajar kita untuk menyembah dan mengasihani dan melayani Juruselamat (yang memang benar), bagaimana ayat-ayat suci itu berasal dari iblis? Kalau demikian, dia akan menentang dirinya sendiri dan memusnahkan kerajaannya sendiri, dan inilah keadaan yang tepat yang Juruselamat katakan tidak dapat wujud. Membaca Kitab Mormon dengan ikhlas dan tanpa berat sebelah akan membawa seseorang kepada kesimpulan yang sama dengan moyang saya, iaitu: “Tidak mungkin iblis yang menulis buku ini---ia mesti dari Tuhan.”

Tapi kenapa Kitab Mormon begitu penting kalau kita sudah ada Alkitab untuk mengajar tentang Yesus Kristus? Adakah kamu pernah bertanya kenapa wujudnya begitu banyak gereja Kristian kini di dunia sedangkan semua gereja itu mendapat ajaran-ajarannya dari Alkitab yang sama? Sebabnya adalah kerana mereka mentafsirkannya dengan berlainan. Kalau mereka mentafsirkannya dengan sama, mereka akan menjadi satu gereja. Ini bukan keadaan yang Tuhan ingin, kerana Rasul Paulus mengisytiharkan bahawa ada “satu Tuhan, satu iman, satu baptisan.” (Efesus 4:5). Untuk membantu mendatangkan kesatuan ini, Tuhan mendirikan hukum orang saksi. Paulus mengajar, “Dengan keterangan dua atau tiga orang saksi suatu perkara sah.” (2 Korintus 13:1)

Alkitab merupakan satu kesaksian Yesus Kristus; Kitab Mormon adalah satu lagi. Kenapa kesaksian yang kedua ini begitu penting? Contoh berikut mungkin dapat

membantu: berapa garis lurus dapat kamu lukis melalui satu titik di sekeping kertas? Jawabannya tidak terbatas. Katakan sekejap bahawa titik itu melambangkan Alkitab dan bahawa garis-garis lurus yang beratus-ratus yang dilukis melalui titik itu melambangkan tafsiran-tafsiran Alkitab yang berlainan dan bahawa setiap tafsiran itu melambangkan satu gereja yang berbeza.

Tapi apa yang terjadi kalau ada satu titik lagi di kertas itu yang melambangkan Kitab Mormon? Berapa garis yang lurus dapat kamu lukis melalui kedua-dua titik rujukan ini--iaitu Alkitab dan Kitab Mormon? Hanya satu. Hanya satu tafsiran ajaran Kristus dapat wujud kerana dua kesaksian ini.

Berkali-kali Kitab Mormon bertindak sebagai saksi yang mengesahkan, menjelaskan, dan menyatukan ajaran-ajaran yang diajar dalam Alkitab supaya hanya ada “satu Tuhan, satu iman, satu baptisan.” Contohnya, beberapa orang keliru sama ada baptisan adalah perlu untuk penyelamatan walaupun Juruselamat mengisytiharkan kepada Nikodemus, “Jika seorang tidak dilahirkan dari air dan Roh, ia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Tuhan.” (Yohanes 3:5). Tapi Kitab Mormon meniadakan semua keraguan mengenai perkara itu: “Dan diperintahkanNya kepada semua orang bahawa mereka harus bertaubat dan dibaptiskan di dalam namaNya...atau mereka tidak dapat diselamatkan di dalam Kerajaan Tuhan.” (2 Nefi 9:23)

Wujudnya pelbagai cara pembaptisan di dunia kini walaupun Alkitab memberitahu kita cara dengan mana Juruselamat, iaitu Teladan kita yang besar, dibaptiskan: “Yesus segera keluar dari air.” (Matius 3:16). Adakah Dia dapat keluar dari air kecuali Dia masuk ke dalam air dulu? Kalau ada apa-apa perselisihan dengan perkara ini, Kitab Mormon menyelesaikannya dengan pernyataan yang jelas ini mengenai cara pembaptisan yang betul: “Kamu harus mencelupkan mereka ke dalam air.” (3 Nefi 11:26)

Banyak orang percaya bahawa Tuhan berhenti memberi wahyu setelah Alkitab ditulis walaupun Alkitab merupakan kesaksian akan pola wahyu Tuhan semasa 4,000 tahun kewujudan manusia. Tapi satu ajaran yang salah begini adalah seperti domino yang jatuh dan menyebabkan kejatuhan domino-domino yang lain atau dalam kasus ini kejatuhan ajaran-ajaran yang benar. Kepercayaan dalam penghentian wahyu menjatuhkan ajaran bahawa Tuhan adalah sama kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya; ia menjatuhkan ajaran yang diajar oleh Amos bahawa “sungguh, Tuhan tidak berbuat sesuatu tanpa menyatakan keputusan-Nya kepada pelayan-pelayan-Nya, para nabi” (Amos 3:7); dan ia menjatuhkan ajaran bahawa “Tuhan tidak membezakan orang” (Kisah 10:34) dan dengan demikian bercakap kepada semua orang pada semua zaman. Tapi mujurnya Kitab Mormon mendirikan lagi kebenaran Alkitab mengenai wahyu berterusan: “Dan lagi, Aku bicara kepadamu yang menyangkal wahyu-wahyu Tuhan, dan mengatakan bahawa wahyu-wahyu itu sudah ditiadakan...bukankah kita membaca bahawa Tuhan adalah sama

October 2011 Sunday Morning Session---43 Elder Tad R. Callister 348 Malay p.4
kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya.” (Mormon 9:7,9). Dalam kata lain, kalau Tuhan,
yang tidak dapat berubah, bercakap pada zaman-zaman purba Dia akan bercakap pada
zaman-zaman moden juga.

Senarai pengesahan dan penjelasan ajaran berterusan, tapi tidak ada yang lebih berkuasa,
atau lebih memilukan, daripada perbincangan Kitab Mormon mengenai Korban Tebusan
Yesus Kristus. Adakah kamu ingin menerima kesaksian yang tidak dapat dinafikan
dalam jiwamu bahawa Juruselamat turun ke bawah dosa-dosamu dan bahawa tidak ada
dosa atau keadaan yang di luar kuasa Korban TebusanNya yang berbelas kasihan---
bahawa untuk setiap kesusahan kamu Dia mempunyai ubat yang berkuasa
menyembuhkan? Bacalah Kitab Mormon. Ia akan mengajar kamu dan bersaksi kepada
kamu bahawa Korban Tebusan Kristus tidak terbatas kerana ia mengelilingi dan
merangkumi dan melibihi setiap kelemahan yang fana yang diketahui oleh manusia.
Itulah kenapa nabi Mormon isytiharkan, “Kamu akan mempunyai harapan melalui
korban tebusan Kristus.” (Moroni 7:41)

Ia tidak hairan bahawa Kitab Mormon mengisytiharkan dengan keberanian, “Dan jika
kamu akan percaya kepada Kristus, kamu akan percaya kepada kata-kata ini, kerana kata-
kata ini ialah firman Kristus.” (2 Nefi 33:10) Bersama dengan Alkitab, Kitab Mormon
adalah kesaksian ajaran Kristus dan ketuhananNya yang perlu. Bersama dengan Alkitab,
Kitab Mormon “mengajar semua orang bahawa mereka harus berbuat baik.” (2 Nefi
33:10). Dan bersama dengan Alkitab, ia membawa kita kepada “satu Tuhan, satu iman,
satu baptisan.” Itulah kenapa Kitab Mormon begitu penting dalam kehidupan kita.

Beberapa tahun lalu saya menghadiri gereja di Toronto, Kanada. Seorang budak
perempuan berumur 14 tahun berucap. Dia berkata bahawa dia telah membincangkan
agama dengan kawannya di sekolah. Kawan dia bertanya, “Kamu ikut agama yang
mana?”

Dia menjawab, “Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, atau Mormon.”

Kawan dia berkata, “Saya tahu Gereja itu, dan saya tahu ia tidak benar.”

“Bagaiman kamu tahu?” budak itu bertanya.

“Sebab saya sudah menyelidikinya,” kawan dia berkata.

“Kamu sudah baca Kitab Mormon?”

“Tidak,” dia menjawab. “Saya belum membacanya.”

Lalu budak perempuan yang baik hati ini mengatakan, “Kalau begitu, kamu belum menyelidiki Gereja saya kerana saya sudah membaca setiap muka surat Kitab Mormon dan saya tahu ia benar.”

Saya pun telah membaca setiap muka surat Kitab Mormon, berkali-kali, dan saya memberi kesaksian saya yang sungguh-sungguh, seperti moyang saya, bahawa ia adalah dari Tuhan. Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Elaine S. Dalton

Presiden Umum Remaja Puteri

Tidak ada sebarang perkataan pun dapat menghuraikan masa kudus bila seorang bapa memegang bayi anak perempuannya buat kali pertama. Pada musim panas ini, tiga orang anak lelaki kami menjadi bapa kepada anak perempuan. Bila saya lihat anak lelaki saya, Jon, seorang pemain Rugby yang kasar dan kuat, memegang anak perempuannya, dia memandang bayi itu dengan kelembutan yang takzim dan kemudian dia memandang saya dengan satu wajah yang seolah-olahnya menanya – “Bagaimana saya membesarkan anak puteri ini?”

Pagi ini saya ingin berucap kepada anak lelaki kami dan semua bapa. Bagaimana seorang bapa boleh membesarkan seorang anak perempuan yang gembira dan bersopan santun dalam dunia yang semakin bahaya? Jawapannya sudah diajar oleh para nabi Tuhan. Jawapan ini ringkas dan benar—“Perkara yang terpenting yang dapat dilaksanakan oleh seorang bapa kepada anak[perempuannya] adalah untuk mencintai ibunya.”¹ Melalui cara kamu mencintai ibunya, kamu akan mengajar anak perempuanmu tentang kelembutan, kesetiaan, kehormatan, belas kasihan, dan ketaatan. Dia akan belajar dari teladanmu tentang perkara yang diharapkan dari remaja putera dan mutu seorang suami masa depan. Kamu boleh menunjukkan anak perempuanmu bahawa dia harus berharap untuk mengahwini seorang yang akan mencintai dia dan menghormati dia melalui cara kamu mencintai dan menghormati isterimu. Teladanmu akan mengajar dia untuk menghargai kewanitaan. Kamu sekarang menunjukkan dia bahawa dia seorang puteri Bapa Syurgawi, yang menyayangi dia.

Cintailah ibunya supaya perkahwinanmu menjadi selestial. Perkahwinan bait suci demi keabadian bernilai usaha hebat dan keutamaan paling tinggi kamu. Hanya selepas Nefi nabis membina bait suci dalam belantara, barulah dia berkata, “Dan ... kami hidup dengan cara kebahagiaan.” “Cara kebahagiaan” ini terdapat dalam bait suci. Ia ialah penjagaan perjanjian. Jangan biarkan sebarang pengaruh datang ke dalam hidup atau rumahmu yang akan menyebabkan kamu untuk mengkompromikan perjanjian atau komitmen kamu terhadap isteri dan keluarga kamu.

Dalam program Remaja Puteri, kami menolong anak perempuanmu untuk memahami identitinya sebagai seorang anak Bapa Syurgawi dan kepentingan untuk tetap berbudi mulia dan berkelayakan untuk menerima berkat bait suci dan perkahwinan bait suci. Kami mengajar anak perempuanmu tentang kepentingan membuat dan menjaga perjanjian kudus. Kami mengajar dia membuat komitmen untuk berhidup supaya dia

selalunya berkecualan untuk memasuki bait suci dan tidak membenarkan sebarang pun untuk menentang, mengganggu, atau menghalang dia dari matlamat ini. Teladanmu usebagai bapanya, lebih berpengaruh dari kata-kata kami. Remaja Puteri risau tentang bapa mereka. Kebanyakan mereka mengatakan bahawa keinginan yang terbesar mereka adalah untuk bersama keluarga mereka buat keabadian. Mereka ingin kamu bersama mereka bila mereka masuk ke bait suci atau berkahwin di sana. Bantukan anak perempuanmu untuk bersedia dan tetap berkecualan untuk memasuki bait suci. Bila dia berusia dua belas, bawakan dia bersama kamu ke bait suci untuk melaksanakan pembaptisan untuk nenek moyangmu dan orang lain juga. Dia akan menghargai memori in selama-lamanya.

Budaya popular hari ini cuba untuk menghakiskan dan menghina peranan kamu sebagai seorang bapa bangsa dan bapa dan mengecilkan tanggungjawab kamu yang terpenting. Ini sudah dikurniakan kepada kamu “Menurut tujuan Tuhan,” dan sebagai seorang bapa kamu “mengetuai keluarga [kamu] dengan kasih sayang dan kesolehan, dan bertanggungjawab menafkahi keperluan kehidupan dan memberi perlindungan bagi keluarga [kamu].”

Para bapa, dengan definasi, kamulah penjaga rumah, isteri, dan kanak-kanakmu. Hari ini, “bukanlah senang untuk melindungi keluarga dari pencerobohan kejahatan untuk memasuki fikiran dan roh...Pengaruh ini boleh masuk ke rumah dengan bebas. Setan [memang cerdik]. Dia tidak perlu memecahkan pintun untuk memasuki rumah.”

Para bapa, kamu mesti menjadi penjaga hemah. “Seorang pemegang imamat adalah berbudi mulia. Sikap yang berbudi mulia membayangkan bahawa [kamu memiliki] fikiran yang suci dan tindakan yang tulen...Hemah adalah ... satu ciri ketuhanan...[Ia] serupa dengan kekudusan.” Nilai-nilai Remaja Puteri adalah ciri Kristus termasuk nilai hemah. Kami memanggil kamu untuk menyertai kami untuk memimpin dunia ini dalam kepulauan hemah. Untuk membuat demikian, kamu “mesti menjalankan hemah dan kekudusan” dengan menyikrkan perihal yang jahat dan yang tidak selaras dengan seorang yang memegang imamat kudus Tuhan dari kehidupan kamu. “Biarlah hemah mengisi fikrnamu dengan tidak ada hentinya; maka rasa percayamu akan menjadi kuat di hadapan Tuhan; dan ...Roh Kudus akan menjadi rakanmu terus menerus.” Jadi, berwaspada tentang apa yang kamu tonton dalam media hiburan atau bahan terbitan. Hemah peribadimua akan menjadi teladan kekuatan benar dan keberanian moral kepada anak perempuan dan anak lelaki. Dengan menjadi penjaga hemah dalam hidupmu, rumamu, dan kehidupan anak-anakmu, kamu menunjukkan kasih sayang yang beanr kepada isteri dan anak perempuanmu . Kesucian peribadi kamu akan memberi kuasa kepada kamu.

Kamu seorang penjaga anak perempuanmu lebih dari makna kesahan sahaja. Menjadi aktif dalam hidupnya. Biarkan dia tahu tentang prinsip moral, jangkaan, harapan dan impianmu demi kejayaan dan kebahagiaannya. Menemu duga dia, mengetahui rakannya, dan juga teman lelakinya bila masa itu sampai. Membantu dia untuk memahami kepentingan pendidikan. Menolong dia untuk memaham bahawa asas kesopanan adalah satu perlindungan. Menolong dia untuk memilih music dan media yang menjemputkan Roh dan yang selaras dengan identity ketuhanannya. Menjadi sebahagian yang aktif dalam hidupnya. Dan jika, pada masa remajanya, dia belum balik dari satu janji temu pada masa yang ditetapkan, pergi carikan dia. Dia akan melawan dan memberitahu kamu bahawa kamu sudah musnahkan kehidupan sosialnya, tetapi dalam jiwanya dia tahu bahawa kamu menyayangi dia dan kamu adalah penjaganya.

Kamu bukan lelaki yang biasa. Sebab kegagahan kamu dalam dunia prafana, kamu melayak untuk menjadi pemimpin dan untuk memiliki kuasa imamat. Di sana, kamu menunjukkan “iman yang amat besar dan pekerjaan yang baik,” dan sekarang kamu juga melakukan yang sama di sini. Imamat kamu mengasingkan kamu. Dalam beberapa minggu, tiga orang anak lelaki kami akan memberi anak-anak perempuan mereka satu nama dan berkat. Saya harap mereka akan menerima banyak berkat imamat dari bapa mereka selepas ini, kerana dalam dunia ini, mereka perlukan berkat-berkat itu. Anak perempuanmu akan menghargai imamat dan berazam bahawa inilah yang dia inginkan dalam rumah tangga dan keluarganya pada masa depan. Sentiasa ingatkan “bahawa hak-hak keimamatan secara tak terpisahkan berhubungan dengan kuasa syurga” dan “tidak juga ditangani kecuali berdasarkan asas-asas kebenaran.”

Para bapa, kamu adalah wira anak perempuanmu. Bapa saya wira saya. Bila saya seorang budak, saya menunggu dia balik dari kerja setiap petang pada anak tangga rumah kami. Dia mengangkatkan saya dan memusingkan saya dan kemudian meletakkan kaki saya di atas kasutnya, dan kami menari masuk ke rumah. Saya suka cabaran untuk mengikuti langkahnya. Saya masih suka cabaran itu.

Para bapa, tahukah kamu bahawa kesaksianmu mempunyai satu pengaruh yang kuat kepada anak perempuanmu. Saya tahu bahawa bapa saya mempunyai satu kesaksian. Saya tahu bahawa dia menyayangi Tuhan. Dan sebab bapa saya menyayangi Tuhan, saya juga menyayangi Tuhan. Saya tahu bahawa dia mengambil berat tentang balu-balu kerana dia gunakan cutinya untuk mengecatkan rumah seorang balu di sebelah rumah kami. Saya fikir itu adalah satu cuti yang paling seronok kerana dia mengajar saya bagaimana untuk mengecat! Kamu akan memberkat hidup anak perempuanmu buat banyak tahun jika kamu mencarikan cara untuk bersama dia dan mengongsikan kesaksianmu bersama dia.

Dalam Kita Mormon, Abis menukar hati kerana bapanya mengongsikan penglihatan yang luar biasa dengan dia. Buat banyak tahun selepas itu, dia meyimpankan kesaksiannya dalam hatinya dan hidup dengan soleh dalam satu masyarakat yang jahat. Kemudian sampainya masa dia tidak boleh terus menjadi diam-diam, dia lari dari rumah ke rumah untuk mengongsikan kesaksiannya dan mukjizat yang sudah dia lihat dalam istana raja. Kuasa penukaran hati dan kesaksian Abis penting dalam perubahan seluruh masyarakat itu. Orang yang dengar kesaksiannya, “diinsafkan kepada Tuhan, [dan] tidaklah pernah jatuh,” dan anak-anak lelaki mereka menjadi putera teruna.

Seperti yang dinyatakan dalam lagu rohani, “Bangunlah, Umat Tuhan!” Ini adalah satu panggilan kepadamua, lelaki yang memegang imamat Tuhan. Seperti yang dikatakan tentang Moroni, semoga ini juga dikatakan tentang kamu:

“[daia] adalah pria yang kuat dan perkasa; ...pria yang memiliki pengertian yang sempurna; ... pria yang teguh dalam iman kepada Kristus...”

“Jika semua orang dahulu, dan sekarang, dan sentiasa, seperti Moroni, lihatlah, kekuatan neraka pun akan terguncang selamanya; ... iblis tidak akan pernah memiliki kuasa atas hati anak-anak manusia.”

Para saudara, bapa, remaja putera, “Menjadi taat setia kepada kerabat diraja di dalam jiwa anda.”

Jadi bagaimana kamu membesarkan seorang anak perempuan? Cintailah ibunya. Membimbing keluargamua terhadap bait suci, menjadi penjaga hemah, dan mengembangkan imamatmua. Para bapa, kamu sudah diamanahkan puteri Bapa Syurgawi kita. Mereka adalah berbudi mulia dan yang terpilih. Ini adalah doa saya bahawa kamu akan mengawasi mereka, memperkukuhkan mereka, menjadi teladan sikap hemah, dan mengajar mereka untuk mengikut teladan Juruselamat – kerana Dia hidup! Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Berdiri di Tempat Suci

Oleh Presiden Thomas S. Monson

Saudara dan saudariku yang terkasih, kita sudah dengar pesanan bagus pagi ini, dan saya memuji setiap orang yang menyertai. Kita terutamanya gembira kerana Elder Robert D. Hales berada bersama kita lagi dan rasa lebih sihat. Kita menyayangimu, Bob.

Semasa saya berfikir-fikir tentang apa yang saya mahu mengatakan kepadamu pagi ini, saya rasa ditekankan untuk kongsi fikiran dan perasaan tertentu yang saya menganggap berkaitan dan tepat pada masanya. Saya berdoa bahawa saya boleh dipandukan dalam perkataanku.

Saya hidup di dunia ini selama 84 tahun sudah. Untuk memberi kamu sedikit perspektif, saya lahir pada tahun yang Charles Lindbergh menerbang penerbangan tanpa berhenti pertama dengan hanya seorang dari New York ke Paris dalam kapal terbang dengan satu enjin dan satu tempat duduk. Banyak sudah berubah dalam 84 tahun sejak itu. Sudah lama sejak manusia pergi ke bulan dan kembali. Malah, perkara yang cereka sains terdahulu, adalah kenyataan sekarang. Dan kenyataan itu, kerana teknologi zaman kita, berubah dengan begitu cepat sehingga kita hampir tidak dapat terus memahaminya—kadang-kadang kita tidak boleh. Bagi kita yang ingat telepon dengan bulatan untuk dail, dan mesin taip manual, teknologi zaman ini lebih daripada menakjubkan sahaja.

Taraf moral masyarakat berubah dengan pesat. Kelakuan yang dianggap tidak sesuai dan tidak moral terdahulu, sekarang bukan sahaja ditahan malah dianggap sesuai oleh ramai orang.

Tidak lama dahulu, saya baca dalam *Wall Street Journal* rencana oleh Jonathan Sacks, rabai ketua Britain. Antara perkara lain, dia menulis—dan saya memetik: “Dalam hampir setiap masyarakat Barat pada tahun 1960-an, ada pertukaran tiba-tiba dengan taraf moral, sebuah peninggalan dari etika tradisional pengawalan diri. The Beatles nyanyi bahawa apa yang kamu perlukan adalah kasih. Taraf moral tradisional Yahudi dan Kristian ditinggalkan. Sebagai gantinya datang [pepatah]: *[Buat] apa-apa memberi manfaat kepadamu*. Sepuluh perintah ditulis lagi sebagai Sepuluh Cadangan Kreatif.”

Rabai Sacks terus, menyatakan dengan sesal: “Kita sudah meninggalkan asas moral kita tanpa hati-hati, sama seperti kita membazirkan sumber kewangan kita.... Ada banyak bahagian di [dunia] di mana agama adalah perkara masa lalu dan tiada trend budaya untuk membalas idea budaya yang menggalakkan orang untuk beli barang, menghabiskan wang, memakai pakaian yang menjolok mata, dan menunjuk-nunjuk kerana mereka menganggap bahawa sepatutnya. Ada pesanan bahawa prinsip moral sudah kolot, hati nurani adalah bagi orang lemah, dan perintah terpenting adalah 'Jangan dinampak apabila berdosa.'”

Saudara dan saudari saya, ini—malangnya--mengambarkan dunia di sekeliling kita. Adakah kita risau dengan putus asa dan berfikir-fikir macam mana kita akan terus hidup di dunia begini? Tidak. Sungguh, kita ada dalam hidup kita injil Yesus Kristus, dan kita tahu bahawa prinsip moral tidak kolot, bahawa kita mempunyai hati nurani untuk membimbing kita, dan bahawa kita bertanggungjawab bagi tindakan kita.

Walaupun dunia sudah berubah, hukum Tuhan terus malar. Hukum itu tidak berubah dan tidak akan berubah. Sepuluh Perintah adalah tepat itu—perintah. *Bukan* cadangan sahaja. Perintah adalah penting pada zaman ini macam bila Tuhan memberinya kepada anak-anak Israel. Jika kita dengar sahaja, kita dengar gema suara Tuhan, bercakap kepada kita di sini dan sekarang:

“Jangan ada padamu tuhan lain di hadapan-Ku.

“Jangan membuat bagimu patung yang menyerupai apa pun....

“Jangan menyebut nama Tuhan, Allahmu, dengan sembarangan....

“Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabat....

“Hormatilah ayahmu dan ibumu....

“Jangan membunuh.

“Jangan berzinah.

“Jangan mencuri.

“Jangan mengucapkan saksi dusta.

“Jangan mengingini.”

Peraturan kelakuan kita adalah muktamad; tidak boleh dirunding. Ia dijumpa bukan sahaja dalam Sepuluh Perintah malah dalam Khutbah pada Gunung, diberikan kepada kita oleh Juruselamat bila Dia berjalan pada dunia. Ia dijumpa di seluruh ajaran-Nya. Ia dijumpa dalam kata-kata wahyu masa kini.

Bapa kita di Syurga adalah sama terdahulu, zaman ini, dan selama-lamanya. Nabi Mormon beritahu kita bahawa Tuhan “tak berubah dari segala keabadian ke segala keabadian.” Di dalam dunia ini di mana hampir semua nampaknya berubah, kemuluran Dia adalah sesuatu yang padanya kita dapat berharap, sauh yang padanya kita dapat memegang dengan kukuh dan selamat, supaya kita tidak menjadi sesat di perairan tidak diketahui.

Mungkin nampaknya kepadamu kadang-kadang bahawa orang lain di dunia berseronok lebih daripadamu. Beberapa antara kamu mungkin rasa terhad kerana peraturan kelakuan yang padanya kita di dalam Gereja berpegang teguh. Namun demikian, saudara dan saudariku, saya mengatakan kepadamu bahawa tiada *apa-apa* yang dapat membawa lebih kegembiraan ke dalam hidup kita, atau lebih kedamaian kepada jiwa kita, daripada Roh yang boleh datang kepada kita apabila kita ikut Juruselamat dan mematuhi perintah. Roh itu tidak boleh berada di jenis kegiatan yang di dalamnya banyak orang di dunia menyertai. Rasul Paul mengatakan kebenaran: “Manusia duniawi tidak menerima apa yang berasal dari Roh Allah, kerana hal itu baginya adalah suatu kebodohan; dan ia tidak dapat memahaminya, sebab hal itu hanya dapat dinilai secara rohani.” Perkataan “manusia duniawi” boleh merujuk kepada sesiapa antara kita, jika kita membenarkan diri

kita menjadi duniawi. Kita mesti berhati-hati di dunia dengan budaya yang sudah berpaling dari kebanyakan perkara rohani. Kita perlu menolak apa-apa yang tidak mematuhi taraf kita, menolak juga untuk menyerah kalah apa yang kita paling mengingini—kehidupan abadi di kerajaan Tuhan. Kadang-kadang kita masih ada kesusahan, kerana itu bahagian yang pasti berlaku dari pengalaman kita dalam kefanaan. Namun demikian, kita banyak lebih bersedia untuk menanganinya, untuk belajar daripadanya, dan untuk mengatasinya kalau kita ada injil sebagai dasar kehidupan kita dan kasih Juruselamat di dalam hati kita. Nabi Yesaya mengatakan, “Di mana ada kebenaran di situ akan tumbuh damai sejahtera, dan akibat kebenaran ialah ketenangan dan ketenteraman untuk selama-lamanya.”

Sebagai cara berada di dunia tetapi tidak duniawi, kita perlu bercakap dengan Bapa kita di Syurga melalui doa. Dia ingin kita buat begini; Dia akan menjawab doa kita. Juruselamat menegur kita, seperti ditulis dalam 3 Nefi, bab 18, “Berdoa selalu agar jangan kamu masuk ke dalam godaan; kerana Setan berhasrat untuk memilikimu.

“Oleh kerana itu kamu mesti selalu berdoa kepada Bapa dalam nama-Ku;

“Dan apa pun yang akan kamu minta kepada Bapa dalam nama-Ku, yang adalah benar, memercayai bahwa kamu akan menerima, lihatlah itu akan diberikan kepadamu.”

Saya mendapat kesaksian saya tentang kuasa doa bila saya berumur 12 tahun. Saya bekerja keras untuk mendapat duit dan sudah mendapat lima dolar. Ini terjadi pada masa yang ekonomi tidak baik, bila lima dolar banyak wang—terutamanya bagi budak berumur 12. Saya memberi semua duit saya, yang berjumlah lima dolar, kepada bapa saya, dan dia memberi saya satu bil lima-dolar. Saya tahu ada sesuatu khusus yang saya merancang untuk membeli dengan lima dolar itu, tetapi sekarang, banyak tahun nanti, saya tidak dapat ingat apa itu. Saya hanya ingat betapa penting wang itu bagi saya.

Pada masa itu kita tidak mempunyai mesin basuh, jadi ibu saya hantar pakaian kita yang perlu dibasuh ke kedai dobi setiap minggu. Selepas beberapa hari, beban pakaian basah akan dihantar balik kepada kita, dan Ibu akan menggantungnya di ampaian di belakang rumah kita sampai menjadi kering.

Saya sudah simpan lima dolar itu di poket dalam seluar saya, dan seperti mungkin kamu boleh meneka, seluar saya dihantar ke kedai dobi dengan wang masih di poketnya. Bila saya menjadi sedar akan apa terjadi, saya rasa sakit kerana risau. Saya tahu bahawa poket biasanya diperiksa di kedai dobi sebelum membasuh. Jika wang saya tidak didapat dan diambil semasa proses itu, saya tahu hampir pasti bahawa wang itu akan jatuh dari poket semasa dibasuh dan akan diambil oleh orang pekerja yang tidak boleh tahu siapa mempunyai wang itu, walaupun mungkin dia mahu mengembalikannya. Kemungkinan mendapat lima dolar itu lagi tidak berapa mungkin—satu fakta yang ibu terkasihku mengesahkannya bila saya beritahu dia bahawa saya meninggalkan wang di poket.

Saya mahu wang itu; saya perlukan wang itu; saya sudah bekerja sangat keras untuk mendapat wang itu. Saya menyedari bahawa saya boleh buat satu perkara sahaja. Dengan banyak kebimbangan saya meminta bantuan Bapa saya di Syurga dan merayu kepada Dia untuk jaga wang saya walau macam mana pun sampai pakaian basah kita dikembalikan.

Dua hari panjang nanti, bila saya tahu waktu hampir sampai untuk lori membawa pakaian kami, saya duduk dekat tingkap, menunggu. Bila lori sampai, hatiku berdegap-degup. Secepat pakaian basah berada di dalam rumah, saya merebut seluar dan lari ke bilik tidur saya. Saya menghulurkan tangan saya ke dalam poket dengan tangan menggeletar. Bila saya tidak jumpa apa-apa dengan segera, saya fikir semua hilang. Tetapi kemudian jari saya sentuh bil lima-dolar basah itu. Semasa saya tariknya dari poket, saya berasa lega sangat. Saya berdoa dengan syukur kepada Bapa saya di Syurga, kerana saya tahu bahawa Dia sudah menjawab doa saya.

Sejak masa itu, saya ada banyak doa dijawab. Tiada hari yang saya tidak bercakap dengan Bapa saya di Syurga melalui doa. Itu hubungan yang saya menyayangi—saya sesat tanpanya. Jika kamu tidak sekarang ada hubungan begitu dengan Bapa kamu di Syurga, saya menggesa kamu ke arah matlamat itu. Semasa kamu buat begitu, kamu akan menjadi layak untuk ilham dan bimbingan Dia sepanjang hidup kamu—keperluan bagi semua kita kalau kita akan terus hidup secara rohani semasa perjalanan kita di sini di dunia. Ilham dan bimbingan begitu adalah hadiah yang Dia memberi dengan bebas kepada kita kalau kita mencarinya sahaja. Ini sesuatu yang amat berharga.

Saya selalu ditundukkan dan bersyukur bila Bapa saya di Syurga bercakap dengan saya melalui ilham-Nya. Saya sudah belajar untuk mengenalinya, mempercayainya, dan mengikutinya. Banyak kali sudah saya terima ilham. Satu pengalaman yang agak mendadak terjadi dalam Ogos 1987 semasa dedikasi bait suci di Frankfurt Jerman. Presiden Ezra Taft Benson bersama kita selama satu atau dua hari untuk dedikasi, tetapi dia sudah pulang rumah, jadi saya ada peluang untuk mengendalikan sesi tinggal.

Pada hari Sabtu kami ada sesi bagi anggota Belanda kami yang berada di daerah Bait Suci di Frankfurt. Saya kenal salah satu pemimpin kita yang cemerlang dengan baik dari Belanda, Saudara Peter Mourik. Sebelum sesi itu, saya ada perasaan jelas bahawa Saudara Mourik harus diminta untuk berucap kepada semua anggota Belanda itu dalam sesi itu dan bahawa, malah, dia harus berucap pertama. Saya tidak lihat dia di bait suci pagi itu, jadi saya memberi nota kepada Elder Carlos E. Asay, Presiden Kawasan kita, tanya dia kalau Peter Mourik berada di sesi itu. Sebelum berdiri untuk memulai sesi, saya menerima nota dari Elder Asay beritahu saya bahawa Saudara Mourik sebenarnya tidak berada di sesi ini, bahawa dia sibuk di tempat lain, dan bahawa dia merancang untuk menghadiri sesi dedikasi di bait suci hari berikutnya bersama pancang tentera.

Semasa saya berdiri di depan untuk menyambut orang dan mula mesyuarat, saya terima ilham yang memang jelas, sekali lagi, bahawa saya harus mengumumkan Peter Mourik sebagai penceramah pertama. Ini menentang semua naluriku, sebab saya tadi dengar daripada Elder Asay bahawa Saudara Mourik *pasti* tiada di bait suci. Namun demikian, saya mempercayai ilham dan mengumumkan penyampaian oleh koir, doa, dan kemudian berkata bahawa penceramah pertama kita adalah Saudara Peter Mourik.

Bila saya pulang ke tempat duduk saya, saya tengok Elder Asay dan melihat pada muka dia kelihatan terkejut. Dia nanti beritahu saya bahawa bila saya mengumumkan Saudara Mourik sebagai penceramah pertama, dia hampir tak boleh percaya telinga dia. Dia berkata dia tahu bahawa saya sudah menerima nota dia dan bahawa saya membacanya, dan dia tidak boleh faham kenapa saya kemudian mengumumkan Saudara Mourik sebagai penceramah, jika saya tahu bahawa dia tiada di mana-mana di bait suci.

Pada masa yang semua ini terjadi, Peter Mourik berada di mesyuarat di pejabat kawasan di Porthstrasse. Di mesyuarat itu, dia tiba-tiba berkata kepada Elder Hawkes, yang adalah wakil wilayah pada masa itu, dan tanya, “Berapa cepat kamu boleh membawa saya ke bait suci?”

Elder Hawkes, yang terkenal untuk memandu agak cepat dalam kereta kecil dia, menjawab, “Saya boleh membawa kamu ke sana dalam 10 minit! Tetapi kenapa kamu perlu pergi bait suci?”

Saudara Mourik mengaku bahawa dia tidak tahu kenapa dia perlu pergi bait suci tetapi dia tahu dia mesti pergi. Mereka berdua bertolak ke arah bait suci dengan segera.

Semasa persembahan koir hebat, saya memandang ke sana sini, menjangka bahawa saya akan melihat Peter Mourik tidak lama lagi. Saya tidak melihat dia. Tetapi saya tidak rasa cemas. Saya ada keyakinan yang damai dan tidak dapat dinafikan bahawa semua baik.

Saudara Mourik memasuki pintu di depan bait suci tepat selepas doa pembukaan habis, dan masih tidak tahu kenapa dia berada di sana. Semasa dia bergegas sepanjang ruang depan, dia melihat gambar saya pada monitor dan mendengar saya mengumumkan, “Sekarang kita akan dengar daripada Saudara Peter Mourik.”

Dengan kehairanan Elder Asay, Peter Mourik secara segera memasuki bilik dan datang ke depan.

Selepas sesi itu, Saudara Mourik dan saya membincangkan apa yang terjadi sebelum peluang dia untuk berucap. Saya berfikir-fikir tentang ilham yang datang hari itu, bukan sahaja kepada saya malah kepada Saudara Peter Mourik. Pengalaman luar biasa itu memberi saksi yang tidak dapat dinafikan kepada saya tentang kepentingan menjadi layak untuk menerima ilham begitu dan kemudian mempercayainya—dan mengikutinya—bila ia datang. Saya tahu tanpa ragu-ragu bahawa Tuhan berniat untuk mereka yang hadir di sesi itu di dedikasi Bait Suci Frankfurt untuk dengar kesaksian yang kuat dan mengharukan dari hamba-Nya, Saudara Peter Mourik.

Saudara dan saudariku yang terkasih, percakapan dengan Bapa kita di Syurga—termasuk doa kita kepada Dia dan ilham-Nya kepada kita—adalah diperlu supaya kita boleh menahan kesusahan dan ujian kehidupan. Tuhan menjemput kita, “Mendekatlah kepada-Ku dan Aku akan mendekat kepadamu; carilah Aku dengan tekun dan kamu akan menemukan-Ku.” Jika kita buat begini, kita akan rasa Roh-Nya dalam hidup kita, memberi kita keinginan dan keberanian untuk berdiri kuat dan teguh dalam kesolehan—untuk “berdiri... di tempat-tempat kudus, dan janganlah berpindah.”

Semasa dunia berubah di sekeliling kita dan kita melihat prinsip moral masyarakat menjadi lemah, semoga kita ingat janji amat berharga Tuhan kepada mereka yang percaya kepada Dia: “Janganlah takut, sebab Aku menyertai engkau, janganlah bimbang, sebab Aku ini Allahmu; Aku akan meneguhkan, bahkan akan menolong engkau; Aku akan memegang engkau dengan tangan kanan-Ku yang membawa kemenangan.”

Semoga itu menjadi berkat kita, saya berdoa dalam nama suci Tuhan kita, Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder Russell M. Nelson

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Satu minggu selepas tugas baru untuk mencipta pancang pertama di Moscow, Russia, saya menghadiri konferensi daerah di St. Petersburg. Semasa saya berucap tentang rasa terima kasih saya bagi mubaligh pertama dan pemimpin tempatan yang membawa kekuatan ke Gereja di Russia, saya menyebut nama Vyacheslav Efimov. Dia penganut pertama dari Russia yang menjadi seorang presiden misi. Dia dan isterinya buat sangat baik dalam tugas itu. Tidak lama selepas mereka menyiapkan misi mereka, dan banyak kepada kesedihan kami, Presiden Efimov meninggal dengan tiba-tiba. Dia berumur 52 sahaja.

Semasa saya berucap tentang pasangan perintis ini, saya didorong Roh Kudus untuk tanya jemaah kalau Saudari Efimov mungkin hadir. Jauh di belakang bilik, seorang wanita berdiri. Saya menjemput dia datang ke mikrofon. Ya, itu adalah Saudari Galina Efimov. Dia bercakap dengan keyakinan dan memberi kesaksian yang amat berkesan tentang Tuhan, injil-Nya, dan Gereja dipulihkan-Nya. Dia dan suaminya sudah dimeterai di bait suci. Dia berkata mereka bersatu selama-lamanya. Mereka masih rakan mubaligh, dia di sisi ini tirai dan suaminya di sisi lain. Dengan air mata kegembiraan, dia bersyukur kepada Tuhan atas perjanjian bait suci. Saya menangis juga, memahami secara penuh bahawa kesatuan abadi bagi pasangan setia ini adalah akibat membuat, menepati, dan menghormati perjanjian suci.

Salah satu konsep terpenting daripada agama benar adalah konsep perjanjian suci. Dalam bahasa undang-undang, perjanjian biasanya menandakan persetujuan antara dua pihak atau lebih. Tetapi dalam keadaan agama, perjanjian adalah banyak lebih penting. Itu adalah janji suci dengan Tuhan. Dia memilih syaratnya. Setiap orang boleh memilih menerima syarat itu. Jika seorang menerima syarat perjanjian dan mematuhi hukum Tuhan, dia terima berkat dikaitkan dengan perjanjian itu. Kita tahu bahawa “ketika kita mendapatkan berkat apa pun dari Allah, itu adalah karena kepatuhan pada hukum itu yang di atasnya itu dilandaskan.”

Sepanjang sejarah dunia, Tuhan buat perjanjian dengan anak-Nya. Perjanjian Dia terjadi sepanjang rancangan keselamatan dan oleh sebab itu adalah sebahagian dari kegenapan injil-Nya. Contohnya, Tuhan berjanji untuk mengutus Juruselamat bagi anak-Nya, dan minta daripada mereka kepatuhan mereka kepada hukum-Nya.

Dalam Alkitab kita baca tentang orang di tempat dalam Alkitab yang dikenal sebagai anak-anak perjanjian. Perjanjian apa? “Perjanjian yang telah diadakan Tuhan dengan nenek moyang [mereka], ketika Ia berfirman kepada Abraham: Oleh keturunanmu semua bangsa di muka bumi akan diberkati.”

Dalam Kitab Mormon kita baca tentang orang di Amerika yang pun dikenal sebagai anak-anak perjanjian. Tuhan dibangkitkan beritahu mereka begitu: “Lihatlah, kamu adalah anak-anak para nabi; dan kamu adalah dari bani Israel; dan kamu adalah dari perjanjian yang telah Bapa buat dengan leluhurmu, berfirman kepada Abraham: Dan dalam benih keturunanmu akanlah semua kaum di bumi diberkati.

Juruselamat menjelaskan kenapa itu penting bahawa mereka dikenal sebagai anak-anak perjanjian. Dia berkata, “Bapa setelah membangkitkan-Ku bagimu lebih dahulu... mengutus-Ku untuk memberkatimu dalam memalingkan setiap orang darimu dari kedurhakaannya; dan ini karena kamu adalah anak-anak perjanjian.”

Perjanjian yang Tuhan buat dengan Abraham dan nanti mengesahkan lagi dengan Ishak dan Yakub adalah sangat penting. Ia mengandungi beberapa janji, termasuk:

- ♣ Yesus Kristus dilahirkan melalui keturunan Abraham.
- ♣ Keturunan Abraham akan banyak, bertajuk untuk selama-lamanya bertambah dan untuk memegang imamat juga.
- ♣ Abraham akan menjadi bapa banyak negara.
- ♣ Tanah tertentu akan diwarisi oleh keturunannya.
- ♣ Semua negara dunia akan diberkati oleh keturunannya.
- ♣ Dan perjanjian itu akan abadi.

Beberapa janji ini sudah digenapi; yang lain belum digenapi. Saya memetik dari nubuat Kitab Mormon awal: “Ayah kita [Lehi] tidak berbicara tentang benih keturunan kita saja, tetapi juga tentang seluruh bani Israel, menunjuk pada perjanjian yang akan digenapi *pada zaman akhir*; yang perjanjian itu Tuhan buat kepada bapa kita Abraham.” Bukankah itu menakjubkan? 600 tahun *sebelum* Yesus dilahirkan di Betlehem, para nabi tahu bahawa perjanjian Abraham akhirnya akan digenapi hanya *pada zaman akhir*.

Untuk membantu menggenapi janji itu, nampaknya Tuhan pada zaman akhir ini membarui perjanjian Abraham itu. Kepada Nabi Joseph Smith, Sang Tuan menyatakan:

“Abraham menerima janji mengenai benih keturunannya, dan buah keturunan dari pinggangnya—yang dari pinggangnyalah kamu adanya, ... hamba-Ku Joseph....

“Janji ini adalah milikmu juga, karena kamu adalah dari Abraham.”

Dengan pembaruan janji ini, kita terima, seperti orang kuno sudah terima, imamat dan injil yang abadi. Kita mempunyai hak untuk terima kegenapan injil, menikmati berkat dari imamat, dan layak untuk berkat terbesar Tuhan---kehidupan abadi.

Beberapa di antara kita adalah keturunan literal dari Abraham; yang lain dikumpulkan ke dalam keluarga dia melalui pengangkatan. Tuhan tidak membuat perbezaan. Bersama-sama, kita menerima berkat dijanjikan ini---jika kita cari Tuhan dan mematuhi perintah-Nya. Tetapi jika kita tidak patuh, kita hilang berkat perjanjian. Untuk membantu kita, Gereja-Nya memberi berkat bapa bangsa untuk memberi setiap penerima pemahaman untuk masa depannya, serta sambungan ke masa lalu, pengisytiharan keturunan kembali kepada Abraham, Ishak, dan Yakub.

Saudara perjanjian ada hak untuk layak bagi sumpah dan perjanjian imamat. Jika kamu “setia hingga didupakannya dua imamat ini dan dikembangkannya pemanggilanmu, dikuduskan oleh Roh bagi dibaruinya tubuhmu.” Itu bukan semua. Lelaki yang menerima imamat dengan layak terima Tuhan Yesus Kristus, dan mereka yang menerima Tuhan Yesus menerima Bapa. Dan mereka yang menerima Bapa menerima semua yang Dia ada. Berkat yang menakjubkan datang dari sumpah dan perjanjian ini kepada lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang layak di seluruh dunia.

Kita ada tanggungjawab membantu untuk menggenapi perjanjian Abraham. Kita ada keturunan, yang dipilih dan disediakan untuk memberkati semua orang di dunia. Itu kenapa kewajipan imamat memasukkan kerja mubaligh. Selepas 4,000 tahun penungguan dan persediaan, ini adalah masa ditentukan bila injil harus dibawa kepada semua orang di dunia. Ini adalah masa perkumpulan Israel yang dijanjikan. Dan kita ada peluang menyertai! Bukankah itu menguja? Tuhan mengharapkan kita dan anak-anak lelaki kita--dan Dia sangat berterima kasih bagi anak-anak perempuan kita---yang secara layak berkhidmat sebagai mubaligh pada masa hebat ini pengumpulan Israel.

Kitab Mormon adalah bukti jasmani bahawa Tuhan sudah bermula mengumpulkan anak-Nya dari Israel. Kitab ini, ditulis bagi masa *kita*, menyatakan sebagai salah satu tujuannya bahawa “kamu boleh mengetahui bahawa perjanjian yang telah Bapa buat dengan anak-anak Israel... telah mulai digenapi.... Kerana lihatlah, Tuhan akan mengingat perjanjian-Nya yang telah Dia buat kepada umat-Nya dari bani Israel.”

Sungguh, Tuhan tidak lupa! Dia memberkati kita dan orang lain di seluruh dunia dengan Kitab Mormon. Salah satu tujuannya adalah bagi “diyakini orang Yahudi dan orang bukan Israel bahawa Yesus adalah Kristus.” Ia membantu kita buat perjanjian dengan Tuhan. Ia menjemput kita untuk ingat Dia dan mengenali Anak Terkasih-Nya. Ia satu kesaksian lagi tentang Yesus Kristus.

Anak-anak perjanjian ada hak untuk menerima ajaran-Nya dan untuk tahu rancangan keselamatan. Mereka memintanya melalui membuat perjanjian suci. Brigham Young berkata: “Semua anggota Gereja memasuki perjanjian yang baru dan abadi bila mereka masuk Gereja ini.... Mereka memasuki perjanjian yang baru dan abadi untuk menyokong Kerajaan Tuhan.” Mereka *simpan* perjanjian itu melalui kepatuhan kepada perintah-Nya.

Bila kita dibaptis, kita berjanji untuk berkhidmat kepada Tuhan dan mematuhi perintah-Nya. Bila kita menerima sacramen, kita membarui perjanjian itu dan menunjukkan kesanggupan kita untuk mengambil ke atas diri kita nama Kristus. Dengan cara ini kita diangkat sebagai anak-Nya dan dikenal sebagai saudara dan saudari. Dia adalah bapa hidup baru kita. Akhirnya, di bait suci, kita boleh menjadi ahli waris untuk berkat keluarga abadi, seperti dijanjikan kepada Abraham, Ishak, Yakub, dan keturunan mereka. Demikian, perkahwinan selestial adalah perjanjian kemuliaan.

Bila kita menyedari bahawa kita anak-anak perjanjian, kita tahu siapa kita dan apa yang Tuhan menjangka daripada kita. Kita menerima hukum-Nya sebagai sebahagian diri kita. Dia Tuhan kita dan kita umat-Nya. Anak-anak perjanjian yang komited terus setia, walaupun ada kesukaran. Bila ajaran itu menjadi sebahagian dalam kita, sengat maut pun menjadi lebih senang ditanggung dan ketabahan rohani kita dikuatkan.

Pujian terhebat yang boleh didapati dalam hidup ini adalah untuk dikenal sebagai orang yang menepati perjanjian. Ganjaran bagi orang begitu akan diterima dalam hidup ini dan selepasnya. Tulisan suci mengisytiharkan bahawa “kamu hendaknya mempertimbangkan akan keadaan yang diberkati dan bahagia dari mereka yang menaati perintah-perintah Tuhan. Kerana lihatlah, mereka diberkati dalam segala hal,... dan jika mereka bertahan setia sampai akhir mereka diterima ke dalam syurga... [dan] berdiam bersama Tuhan dalam suatu keadaan kebahagiaan yang tak pernah berakhir.”

Tuhan hidup. Yesus adalah Kristus. Gereja-Nya sudah dipulihkan untuk memberkati semua orang. Presiden Thomas S. Monson adalah nabi Dia hari ini. Dan kita, sebagai anak-anak perjanjian yang *setia*, akan diberkati sekarang dan selama-lamanya. Saya bersaksi demikian dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Matthew O. Richardson

Penasihat Kedua Presidensi Umum Sekolah Hari Ahad

Banyak tahun lalu, saya bersama teman saya di pusat pelatihan mubaligh bila saya mendengar suara seorang kanak menanya, “Nenek, adakah semua orang ini mubaligh yang benar?” Saya menampak seorang gadis kecil memegang tangan nenaknya dan menghalakan jarinya kepada saya dan teman saya. “Ya kasih,” balas neneknya, “ini adalah mubaligh yang benar!” Dia senyum bila dia memandang saya, dan hatinya mendebar kerana dia dalam kehadiran para mubaligh yang benar. Saya senyum, hুলurkan tangan, memandangnya dengan betul-betulnya, dan berkata, “Apa khabar. Saya Elder Richardson, dan kami adalah mubaligh yang benar.” Saya tinggalkan tempat itu dengan dedikasi yang baru. Saya ingin menjadi mubaligh yang diharapkan oleh Juruselamat, keluarga saya, dan gadis kecil itu. Dan buat dua tahun itu, saya bekerja keras untuk menjadi, memikir, bertindak, dan terutamanya mengajar seperti seorang mubaligh yang benar.

Selepas saya pulang dari misi, adalah jelas bahawa walaupun misi saya sudah tamat, tetapi pengaruhannya masih bersama saya. Sebenarnya, walaupun banyak tahun sudah lepas, saya masih berasa bahawa dua tahun misi saya adalah dua tahun yang paling bagus bagi hidup saya. Satu pengajaran yang tidak dijangka adalah suara gadis kecil itu. Tetapi sekarang saya mendengar dalam fikiran saya suara ini, “Nenek, adakah itu seorang pemegang imamat yang benar?” “Nenek, adakah itu seorang suami atau ayah yang benar?” atau “Nenek, adakah itu seorang ahli Gereja yang benar?”

Saya belajar bahawa kunci untuk menjadi benar dalam setiap aspek kehidupan kita adalah keupayaan kita untuk mengajar dengan cara yang tidak mengehendkan pelajaran. Hidup yang benar memerlukan pelajaran yang benar, yang bergantung pada ajaran benar. Tanggungjawab untuk mengajar dengan berkesan tidak hanya berhad kepada mereka yang dipanggil secara rasmi sebagai guru. Sebenarnya, setiap ahli keluarga, pemimpin Gereja, dan ahli Gereja (termasuklah remaja dan kanak-kanak) bertanggungjawab untuk mengajar.

Walaupun kita semua guru, kita mesti sedar bahawa Roh Kuduslah guru dan saksi segala kebenaran. Mereka yang tidak faham perkara ini dengan sepenuhnya cuba menggantikan Roh Kudus dan melakukan segala dengan diri sendiri, mereka menjemput Roh untuk bersama mereka tetapi hanya sebagai seorang penolong, atau mereka percaya bahawa menyerahkan segala pengajaran kepada Roh, tetapi sebenarnya, mereka tidak bersedia. Semua ibubapa, pemimpin, dan guru bertanggungjawab untuk mengajar “melalui Roh.”

Mereka tidak harus mengajar sebelum kehadiran Roh atau selepas Roh sudah meninggalkan tetapi “melalui Roh” supaya Roh boleh mengajarkan kebenaran tanpa penahanan.

Moroni menolong kita untuk memahami cara kita boleh “mengajar melalui Roh” tanpa menggantikan, mencairkan, atau mengabaikan Roh Kudus sebagai guru yang benar. Moroni berkata bahawa para orang suci melakukan pengalaman mereka “menurut cara kerja Roh Kudus.” Ini memerlukan lebih dari hanya mempunyai Roh bersama kita. Untuk berkelakuan “menurut cara kerja” Roh Kudus bererti kita mungkin perlu mengubah cara untuk mengajar untuk mencontohi cara Roh Kudus mengajar. Bila kita menajarkan cara kita mengajar dengan cara Roh Kudus, barulah Roh Kudus boleh mengajar dan memberi kesaksian tanpa halangan. Penjajaran penting ini boleh diilustrasikan oleh contoh berikut.

Banyak tahun lalu saya bersama anak-anak saya mendaki ke puncak South Sister, satu gunung di Oregon yang setinggi 3,157 meter. Selepas beberapa jam kami menemui satu cerun 45 darjah yang dibentuk dari batu keripik gunung berapi. Kami dapat melihat puncaknya, kami pun terus bermaju depan tetapi setiap langkah kami tenggelam dalam batu kerikil itu, mengakibatkan kami meluncur ke belakang beberapa inci. Anak lelaki saya yang berumur 12 tahun terus bergerak ke depan dan saya tinggal bersama anak perempuan saya yang berumur 8 tahun. Kami menjadi letih dan tawar hati, dan dia menjadi patah hati, memifir bahawa dia tidak akan mencapai puncak gunung itu. Impuls pertama saya adalah untuk mengangkat dia. Roh saya rela tetapi tubuh badan saya lemah. Kami duduk pada satu batu, menaksirkan situasi kami, dan mereka satu rancangan baru. Saya suruh dia untuk meletakkan tangannya dalam poket belakang seluar saya, memegang dengan erat, dan – yang terutamanya – bila saya mengangkat kaki saya untuk melangkah ke depan, dia harus meletakkan kakinya pada tempat itu dengan secepat mungkin. Dia meniru setiap langkah saya dan bergantung kepada tumpangan pegangan poket saya. Selepas satu waktu yang berasa macam satu abadi, kami sampai ke puncak gunung itu. Wajahnya yang penuh dengan kejayaan dan kepuasan amat berharga. Dan dia bersama abangnya adalah pendaki yang benar pada pendapat saya.

Kejayaan anak perempuan saya adalah akibat usahanya yang tekun dan cara dia mendaki menurut langkah saya. Bila dia menyeret langkahnya dengan langkah saya, kami mencapai satu rima bersama, membenarkan saya untuk menggunakan tenaga saya dengan sepenuhnya. Ini akan berlaku bila kita mengajar “menurut cara kerja Roh.” Bila kita menajar cara kita mengajar dengan cara Roh Kudus, Roh memperkukuhkan kita dan, pada waktu yang sama, tidak disekat. Sila timbangkan dua “kerja Roh” penting yang melayakkan teladan kita.

Pertama, Roh Kudus mengajar individu dengan cara yang peribadi. Ini membolehkan kita untuk mengetahui kebenaran secara mendalam untuk kita diri sendiri. Sebab keperluan, situasi, dan perkembangan kita berbeza, Roh Kudus mengajar kita perkara yang mesti kita tahu dan laksanakan supaya kita boleh menjadi apa yang mesti kita jadi. Sila memberi perhatian bahawa Roh Kudus mengajar “kebenaran akan segala hal,” ia tidak mengajar segala kebenaran dengan serta merta. Roh mengajar kebenaran “baris demi baris, ajaran demi ajaran, di sini sedikit dan di sana sedikit.”

Mereka yang mengajar menurut Roh faham bahawa mereka mengajar orang, bukan pengajaran. Jadi, mereka mengatasi desakan untuk mengajar segala dalam buku panduan atau segala yang sudah mereka belajar tentang subjek itu dan sebaliknya mereka berfokus ke atas perihal yang perlu diketahui dan dilaksanakan oleh ahli keluarga dan ahli-ahli kelas. Ibubapa, pemimpin, dan guru yang mengikut cara pengajaran Roh, belajar dengan cepatnya bahawa pengajaran yang benar melibatkan lebih dari ucapan dan cerita sahaja. Sebagai akibat, mereka berhenti dengan sengaja untuk mendengar, meneliti dengan berhati-hati, dan membezakan perkara yang harus dilakukan. Bila mereka membuat demikian, Roh Kudus boleh mengajar para murid dan para guru tentang perkara yang harus mereka lakukan dan ucapkan.

Kedua, Roh Kudus mengajar melalui jemputan, peringatan, galakan, dan ilham kepada kita untuk bertindak. Kristus menjamin kita bahawa kita dapat mengetahui kebenaran ajaran bila kita bertindak menuruti Dia. Roh membimbing, memimpinkan, dan menunjukkan kita perkara yang harus kita lakukan. Tetapi, ia tidak akan belajar, berasa, atau bertindak bagi pihak kita kerana ini akan bertentangan dengan ajaran hak pilihan. Ia boleh menyediakan peluang dan menjemput kita untuk belajar, berasa, dan bertindak.

Mereka yang mengajar menurut Roh membantu orang lain dengan menjemput, menggalakkan, dan menyediakan mereka peluang untuk menggunakan hak pilihan mereka. Para ibubapa, para pemimpin, dan para guru menyedari bahawa mereka tidak boleh berasa, belajar, ataupun bertaubat bagi pihak keluarga mereka, jemaah, atau ahli-ahli kelas. Mereka tidak menanya, “Apakah yang boleh saya lakukan untuk anak-anak saya, ahli kelas, atau orang lain?” mereka menanya, “Bagaimana saya menjemput dan menolong mereka yang di sekeliling saya untuk belajar diri sendiri?” Para ibubapa yang mencontohi kerja Roh Kudus merekakan rumah tangga di mana keluarga bukan hanya bercakap tentang ajaran injil, tetapi belajar untuk menghargai dan mematuhi. Roh Kudus tidak dapat ditahankan bila individu menggunakan hak pilihan dengan betul.

Dengan keadaan dunia kita sekarang, kita amat perlukan pembelajaran dan pengajaran yang benar dalam rumah tangga, pertemuan, dan kelas injil kita. Saya faham bahawa usaha anda untuk maju kadang kala mungkin nampaknya sangat susah. Sila jangan menjadi tawar hati dengan perkembangan anda. Saya memikirkan pengalaman

pendakian bersama anak-anak saya. Kami bersetuju bahawa setiap kali kami berhenti untuk merehat, kami tidak hanya menumpukan perhatian di atas jarak yang masih harus kami daki, kami dengan serta merta pusing balik dan memandang ke bawah gunung itu. Kami menikmati permandangan dan berkata kepada satu sama lain, “Lihatlah betapa jauh sudah kita mendaki.” Kemudian kami menarik nafas panjang, pusing balik, memukai gunung di depan, dan memulakan pendakian kami satu langkah demi satu langkah. Saudara dan saudari, anda boleh menjadi seorang ibubapa yang aktif, memimpin, dan mengajar menurut kerja Roh. Saya tahu anda boleh lakukan perkara ini, dan kehidupan akan berubah.

Hidup saya sudah diberkati oleh guru yang benar yang sudah mengajar menurut Roh dan terutamanya melalui Roh. Saya menjemput anda untuk menjajarkan cara anda mengajar dengan cara Roh Kudus dalam segala yang anda lakukan. Saya bersaksi bahawa Yesus Kristus adalah Juruselamat kita dan injilNya sudah dipulihkan. Sebab ini kita perlu menjadi ibubapa, pemimpin, guru, dan murid yang benar. Saya bersaksi bahawa Tuhan akan menolong anda dalam usaha anda, dalam nama kudus Juruselamat kita, Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder Kazuhiko Yamashita

Dari Tujuh Puluh

Satu malam beberapa tahun lalu, seorang mubaligh yang baru yang bernama Elder Swan dan teman senior Jepunnya mengunjungi rumah saya. Nasib baik saya berada di rumah, jadi saya pun menjemput mereka masuk. Bila saya menyambut mereka pada pintu, saya berpandang kepada kot Elder Swan. Tanpa memikir, saya kata kepada dia, “Kot yang anda pakai itu bagus sekali!” Tetapi, ia bukan kot yang baru, ia sudah menjadi pudar. Saya anggap kot itu ditinggal belakang oleh mubaligh sebelumnya di apartmen mereka.

Elder Swan membalas dengan serta-merta, dan jawapannya bertentangan dengan anggapan saya. Dengan bahasa Jepun yang tidak fasih dia menjawab: “Ya, ini memang satu kot yang bagus. Bapa saya memapai kot ini bila dia melayan sebagai seorang mubaligh di Negeri Jepun dua puluh tahun lalu.”

Bapanya pernah melayan di Misi Okayama Jepun. Dan bila anaknya tinggal untuk melayan misi di negeri Jepun, dia berikan kot ini kepada anaknya. Gambar ini adalah gambar kot yang sudah dipakai oleh dua generasi Elder Swan bila meeka di negeri Jepun.

Kata-kata Elder Swan menyentuh hati saya. Dan sekarang saya faham mengapa Elder Swan memakai kot bapanya bila dia mengubah . Elder Swan memulakan misinya dengan mewarisi kasih sayang bapanya terhadap negeri Jepun dan rakyatnya.

Saya pasti bahawa ada di kalangan anda mempunyai pengalaman yang serupa . Beberapa orang mubaligh yang melayan di negeri Jepun memberitahu saya bahawa bapa, ibu, datuk atau pacik mereka juga sudah melayani misi di negeri Jepun.

Saya ingin menunjukkan kasih sayang , penghormatan dan kesyukuran yang ikhlas kepada semua mubaligh yang sudah pulang yang sudah melayan di seluruh dunia. Saya pasti mereka yang anda bantu untuk menukar hati belum anda. “Betapa baiknya melihat kedatangan utusan, dia datang melintasi pergunungan dan membawa berita baik”.

Saya adalah salah seorang penganut baru itu. Saya menukar hati pada usia tujuh belas, bila saya seorang murid sekolah menengah. Mubaligh yang membaptiskan saya adalah Elder Rupp dari Idaho. Dia baru-baru dibebaskan sebagai presiden pancang di Idaho. Saya tidak berjumpa dia lagi semenjak saya baru dibaptis, tetapi saya dapat menulis email kepada dia dan bercakap dengan dia melalui telefon. Saya tidak pernah melupai dia. Wajahnya yang berbelas kasihan dan senyumannya terpahat dalam ingatan saya. Dia sangat gembira bila dia tahu bahawa khabar saya baik.

Bila saya berusia 17, saya tidak faham dengan sepenuhnya pesanan-pesanan yang diajar oleh para mubaligh. Tetapi, saya ada satu perasaan yang istimewa terhadap para mubaligh. Saya ingin menjadi seperti mereka. Dan saya dapat merasai kasih sayang mereka yang mendalam dan berpanjangan.

Biarkan saya memberitahu anda tentang hari itu bila saya dibaptiskan. Ia adalah pada hari bulan Julai 15 suatu hari yang panas. Seorang perempuan juga dibaptiskan pada hari itu. Bekas air baptis sudah dibina oleh para mubaligh, dan ia tidak elok dilihat.

Kami ditetap selepas pembaptisan kami. Saudari itu ditetapkan oleh Elder Lloyd. Saya duduk bersama ahli-ahli lain, tutup mata saya, dan mendengar dengan diam-diam. Elder Lloyd menetapkan dia, dan kemudian mula memberikan satu berkat kepada dia. Tetapi Elder Lloyd berhenti di tengah-tengah berkat itu, saya buka mata saya dan memandangi dia dengan berminat.

Saya masih ingat kejadian itu pada hari ini. Mata Elder Lloyd dipenuhi dengan air mata. Dan pada kali pertama, saya diselubung oleh Roh Kudus. Dan melalui Roh Kudus saya memperolehi satu pengetahuan bahawa Elder Lloyd dan Tuhan menyayangi kami.

Kemudian, sampailah giliran saya untuk ditetapkan. Dan Elder Lloyd juga melaksanakan penetapan saya. Dia meletakkan tangannya di atas kepala saya dan menetapkan saya seorang ahli Gereja, dan mengurniakan saya Roh Kudus, dan kemudian memberi saya satu berkat. Dan sekali lagi, dia berhenti di tengah-tengah berkat itu. Tetapi, sekarang saya faham apa yang sedang berlaku. Saya tahu melalui Roh Kudus bahawa para mubaligh dan Tuhan menyayangi saya.

Sekarang saya ingin berucap kepada para mubaligh yang sedang melayani misi di seluruh dunia. Sikap anda dan kasih sayang yang anda tunjukkan terhadap orang lain adalah pesanan yang penting. Walaupun saya tidak dapat memahami semua ajaran yang diajar oleh mubaligh dengan serta-merta, saya berasa kasih sayang mereka dan tindakan belas kasihan mereka mengajar saya pelajaran yang penting. Pesanan anda adalah satu pesanan kasih sayang, harapan, dan iman. . Sikap anda dan tindakan anda menjemput Roh, dan Rohlah yang membolehkan kita untuk memahami perkara-perkara yang mustahak. Perkara yang saya ingin menyampaikan kepada anda ialah bahawa melalui kasih sayang anda, anda memberikan kasih sayang Tuhan. Anda adalah harta karun Gereja ini. Saya amat bersyukur kepada kamu semua ke atas pengorbanan dan dedikasi anda.

Saya juga ingin berucap kepada mubaligh masa depan. Dalam keluarga saya, empat orang anak-anak kami sudah melayani misi, anak kelima kami akan memasuki ke Provo Missionary Training Center pada akhir bulan ini. Dan pada tahun depan anak yang paling muda kami merancang untuk melayani satu misi selepas penghabisan sekolah menengah. Saya berucap kepada anak-anak lelaki saya dan anda yang sedang bersedia untuk melayani misi. Adalah satu keperluan untuk membawa tiga perkara bersama anda pada misi anda:

1. Satu hajat untuk mengkhubatkan injil. Tuhan hendakkan nada untuk mencarikan dombaNya, dan mengumpulkan mereka. Orang di seluruh dunia menantikan anda. Sila pergi kepada mereka dengan cerpatnya. Tidak ada seorang pun yang berusaha lebih keras dari para mubaligh yang menyelamatkan orang lain. Saya salah seorang yang sudah diselamat.
2. Mengembangkan kesaksian anda. Tuhan menuntutkan “hati dan suatu fikiran yang rela” dari anda.
3. Menyayangi orang lain. Seperti Elder Swan, yang membawa bersamanya kot dan kasih sayang bapanya terhadap negeri Jepun dan rakyatnya ke misinya.

Dan kepada anda yang tidak tahu bagaimana untuk bersedia untuk melayani misi, sila jumpa uskup anda. Saya tahu dia akan membantu anda.

Saya bersyukur bahawa para mubaligh dipanggil oleh Tuhan, dan mereka membalas panggilan itu, dan mereka melayan di seluruh dunia. Biarkan saya berucap kepada semua mubaligh yang sudah pulang ke rumah – saya benar-benarnya bersyukur terhadap usaha anda. Andalah harta karun Gereja ini. Dan semoga anda selalu terus menjadi mubaligh dan bertindak sebagai pengikut Kristus.

Saya bersaksi bahawa kita anak-anak Bapa Syurgawi kita, Dia menyayangi kita, dan Dia sudah hantarkan PuteraNya yang Dia kasihi, Yesus Kristus, supaya kita boleh pulang kepada kehadiranNya. Saya mengatakan hal-hal ini dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Penatua Randall K. Bennett

Dari Tujuh Puluh

Beberapa tahun dahulu, semasa berada di pantai bersama keluargaku, saya nampak tanda beserta bendera yang memberi amaran akan arus deras yang mengalir dari pantai ke dalam air yang dalam dan bergelora. Tak ternampak oleh mata yang tidak terlatih saya, tetapi dicam dengan senang oleh penjaga di atas menara yang dekat. Arus yang deras itu menjadi bahaya kepada semua orang yang meninggalkan keselamatan pantai dan memasuki airnya. Saya ingat berfikir “Sayalah perenang yang mahir. Renang merupakan persenaman yang hebat. Memang saya selamat kalau dalam air yang cetek.”

Dengan tidak memerhatikan amaran, dan dengan meyakini pertimbanganku, saya memasuki air supaya menikmati perenangan yang “menyegarkan.” Selepas beberapa minit, saya menjenguk kepala untuk mengecam keluarga saya pada pantai yang dekat itu, tetapi pantai itu tidak dekat lagi! Arus curang itu yang orang beri amaran akhirnya sudah menangkap saya dan dengan cepat menarik saya daripada keluarga.

Pertama-tama dengan berani, dan kemudian dengan putus asa, saya cuba berenang menuju pantai, tetapi arus yang degil itu menderet saya lebih jauh lagi ke dalam air yang lebih dalam dan lebih dalam dan lebih bergelora. Saya jadi lelah dan memulau cekik dengan air yang tertelan. Lemas menjadi kemungkinan hakiki. Tenaga saya sudah habis, dan saya berjerit meminta pertolongan.

Seperti mukjizat, seorang penjaga berada di sisiku dengan segera. Tanpa saya sedarinya, dia sudah melihat saya memasuki air. Dia sudah tahu bahawa arus akan menangkap saya, dan sudah tahu ke mana ia akan membawa saya. Dengan hindari arus, dia berenang sedikit lebih jauh daripada saya, dan sabar-sabar menunggu saya minta tolongan. Sebab saya terlampau lemah sampai tidak mampu berenang kembali ke pantai, saya mensyukuri penyelamatannya. Tanpa pertolongannya, saya memang tidak akan dapat kembali kepada keluarga saya.

Pada hari itu, saya membuat keputusan yang malang, yang menimbulkan akibat yang mungkin parah kepada saya serta keluarga saya. Kita sekarang mempertimbangkan kurnia pilihan bersama-sama. Semasa ini, saya minta agar Roh Kudus akan menolong kita semua menilai pilihan yang kita sedang membuat.

Nabi yang terkasih kita, iaitu Thomas S. Monson, pernah mengajarkan: “Saya tidak dapat terlalu menekankan bahawa keputusan menentukan takdir. Anda tidak boleh membuat keputusan yang kekal tanpa menimbulkan akibat yang kekal.”¹

Setiap daripada anda adalah anak rohani ibubapa di syurga. Anda mempunyai sifat dan takdir yang ilahi. Semasa hidup pra-fana anda, anda belajar menyayangi kebenaran. Anda membuat keputusan kekal yang patut. Anda sudah tahu bahawa dalam hidup yang fana ini, akan ada penderitaan dan penyakit, dugaan dan ujian untuk menolong anda bertumbuh dan maju. Anda juga tahu bahawa anda boleh terus membuat keputusan yang patut, bertaubat atas pilihan yang tidak patut, dan melalui Korban Tebusan Yesus Kristus, mewarisi hidup yang kekal.

Apakah yang nabi Lehi ajarkan tentang pilihan? Dia bernasihat bahawa kita “bebas untuk memilih kebebasan dan hidup yang kekal, melalui Pengantara hebat semua manusia, atau untuk memilih pertawanan dan kematian, sesuai dengan pertawanan dan kuasa Iblis.” Kemudian, dia mengajarkan, “Anda harus berpaling kepada Pengantara Besar, dan mendengarkan perintah yang mulianya, dan bersifat teguh pada perkataannya, dan memilih hidup yang kekal.”²

Dalam apa yang kita memilih fikirkan, berasa, dan membuat, adakah anda serta saya memilih hidup yang kekal?

Cucu kami sedang belajar bahawa kalau memilih sesuatu benda, orang memilih akibatnya juga. Kebelakangan ini, salah satu daripada cucu perempuan berumur tiga tahun enggan makan malam. Ibunya menerangkan “Waktu tidur sudah menjelang. Kalau kamu pilih makan malam, kamu pilih makan kuih selepasnya. Kalau pilih tidak makan malam, kamu pilih tidur sekarang, tanpa kuih. Cucu kami mengujar dengan tegas: “Saya nak pilihan ini -- main sekarang, makan kuih saja, dan tidak tidur.”

Adakah keinginan hati kita untuk main, makan kuih saja, tidak tidur, dan dengan sesuatu kaedah menghindari akibat seperti kekurangan zat makanan dan kelelahan?

Sebenarnya, kita mempunyai dua pilihan yang kekal sahaja. Kedua-duanya mempunyai akibat yang kekal. Kita boleh pilih untuk mengikuti Juruselamat dunia, dan dengan begitu, memilih hidup yang kekal bersama Tuhan, ataupun pilih mengikuti dunia dan dengan demikian pilih untuk memisahkan diri daripada Tuhan untuk selama-lamanya.

Kita tidak boleh dengan berjaya memilih keselamatan kesolehan dan bahaya keduniaan pada masa yang sama. Berendam dalam keduniaan mungkin nampaknya tak merbahaya, tetapi perenangan “menyebarkan” saya sama juga!

Sama seperti arus yang mungkin mengubah hidup keluarga saya, ada arus di dunia kini, iaitu arus falsafah yang menipu, ajaran yang salah, dan ketidakbermoralan yang luas. Arus ini cuba menderet dan memisahkan kita daripada keluarga kita dan daripada Tuhan Bapa kita.

Nabi, penglihat, dan pewahyu yang hidup kita dapat melihat dan memberi amaran

akan arus keduniaan yang merbahaya dan licin yang mengancam kita. Dengan kasih sayang mereka mengundang, membesarkan hati, mengingatkan, dan memberi amaran kepada kita. Mereka tahu bahawa keselamatan kita bergantung pada pilihan kita untuk mengikuti tiga perkara. (1) Gagasan yang kita menerima semasa belajar tulisan suci serta berdoa. (2) Panduan dari Roh Kudus. (3) Nasihat ilahinya. Mereka tahu bahawa hanya dalam dan melalui Juruselamat Yesus Kristus serta injilnya kita akan mendapat keselamatan dengan sukacita. Dia bersabda, “Akulah perjalanan, kebenaran, dan hidup: tidak ada yang mendatangi Bapa, kecuali melalui aku.”³

Semasa dugaan dan penderitaan di Rusia kebelakangan ini, Anatoly dan Svetlana Reshetnikov memilih kesolehan atas keduniaan. Selepas bergabung dengan Gereja, mereka dianyai. Dia diturunkan aras kerjanya. Dengan gagah mereka berfikir, “Sekarang ada lebih banyak masa supaya berkhidmat untuk Tuhan!” Mereka menerima ancaman dengan kerap. Akan tetapi, mereka pilih menjalani hidup yang terpusat pada injil. Elder Anatoly Reshetnikov dipanggil untuk menjadi Tujuh Puluh Daerah yang pertama di Rusia. Melalui pilihannya, keluarga Reshetnikov terus memilih hidup yang kekal.

Kita setiap orang akan menghadapi dugaan. Kita semua digodakan. Kita semua pernah berbuat yang salah. Tidak akan terlambat ataupun terlalu susah membuat pilihan yang benar sampai bila-bila pun. Pertaubatan adalah salah satu daripada pilihan benar yang mustahak itu.

Presiden Dieter F. Uchtdorf pernah mengajarkan:

“Kesilapan kecil dan pemindahan hampir tidak bermakna daripada ajaran injil Yesus Kristus akan boleh menimbulkan akibat yang penuh derita ke dalam hidup kita. Maka adalah mustahak bahawa kita menjadi cukup berdisiplin supaya boleh membuat pembetulan awal dan tegas supaya berada di jalan yang benar dan tidak tunggu ataupun berharap agar kesilapan akan membetulkan diri.

“Lebih lama kita menunda perbuatan membetulkan, lebih besar pembetulan yang perlu menjadi, dan lebih lama masa yang perlu untuk kembali ke jalan yang benar, sehingga malapetaka mungkin menunggu.”⁴

Lengan belas kasihan Juruselamat sentiasa terhulurkan kepada kita semua.⁵ Bila kita bertaubat dengan tulus dan dengan penuh, kita boleh diampuni untuk kesilapan dan Juruselamat tidak akan mengingatkan dosa-dosa kita lagi.⁶

Semasa menilai pilihan anda serta akibatnya, anda mungkin bertanya dalam diri anda:

- Adakah saya mencari panduan dari Tuhan melalui pelajaran tulisan suci dan doa seharian? Atau pun adakah saya memilih untuk menjadi begitu sibuk atau acuh tak acuh sampai tidak sempat mempelajari kata-kata Kristus dan berbual dengan Tuhan

- Adakah saya memilih untuk mengikuti nasihat dari nabi Tuhan yang hidup. Atau pun adakah saya mengikuti jalan keduniaan dan pendapat menentang orang lain?
- Adakah saya mengikuti panduan dari Roh Kudus setiap hari dalam apa yang saya pilih fikirkan, berasa, dan berbuat?
- Adakah saya sentiasa menghulurkan tangan untuk membantu, ataupun tolong menyelamatkan orang lain?

Saudara-saudari yang terkasih, takdir kekal anda bukan akibat nasib melainkan pilihan. Tidak pernah terlambat untuk memulai memilih hidup yang kekal!

Saya bersaksi bahawa oleh sebab rancangan kebahagiaan Tuhan Bapa kita, setiap dari kita boleh disempurnakan melalui Korban Tebusan Yesus Kristus. Bersama dengan keluarga kita, kita boleh hidup bersama dengan Bapa di Syurga kita untuk selamanya. Di sana kita boleh menerima kepenuhan sukacita. Saya bersaksi semua perkara ini dalam nama yang suci Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder J. Devn Cornish

Dari Tujuh Puluh

Saudara dan saudari yang kukasihi, Tuhan Bapa kita bukan satu perasaan atau satu idea atau satu kuasa. Dia adalah seorang yang kudus, seperti yang diajarkan dalam kitab-kitab suci, dia mempunyai muka dan tangan dan satu tubuh badan yang mulia yang sudah bangkit. Dia adalah benar; Dia mengetahui kita setiap orang secara individu; dan Dia mengasihi setiap orang. Dia hendak memberkati kita.

Yesus berfirman:

“Bapa yang manakah akan memberikan batu kepada anaknya, apabila anaknya meminta roti?

“Bapa yang manakah akan memberikan ular, apabila anaknya meminta ikan?

“Walaupun kamu jahat, kamu tahu memberikan apa yang baik kepada anak-anak kamu. Lebih-lebih lagi Bapa kamu yang di syurga; Dia akan memberikan apa yang baik kepada mereka yang meminta daripada Dia!” (Matius 7:9-11).

Mungkin satu pengalaman peribadi akan menolong untuk mengilustrasikan asas ini. Bila saya seorang doctor masih di bawah latihan di Boston Children’s Hospital, saya berkerja jam yang panjang dan selalu menunggang basikal di antara hospital itu dan rumah kami di Watertown, Massachusetts kerana isteri saya dan keluarga muda kami perlukan kereta kami. Pada suatu petang saya menunggang basikal pulang ke rumah selepas banyak jam berkerja di hospital, saya berasa sangat letih dan lapar dan memang tidak bersemangat. Saya tahu bahawa saya perlu berikan masa dan tenaga saya kepada isteri dan empat orang anak kecil saya bila saya sampai ke rumah dengan sikap yang gembira. Tetapi sebenarnya, memang sukar bagi saya untuk terus menunggang basikal.

Dalam perjalanan saya, adanya satu kedai ayam goreng, dan saya berasa saya akan berasa kurang lapar dan kurang letih jika saya boleh henti untuk memakan satu keping ayam goreng. Saya tahu mereka ada satu jualan murah bagi paha ayam goreng, hanya dua puluh sembilan sen sekeping. Tetapi bila saya memeriksa dompet saya, saya hanya mempunyai lima sen. Semasa saya terus menunggang basikal, saya memberitahu Tuhan tentang situasi saya dan meminta jika, dalam belas kasihannya, Dia dapat membolehkan saya untuk mendapati dua puluh lima sen lagi di tepi jalan. Saya beritahu Dia bahawa

October 2011 Sunday Afternoon Session---56 Elder J. Devn Cornish 348 Malay
saya tidak perlukan ini sebagai satu tanda tetapi saya akan memang bersyukur jika Dia boleh mengurniakan saya berkat itu.

p.2

Saya menengok tanah dengan lebih berhati-hati tetapi tidak dapat sebarang pun. Berusaha untuk menjaga satu sikap yang beriman dan submisif semasa saya menunggang basikal saya, saya mendekati kedai itu. Di seberang jalan dari kedai ayam goreng itu, saya ternampat satu duit syiling dua puluh lima sen pada jalan itu. Dengan kesyukuran dan kelegaan, saya ambil duit syiling itu, beli sekeping ayam goreng, dan menikmatinya, kemudian menunggang basikal balik ke rumah dengan kegembiraan.

Dalam belas kasihannya, Tuhan syurga, Pencipta dan Pemerintah segala, sudah mendengar doa saya tentang satu perkara yang kecil. Seseorang mungkin menanya mengapa Dia risau tentang perkara yang begitu kecil. Saya percaya bahawa Bapa Syurgawi kita memang mengasihi kita jadi perkara yang penting bagi kita menjadi perkara yang penting bagi Dia, kerana Dia menyayangi kita. Betapa rela Dia ingin membantu kita dengan perkara besar yang benar yang kita minta? (lihat 3 Nefi 18:20)?

Kanak-kanak kecil, para remaja, dan orang dewasa sekalian, sila percaya bahawa Bapa Syurgawi memang ingin memberkatimu. Tetapi kerana Dia tidak akan melanggar hak pilihan kita, kita mesti meminta bantuanNya. Ini biasanya dilakukan melalui doa. Doa adalah salah satu kurnia yang berharga dari Tuhan kepada manusia.

Ada satu kali, pengikut-pengikut Yesus menanya, “Ya Tuhan, ajarlah kami berdoa” (Lukas 11:1). Dalam balasanNya, Yesus memberikan kita satu teladan yang boleh melayani sebagai satu asas yang penting tentang doa (lihat Russell M. Nelson, “Lessons from the Lord’s Prayer,” Liahona dan Ensign, Mei 2009, 46—49; juga lihat Matius 6:9-13; Lukas 11:1—4). Menurut teladan Yesus:

Kita bermula dengan berucap kepada Bapa Syurgawi kita: “Ya Bapa kami yang di syurga” (Matius 6:9; Lukas 11:2). Ia adalah hak istimewa kita untuk berucap kepada Bapa kita secara terus. Kita tidak berdoa kepada apa-apa barang lain. Ingatkanlah bahawa kita sudah dinasihati untuk mengelakkan banyak kata yang tidak bererti, termasuk penggunaan nama Bapa terlalu banyak kali semasa kita berdoa.

“Engkaulah Tuhan yang Esa” (Matius 6:9; Lukas 11:2). Yesus berucap kepada BapaNya dengan sikap bersembah, mengenali kemuliaanNya dan berikanNya pujian dan kesyukuran. Tentulah cara ini yang menghormati Tuhan dan memberikan kesyukuran yang ikhlas dan khusus adalah salah satu kunci penting demi doa yang berkesan.

“Semoga Engkau memerintah di bumi... kehendakMu ditaati” (Matius 6:10; Lukas 11:2). Kita mengiktirafkan secara suka rela pergantungan kita kepada Tuhan dan

October 2011 Sunday Afternoon Session---56 Elder J. Devn Cornish 348 Malay menunjukkan keinginan kita untuk melakukan kehendakNya , walaupun kehendakNya tidak sama dengan kehendak kita. Kamus Alkitab bahasa Inggeris menjelaskan: “ Doa adalah satu tindakan di mana kehendak Bapa dan kehendak anak dibawa kepada satu persetujuan dengan satu sama lain. Tujuan doa bukan untuk mengubah kehendak Tuhan, tetapi untuk memperoleh untuk kita diri sendiri dan orang lain berkat-berkat yang Tuhan sedia mengurniakan, tetapi bergantung di atas permintaan kita” (Bible Dictionary, “Prayer).

“Berikan kami makanan yang kami perlukan pada hari ini” (Matius 6:11; lihat Lukas 11:3). Kita minta demi perkara yang kita ingin dari Tuhan. Kejujuran adalah penting dalam permintaan kita kepada Tuhan. Adalah tidak jujur , sebagai contohnya, untuk meminta bantuan Tuhan untuk satu ujian sekolah jika saya tidak memberi perhatian dalam kelas, tidak melakukan kerja rumah, atau mengaji demi ujian itu. Sebanyak kali saya berdoa, Roh mengingatkan saya untuk mengakui bahawa saya harus berkerja lebih keras untuk menerima bantuan yang saya minta dari Tuhan. Kemudian saya mesti komit untuk melakukan bahagian saya. Adalah berlawanan dengan rancangan Tuhan untuk Tuhan melakukan perkara yang dapat kita lakukan diri sendiri.

“Ampunkanlah kesalahan kami” (Matius 6:12) atau, dalam satu lagi versi, “Ampunkanlah dosa kami” (Lukas 11:4). Satu bahagian doa peribadi yang mustahak dan kadang kala dilupakan adalah pertaubatan. Pertaubatan mesti tertentu, ikhlas, dan tahan lama supaya ia berkesan.

“Seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami” (Matius 6:12; lihat Lukas 11:4). Juruselamat sudah buat satu gabungan yang jelas di antara pengampunan dosa-dosa kita dan mengampuni orang yang bersalah terhadap kita. Kadang-kala kesalahan yang dilakukan oleh orang lain terhadap kita adalah sungguh menyakitkan dan susah diampuni atau dilupai. Saya amat bersyukur terhadap keselesaan dan kesembuhan yang dapat saya peroleh dari jempunan Tuhan untuk menyerahkan kesakitan kita kepada Dia. Dalam Ajaran dan Perjanjian, bab 64, Dia berfirman: “Aku, Tuhan, akan mengampuni yang akan Aku ampuni, tetapi darimu dituntut untuk mengampuni semua orang. Dan kamu seharusnya mengatakan dalam hatimu—biarlah Tuhan menghakimi di antara aku dan engkau, dan memberi engkau pahala menurut perbuatanmu” (A&P 64:10—11). Kemudian kita mesti lupakan kejadian itu dengan sepenuhnya, dan biarkan Tuhan mengendalikan perkara itu, jika kita hendak disembuhkan.

“Janganlah biarkan kami kehilangan iman ketika dicubai, tetapi selamatkanlah kami daripada kuasa Si Jahat” (Matius 6:13, footnote a; from Joseph Smith Translation; juga lihat Lukas 11:4, footnote c; from Joseph Smith Translation). Jadi, dalam doa kita, kita boleh memulakan proses perlindungan untuk memakai perlengkapan perang Tuhan (lihat Efesus 6:11; A&P 27:15) dengan menantikan setiap hari dan mintakan pertolongan untuk

October 2011 Sunday Afternoon Session---56 Elder J. Devn Cornish 348 Malay
menghadapi perkara yang menakutkan yang mungkin akan kita temui. Saya minta kamu,
rakan-rakanku, jangan lupa untuk meminta Tuhan untuk melindungi kamu dan bersama
kamu.

p.4

“Engkaulah Raja yang berkuasa dan mulia untuk selama-lamanya” (Matius 6:13).
Betapa penuh dengan maklumat bila Yesus menamatkan doa ini dengan memuji Tuhan
sekali lagi dan menunjukkan takzimNya dan berserah kepada Bapa. Bila kita benar-
benarnya percaya bahawa Tuhan memerintah kerajaanNya dan Dia memiliki segala
kuasa dan kemuliaan, kita mengenali bahawa Dia betul-betulnya bertanggungjawab, dan
Dia menyayangi kita dengan kasih sayang yang sempurna, dan Dia hendakkan kita
menjadi gembira. Saya sudah mendapati bahawa salah satu rahsia demi kehidupan yang
bahagia adalah untuk mengenali bahawa pelaksanaan perkara dengan cara Tuhan dan
bukan cara saya akan mendatangkan kegembiraan yang lebih besar .

Adalah satu risiko bahawa seorang tidak berasa berkelayakan untuk berdoa. Idea ini
datang dari roh jahat, yang mengajar kita untuk tidak berdoa (lihat 2 Nefi 32:8). Adalah
memang satu tragic jika kita fikir bahawa kita terlalu berdosa untuk berdoa seperti
seorang yang sangat sakit percaya bahawa dia terlalu sakit untuk menjumpai seorang
dokter!

Kita mestinya tidak memikirkan bahawa apa jenis doa pun, walaupun doa itu ikhlas, akan
berkesan jika kita hanya mengucapkan doa itu sahaja. Kita tidak hanya mestinya
mengucapkan doa kita, tetapi kita mesti hidup dengan soleh dan berkerja untuk menerima
jawapan doa. Tuhan lebih bersuka hati terhadap orang yang berdoa dan berkerja dan
bukan orang yang hanya berdoa. Seperti ubat, doa menjadi berkesan bila kita
gunakannya mengikut arahan.

Bila saya kata doa adalah satu hak istimewa yang manis, ia bukan hanya kerana saya
bersyukur sebab saya dapat bercakap dengan Bapa Syurgawi dan dapat merasai RohNya
bila saya berdoa. Ia juga kerana Dia benar-benarnya menjawab dan bercakap dengan
kita. Tentunya, cara Dia bercakap dengan kita biasanya bukan dengan suara yang kita
dengari. Presiden Boyd K. Packer menjelas: “ Lebih banyak kali, bunyi ilham yang
manis dan diam datang secara satu perasaan dan bukan satu suara. Kecerdikan yang
suci boleh datang ke fikiran... Bimbingan ini datang secara fikiran, secara perasaan
melalui peringatan dan impresi” (Prayer and Promptings,” Liahona and Ensign, Nov.
2009,44)

Kadang kala nampaknya kita tidak menerima jawapan kepada doa kita yang ikhlas dan
berusaha. Kita memerlukan iman untuk mengingati bahawa Tuhan jawab dalam tempoh
masaNya dan dengan caraNya supaya Dia dapat memberkat kita dengan cara yang paling

October 2011 Sunday Afternoon Session---56 Elder J. Devn Cornish 348 Malay
baik. Bila kita memikir dengan lebih mendalam, kita selalu menyedari bahawa kita
sudah tahu dengan sepenuhnya apa yang harus kita lakukan.

p.5

Jangan merasa tawar hati jika ini tidak berlaku kepada anda dengan serta-merta. Seperti
mempelajari satu bahasa asing, ia memerlukan latihan dan usaha. Sila tahu, bahawa,
anda boleh belajar bahasa Roh, dan bila anda sudah belajar, ia akan berikan anda iman
dan kuasa yang besar dalam kesolehan.

Saya menghargai nasihat nabi kita, Presiden Monson, yang berkata : “Kepada mereka
yang dapat mendengari suara saya yang berjuang dengan cabaran-cabaran dan kesusahan
yang besar atau kecil, doa adalah pembekal kekuatan rohani; ia akan menuju ke
kedamaian. Doa adalah cara kita menghampiri Bapa Syurgawi kita, yang menyayangi
kita. Bercakap kepada Dia dalam doa dan kemudian mendengar jawapan. Mukjizat
dilakukan melalui doa” (“Be Your Best Self,” Liahona dan Ensign, Mei 2009,68).

Saya amat bersyukur terhadap hak istimewa saya untuk menghadapi Bapa Syurgawi saya
dalam doa. Saya bersyukur terhadap banyak kali Dia sudah mendengari doa saya dan
menjawab doa saya. Sebab Dia menjawab doa saya, termasuk cara yang boleh diramal
dan cara mukjizat, saya tahu bahawa Dia hidup. Saya juga bersaksi dengan rendah hati
bahawa Yesus, Putera KudusNya, adalah juruselamat kita yang hidup. Ini adalah
GerejaNya dan kerajaanNya pada bumi ini; kerja ini benar. Kita berdoa bagi puhak
Thomas S. Monson, nabiNya; dan saya bersaksi dengan kepastian yang penuh dalam
nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Elder Quentin L. Cook

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Ramai orang menghadapi masalah-masalah penting atau tragedi dalam perjalanan fana ini. Seluruh dunia kita lihat contoh-contoh ujian dan kesengsaraan. Kita rasa emosi yang kuat kerana gambar-gambar kematian, penderitaan genting, dan putus asa. Kita lihat orang Jepun berjuang dengan berani melawan kemusnahan dari gempa bumi dan tsunami. Imej yang membimbangkan disebabkan oleh pembinasaan menara Pusat Dagangan Dunia, yang kita melihat tidak lama dahulu semasa peringatan ulang tahun, menyedihkan untuk mengenang kembali. Sesuatu mengharukan kita apabila kita menjadi sedar akan tragedi begitu, terutamanya apabila dialami oleh orang yang tidak bersalah.

Kadang-kadang tragedi sangat peribadi. Mungkin seorang anak mati bila masih mudah atau menjadi mangsa kepada penyakit dahsyat. Mungkin ibu atau bapa penyayang meninggal kerana kemalangan. Apabila tragedi terjadi, kita berdukacita dan berusaha untuk menanggung beban sesama lain. Kita bersedih sebab perkara yang tidak akan dicapai dan lagu yang tidak akan dinyanyikan.

Antara soalan yang paling kerap ditanya kepada pemimpin Gereja adalah: “Kenapa Tuhan yang adil membenarkan perkara yang tidak baik terjadi, terutamanya kepada orang baik?” “Kenapa mereka yang soleh dan yang melayani Tuhan tidak diselamatkan dari tragedi begitu?”

Walaupun kita tidak tahu semua jawapan, kita tahu asas yang penting yang membantu kita untuk menghadapi tragedi dengan iman dan keyakinan bahawa ada masa depan dengan harapan yang dirancang bagi setiap orang antara kita. Antara asas yang paling penting adalah:

Pertama, kita mempunyai Bapa di Syurga, yang kenal dan mengasihi kita secara peribadi dan memahami penderitaan kita dengan sempurna.

Kedua, Putera-Nya, Yesus Kristus, ialah Juruselamat dan Penebus kita, yang korban tebusan-nya bukan sahaja bersedia untuk penyelamatan dan kemuliaan malah akan mengimbangi semua ketidakadilan hidup.

Ketiga, rancangan kebahagiaan Bapa bagi anak Dia memasukkan bukan sahaja hidup prafana dan fana malah hidup yang abadi juga, termasuk majlis perjumpaan agung dan hebat dengan mereka yang sudah meninggal.

Dari perspektif terhadap mereka yang tidak mempunyai pengetahuan, pemahaman, atau iman dalam rancangan Bapa—yang memandang dunia melalui kanta kefanaan dengan peperangan, keganasan, penyakit, dan kejahatannya—hidup ini nampaknya memuramkan, huru-hara, tidak adil, dan tidak bermakna. Pemimpin Gereja membandingkan perspektif ini dengan orang yang masuk drama dengan tiga babak semasa babak kedua. Mereka yang tiada pengetahuan rancangan Bapa tidak faham apa terjadi dalam babak pertama, atau kehidupan prafana, dan tujuan yang ditubuhkan di sana; mereka pun tidak faham penjelasan dan penyelesaian yang datang dalam babak ketiga, yaitu pencapaian hebat rancangan Bapa.

Ramai tidak sedar bahawa melalui rancangan menyeluruh dan penuh kasih Dia, mereka yang nampaknya kurang bernasib baik, bukan kerana kesalahan mereka, tidak kurang bernasib baik pada akhirnya.

Hampir seratus tahun sudah berlepas sejak penenggelaman tragik kapal besar, *Titanic*. Keadaan teruk, yang mengelilingi peristiwa dahsyat ini, ada kesan pada orang selama 100 tahun sudah. Para promoter kapal mewah dan baru itu, yang ada 11 tingkat dan 270 meter panjang, membuat dakwaan yang tidak diberikan justifikasi tentang keselamatan *Titanic* dalam perairan sejuk penuh dengan aisberg. Mereka kira bahawa kapal ini tidak dapat tenggelam; tetapi bila ia tenggelam di bawah permukaan Laut Atlantic sejuk, lebih daripada 1,500 jiwa mati.

Dalam banyak cara, penenggelaman *Titanic* adalah metafora untuk hidup dan banyak asas injil. Itu contoh sempurna akan kesusahan memandang hanya melalui kanta hidup fana ini. Kehilangan nyawa bencana dalam akibatnya, tetapi ia kemalangan. Sudah ada banyak kematian dari dua perang dunia, dan kita baru habis tahun kesepuluh sejak kemusnahan menara Pusat Dagangan Dunia; kita lihat, pada zaman kita, pandangan kejutan, azab, dan isu moral yang mengelilingi peristiwa dari penggunaan jahat hak pilihan. Ada akibat dahsyat kepada keluarga, kawan, dan negara kerana ini, tidak kira sebabnya.

Mengenai *Titanic*, pelajaran dibelajar tentang kebahayan kesombongan dan mengembara dalam perairan bahaya dan “bahawa Tuhan bukan orang yang pilih kasih.” Orang yang terlibat adalah tiap-tiap jenis dan budaya. Ada orang kaya dan terkenal, seperti John Jacob Astor; tetapi juga ada pekerja, imigran, wanita, kanak-kanak, dan anak kapal.

Ada sekurang-kurangnya dua hubungan anggota Gereja dengan *Titanic*. Kedua-dua menerangkan cabaran kita untuk memahami ujian, seksaan, dan tragedi dan memberi wawasan tentang bagaimana kita boleh menananginya. Yang pertama adalah contoh menghargai berkat yang kita terima dan cabaran yang kita hindari. Ia melibatkan

Alma Sonne, yang kemudiannya berkhidmat sebagai Penguasa Umum. Dia presiden pancang saya bila saya lahir di Logan, Utah. Saya ada temu duga dengan Elder Sonne sebelum misi saya. Pada masa itu, setiap orang yang mahu pergi misi ditemu duga Penguasa Umum. Dia pengaruh besar dalam hidup saya.

Bila Alma masih muda, dia ada kawan yang kurang aktif dalam Gereja, bernama Fred. Mereka ada banyak perbincangan tentang pergi misi, dan akhirnya Alma Sonne meyakinkan Fred untuk bersiap dan berkhidmat. Mereka berdua dipanggil ke Misi British. Pada akhir misi mereka, Elder Sonne, sebagai setiausaha misi, buat persiapan perjalanan untuk kepulangan mereka ke Amerika Syarikat. Dia membeli tiket pada *Titanic* bagi diri dia, Fred, dan empat orang mubaligh lagi yang pun habis misi mereka. Bila masa tiba untuk berjalan, Fred dilambatkan. Elder Sonne membatalkan semua enam tiket mereka pada kapal mewah baru itu pada pelayaran pertamanya dan membeli tiket pada kapal yang belayar hari berikutnya. Empat orang mubaligh yang teruja untuk menaiki *Titanic* menyatakan rasa kecewa mereka. Jawapan Elder Sonne serupa laporan Yusuf dan abangnya di Mesir dicatatkan dalam Kejadian: “Macam mana kita dapat pulang kepada keluarga kita kalau anak itu tidak bersama dengan kita?” Dia menjelaskan kepada rakan dia bahawa mereka datang ke England bersama-sama, dan mereka semua harus pulang ke rumah bersama-sama. Elder Sonne kemudiannya belajar tentang penenggelaman *Titanic* dan dengan berterima kasih berkata kepada kawan dia Fred, “Kamu menyelamatkan hidupku.” Fred menjawab, “Bukan, melalui memujuk saya pergi misi ini, kamu menyelamatkan hidupku.” Setiap mubaligh mengucapkan terima kasih kepada Tuhan untuk memelihara mereka.

Kadang-kadang, seperti dengan Elder Sonne dan rakan mubaligh dia, berkat besar datang kepada mereka yang setia. Kita harus bersyukur atas semua rahmat yang datang ke dalam hidup kita. Kita tidak menyedari banyak berkat yang kita menerima sehari-hari. Sangat penting bahawa kita mempunyai sikap bersyukur dalam hati kita.

Kitab suci jelas; orang yang soleh, yang mengikuti Juruselamat, dan yang menaati perintah akan makmur di tanah. Satu bahagian penting menjadi makmur adalah mempunyai Roh dalam hidup kita.

Namun demikian, kesolehan, doa, dan kesetiaan tidak selalu akan menyebabkan akhir bahagia dalam kefanaan. Ramai akan mengalami ujian teruk. Bila ini terjadi, mempunyai iman dan mencari berkat imam diluluskan oleh Tuhan. Tuhan telah menyatakan, “Penatua gereja... hendaknya dipanggil, dan hendaknya berdoa dan menumpangkan tangan mereka ke atas diri mereka dalam nama-Ku; dan jika mereka mati mereka akan mati bagi-Ku, dan jika mereka hidup mereka akan hidup bagi-Ku.”

Hubungan anggota Gereja kedua dengan *Titanic* adalah instruktif sebab tiada akhir fana yang bahagia. Irene Corbett berumur 30 tahun. Dia isteri dan ibu muda dari Provo, Utah. Dia mempunyai bakat nyata sebagai seniman dan ahli muzik; dia juga seorang guru dan jururawat. Pada desakan daripada profesional perubatan di Provo, dia menghadiri kursus selama enam-bulan tentang kemahiran bidan di London. Dia ingin mendatangkan kesan di dunia. Dia teliti, baik hati, berdoa, dan berani. Salah satu sebab yang dia memilih *Titanic* untuk pulang ke Amerika Syarikat ialah bahawa dia fikir para mubaligh akan berjalan bersama dia dan bahawa itu akan memberi lebih keselamatan. Irene salah seorang wanita yang tidak terselamat tragedi dahsyat ini. Kebanyakan wanita dan kanak-kanak dihantar dalam bot penyelamat dan diselamatkan. Tiada cukup bot penyelamat bagi semua. Tetapi adalah dipercayai bahawa dia tidak masuk bot penyelamat kerana, dengan pelatihan khusus dia, dia menjaga perluan penumpang yang banyak yang dilukai dari perlanggaran dengan aisberg.

Ada banyak jenis cabaran. Beberapa memberi kita pengalaman penting. Akibat buruk dalam kehidupan fana ini bukan bukti akan kekurangan iman atau ketidaksempurnaan dalam rancangan umum Bapa di Syurga. Api tukang pemurni logam adalah benar, dan kualiti watak dan kesolehan yang didapat melalui kesusahan menyempurnakan dan memurnikan kita dan menyediakan kita untuk jumpa Tuhan.

Bila Nabi Joseph Smith seorang banduan di Penjara di Liberty, Tuhan menyatakan kepada dia bahawa banyak bencana boleh terjadi kepada manusia. Juruselamat berkata, “Jika engkau dilemparkan ke dalam samudra; jika gelombang yang menggulung bersekongkol melawan engkau; jika angin dahsyat menjadi musuhmu; ... dan segala unsur bergabung untuk menghalangi jalan; ... segala hal ini akan memberi engkau pengalaman, dan akanlah demi kebaikanmu.” Juruselamat mengakhiri ajaran-Nya: “Hari-harimu diketahui, dan tahun-tahunmu tidak akan dikurangi jumlahnya; oleh karena itu, janganlah takut ..., karena Allah akan besertamu selama-lamanya.”

Beberapa cabaran disebabkan oleh hak pilihan orang lain. Hak pilihan penting bagi pertumbuhan dan kemajuan rohani peribadi. Kelakuan jahat adalah sebahagian hak pilihan. Kapten Moroni menjelaskan ajaran penting ini: “Tuhan membiarkan yang soleh dibunuh agar keadilan dan penghakiman-Nya boleh datang ke atas yang jahat.” Dia menjelaskan bahawa yang soleh tidak sesat, tetapi “masuk ke dalam peristirahatan Tuhan Allah mereka.” Yang jahat akan bertanggungjawab untuk perkara jahat yang mereka buat.

Beberapa cabaran datang dari ketidakpatuhan hukum Tuhan. Masalah kesihatan disebabkan oleh merokok, minuman keras, dan penyalahgunaan dadah menghairankan. Pemenjaraan di penjara yang disebabkan oleh jenayah berkaitan minuman keras dan dadah juga sangat lazim.

Kekerapan perceraian kerana zina pun ketara. Banyak ujian dan kesukaran ini dapat dihindari melalui kepatuhan hukum Tuhan.

Presiden misi terkasih saya, Elder Marion D. Hanks (yang meninggal dalam Ogos), minta kita mubaligh untuk menghafal satu kenyataan untuk menghindari kesusahan hidup fana: “Tiada kemungkinan, tiada takdir, tiada nasib yang dapat memintas atau menghalang atau mengawal pembaktian kuat dari orang berazam.”

Dia mengakui bahawa ini tiada kaitan dengan semua cabaran yang kita menghadapi, tetapi benar dalam perkara rohani. Saya menilai nasihat dia dalam hidupku.

Salah satu sebab untuk kehilangan nyawa dahsyat di *Titanic* ialah kerana tiada cukup bot penyelamat. Tidak kira ujian yang kita menghadapi dalam hidup ini, Korban Tebusan Juruselamat memberi bot penyelamat bagi semua orang. Bagi mereka yang fikir ujian yang mereka menghadapi tidak adil, Korban Tebusan mengimbangi semua ketidakadilan kehidupan.

Satu cabaran unik bagi mereka yang kehilangan orang disayangi ialah menghindari berfikir banyak tentang peluang terhilang dalam hidup ini. Sering kali mereka yang mati awal menunjukkan kebolehan, minat, dan bakat yang ketara. Dengan pemahaman terhadap kita, kita berkabung kerana perkara yang tidak akan dicapai dan lagu yang tidak akan dinyanyikan. Ini digambarkan sebagai mati dengan muzik masih di dalam kamu. Muzik dalam keadaan ini ialah metafora untuk potensi yang tidak dicapai apa-apa jenis. Kadang-kadang orang membuat persediaan ketara tetapi tiada peluang untuk mencapainya dalam kefanaan. Salah satu puisi klasik yang sering dipetik, *Puisi Ditulis di Kawasan Gereja Desa* oleh Thomas Gray, membayangkan peluang terlepas begitu:

*Banyak bunga mekar tanpa dilihat,
dan membuang keindahannya dalam udara gurun.*

Peluang dihilangi mungkin berkaitan keluarga, pekerjaan, bakat, pengalaman, atau orang lain. Semua perkara ini dipendekkan bagi Saudari Corbett. Ada lagu yang dia tidak menyanyikan dan potensi dia tidak mencapai dalam hidup fana ini. Tetapi dipandang melalui kanta injil yang lebar dan jelas, dan bukannya kanta kewujudan fana yang terhad, kita tahu tentang ganjaran abadi besar yang dijanji oleh Bapa penyayang dalam rancangan-Nya. Seperti Rasul Paulus mengajar, “Apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, dan tidak pernah didengar oleh telinga, dan yang tidak pernah timbul di dalam hati manusia: semua yang disediakan Allah untuk mereka yang mengasihi Dia.” Satu garis daripada nyanyian rohani terkasih memberi kesenangan, ketenangan, dan kanta jelas: “Dan Yesus boleh mendengar lagu saya tidak dapat menyanyi.”

Juruselamat berkata: “Biarlah hatimu terhibur... Diam dan ketahuilah bahwa Aku adalah Allah.” Kita mempunyai janji-Nya bahawa kita bersama anak kita akan menyanyikan “nyanyian sukacita abadi.” Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Oleh Presiden Thomas S. Monson

Saudara-Saudari, saya tahu kamu akan setuju dengan saya bahawa persidangan dua hari ini sangat mengilhami. Kita telah merasakan Roh Tuhan dengan berlimpah-limpah dua hari ini sewaktu hati kita disentuh dan kesaksian kita mengenai pekerjaan ilahi ini diperkuatkan. Kita mengucapkan syukur kepada setiap satu yang telah berperanan, termasuk Saudara-Saudara yang berdoa.

Kita semua di sini kerana kita menyayangi Tuhan dan berkeinginan untuk melayani Dia. Saya bersaksi kepada kamu semua bahawa Bapa Syurgawi kita menyadari kita. Saya mengakui tangan-Nya dalam segala hal.

Sekali lagi, musik sangat merdu, dan saya mengucapkan syukur pribadi saya dan itu dari seluruh Gereja kepada mereka yang berela untuk mengongsikan bakat-bakat mereka dengan kita.

Kita mengucapkan syukur terdalam kita kepada Saudara-Saudara itu yang telah dilepaskan dalam persidangan ini. Mereka telah melayani dengan setia dan telah membuat banyak sumbangan pada pekerjaan Tuhan.

Saya mengucapkan syukur mendalam kepada penasihat saya yang taat dan setia dan, secara awam, saya berterima kasih kepada mereka atas sokongan dan bantuan yang mereka sediakan bagi saya. Merekalah betul-betul orang penuh kebijaksanaan dan pemahaman, dan pelayanan mereka sangat ternilai.

Saya berterima kasih kepada saudara-saudara saya dalam Kuorum Dua Belas atas pelayanan tetap mereka dalam pekerjaan Tuhan. Begitu juga, saya mengucapkan syukur saya kepada ahli-ahli Kuorum-Kuorum Tujuh Puluh serta Lembaga Uskup Utama atas pelayanan yang efektif dan tidak mementingkan diri. Saya, dengan cara sama, mengucapkan syukur saya kepada baik wanita maupun lelaki yang layani sebagai pemimpin badan sokongan.

Saudara-saudari, saya menyaksikan kepada kamu bahawa Bapa Syurgawi kita menyadari cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam dunia ini pada zaman ini. Dia menyayangi kita masing-masing dan akan memberkati kita semasa kita berusaha untuk mentaati perintah-perintah-Nya dan mencari Dia melalui doa.

Betapa diberkati kita untuk mempunyai Injil Yesus Kristus yang dipulihkan. Ia memberikan jawapan pada soalan berkaitan pada dari mana kita berasal, kenapa kita

berada di sini, dan ke mana kita pergi bila kita berlepas dari kehidupan ini. Ia memberikan maksud dan tujuan dan harapan pada kehidupan kita.

Saya berterima kasih kepada kamu atas pelayanan yang dengan rela kamu saling tawarkan. Kitalah tangan Tuhan di sini di bumi ini, dengan suruhan untuk menyayangi dan untuk melayani anak-anak-Nya.

Saya berterima kasih kepada kamu bagi segala yang kamu lakukan dalam bahagian dan cabang kamu. Saya mengucap syukur saya bagi kerelaan kamu untuk melayani di tempat-tempat yang kepadanya kamu dipanggil, tak kira tempat itu. Setiap satu penting dalam kemajuan pekerjaan Tuhan.

Persidangan sekarang berakhir. Semasa kita pulang ke rumah kita, semoga kita selamat. Harap kita boleh tiada masalah dalam ketiadaan kami. Semoga Roh itu yang kita rasakan di sini menyertai dan tinggal bersama kita semasa kita menerus dengan hal-hal itu yang kita buat hari-hari. Harap kita menunjukkan kebaikan tambahan satu sama yang lain. Semoga kita sentiasa membuat pekerjaan Tuhan.

Semoga berkat syurga berada bersama kamu. Harap rumah-rumah kamu dipenuhi dengan rasa keselarasan dan kasih sayang. Semoga kamu tetap menyuburkan kesaksian kamu, supaya ialah menjadi perlindungan bagi-mu terhadap si musuh.

Sebagai hamba-mu yang rendah hati, saya berkeinginan dengan sepenuh hati saya untuk membuat kehendak Tuhan dan untuk melayani Dia dan untuk melayani kamu.

Saya menyayangi kamu; saya berdoa bagi kamu. Saya mahu meminta sekali lagi agar kamu mengingat saya dan semua Penguasa Umum dalam doa-doa kamu. Kitalah satu dengan kamu dalam memajukan pekerjaan yang menakjubkan ini. Saya bersaksi kepada kamu bahawa kita semua berada bersama dalam pekerjaan ini dan bahawa setiap lelaki, wanita, dan kanak mempunyai peranan. Semoga Tuhan memberikan kepada kita kekuatan serta kemampuan dan ketekadan untuk membuat peranan kita dengan baik.

Saya memberikan kesaksian saya kepada kamu bahawa pekerjaan ini adalah benar, bahawa Juruselamat kita hidup, dan bahawa Dia membimbing dan mengarahkan Gereja-Nya dia atas bumi ini. Saya tinggalkan bersama kamu kesaksian saya bahawa Tuhan, Bapa Kekal kita hidup dan menyayangi kita. Dia betul-betul Baba kita, dan Dia adalah sebenar dan mengenal setiap satu antara kita. Harap kita menyadari dan memahami betapa rapat Dia mahu jadi dengan kita dan apa yang akan Dia buat untuk membantu kita, betapa banyak Dia menyayangi kita, dan betapa banyak Dia membuat dan berela untuk buad bagi kita.

Semoga Dia memberkati kamu. Semoga kedamaian terjanji Dia menyertai kamu sekarang dan sentiasa.

Saya mengucapkan selamat jalan kepada kamu semua sampai kita berjumpa lagi dalam masa enam bulan, dan saya membuat ini dalam nama Yesus Kristus, Juruselamat dan Sang Penebus kita, amin.